

**Bil. 37**

**Isnin  
19 Oktober 2015**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Perubahan Tempat Duduk Ahli	(Halaman	1)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	1)
Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman	1)

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

(Halaman 21)

### **USUL-USUL:**

Melantik Jawatankuasa Pemilih Di Bawah P.M. 76 (Halaman 22)

Melantik Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Halaman 34)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015 (Halaman 62)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P. [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P., S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
11. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
12. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
13. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
14. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
15. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
20. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
21. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
22. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
23. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
24. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
26. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
27. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] – UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
31. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
32. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
33. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
34. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
36. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA

**TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Taph] – MIC
3. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
9. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah – *Senator*
14. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan – *Senator*
15. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] – MIC
18. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
20. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB

22. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB

13. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
18. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
19. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO
20. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato’ Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] – UMNO
24. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
25. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
26. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
27. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
28. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
38. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
39. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
40. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
41. “ Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
42. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
43. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
44. “ Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh] - UMNO
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO

46. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
47. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
48. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
49. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
50. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
51. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
52. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
53. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
54. “ Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
55. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
56. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
57. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
58. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
59. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
60. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
61. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
62. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
63. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
64. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
66. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
67. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
68. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
69. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
70. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
71. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
72. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO



**AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
10. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
11. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
16. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
17. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
18. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
19. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
20. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
21. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
22. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
23. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
24. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
25. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
26. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
27. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**BEBAS**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

**PARLIMEN**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pa Chik

**PETUGAS-PETUGAS**  
**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Awangku Mohd Salleh bin Awangku Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhillah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 19 Oktober 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUBAHAN TEMPAT DUDUK AHLI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kepada Majlis Mesyuarat bahawa terdapatnya perubahan tempat duduk dalam Mesyuarat kali ini. Namun tempat duduk yang ditentukan ini adalah untuk sementara sebelum saya membuat keputusan dengan mengambil kira persetujuan daripada ketua-ketua parti. Terima kasih.

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pendidikan (Pindaan) 2015;
2. Akta Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2015;
3. Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015;
4. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 2015;
5. Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 2015;
6. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015;
7. Akta Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015;
8. Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015;
9. Akta Ahli Kimia (Pindaan) 2015;
10. Akta Polis (Pindaan) 2015; dan
11. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2015.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Sila Setiausaha baca.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“Tarikh

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2015;
2. Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2015;
3. Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015;
4. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015;
5. Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015;
6. Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015;
7. Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015;
8. Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migrain (Pindaan) 2015;
9. Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015;
10. Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015;
11. Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015;
12. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2015.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membuat transformasi menyeluruh terhadap Majlis Keselamatan Negara (MKN) agar ia lebih efektif dalam menangani cabaran yang kian kompleks terutama membabitkan keselamatan global mutakhir ini.

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perubahan persekitaran geopolitik dan bentuk ancaman pada masa kini yang memfokuskan kepada ancaman dan pelaku bukan negara (*non-state actors*) sama ada berpunca dari luar mahupun dalam negara, ancaman dalam bentuk *violent extremism* dengan izin ke atas Malaysia merupakan ancaman yang nyata dan kerajaan memberi perhatian yang amat serius dalam menangani ancaman tersebut.

Maka kerajaan kini dalam proses mengukuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai agensi barisan yang berkesan dalam menyelaras dasar serta strategi keselamatan negara.

Langkah-langkah transformasi ini antara lain meliputi:

- (i) kajian semula mengenai fungsi dan peranan MKN sebagai agensi yang melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan oleh kerajaan. Ini termasuk keperluan mewujudkan satu akta baru iaitu Akta MKN bagi mewujudkan MKN secara perundangan seperti mana yang dilakukan di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, India, Jepun, Filipina, Thailand, United Kingdom dan sebagainya. Rang Undang-undang MKN ini akan dibentangkan di Parlimen pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas.

#### ■1010

- (ii) menyemak semula arahan-arahan MKN dan peraturan-peraturan tetap operasi (SOP) MKN bagi memastikan arahan tersebut masih relevan dan boleh diguna pakai sesuai dengan persekitaran semasa. Pengukuhan mekanisme pengurusan keselamatan di peringkat negeri juga akan terus dilaksanakan menerusi aktiviti-aktiviti yang mampu mewujudkan kesiapsiagaan secara menyeluruh di peringkat akar umbi dan nasional;
- (iii) menggubal Dasar Keselamatan Negara bagi menterjemahkan hasrat dan pendirian kerajaan berhubung pemeliharaan keselamatan serta menjamin kepentingan strategik negara khususnya menjelang tahun 2020. Dasar ini akan menjadi dasar utama yang memayungi dasar-dasar kerajaan yang lain dan akan dimurnikan bersama dengan Dasar Pertahanan, Dasar Keselamatan Dalam Negeri dan dasar-dasar lain yang berkaitan. Ia juga menjadi panduan kepada agensi-agensi keselamatan untuk melaksanakan fungsi dan tanggungjawab masing-masing; dan
- (iv) mengukuhkan organisasi MKN dengan meningkatkan keupayaan modal insan melalui penempatan pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran, pengalaman, pengetahuan yang tinggi dalam menguruskan keselamatan negara.

Jelasnya, adalah menjadi hasrat dan harapan kerajaan agar langkah-langkah transformasi MKN dapat dilaksanakan dengan sokongan padu yang tidak berbelah bagi oleh semua pihak. Ini penting bagi memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara dan dipertahankan oleh rakyat Malaysia pada masa kini dan generasi akan datang. Sesungguhnya, ini adalah selari dengan keputusan kerajaan pada 29 Julai 2015 yang mana kerajaan telah memutuskan bahawa peranan dan fungsi MKN perlu diperkukuhkan supaya menjadi barisan hadapan yang lebih berkesan menyelaras dasar serta strategi keselamatan negara. Tentunya ini berdasarkan kepada keperluan semasa dalam berhadapan dengan ancaman keselamatan yang semakin berkembang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya senaraikan ada beberapa ancaman yang jelas, ancaman jenayah rentas sempadan termasuk senjata api, ancaman dadah rentas sempadan, ancaman pemerdagangan manusia, ancaman keganasan dan kesongsangan *Islamic State*, ancaman siber, ketegangan di Laut China Selatan dan tidak kurang juga hampir 80,000 kapal dagang, saya difahamkan yang melebihi 200 tan melalui Selat Melaka setiap tahun, menjadikannya ia satu laluan yang amat sibuk dan penting di dunia. Kesemua yang saya sebut tadi menuntut pemantauan keselamatan yang sewajarnya. Jadi soalan tambahan saya, sejauh manakah Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara mampu dan bersedia menyumbang kepada keselamatan serantau dan antarabangsa? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, itulah menggambarkan hasrat kerajaan apabila ancaman-ancaman seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi. Walaupun bunyinya banyak tetapi masih ada lagi ancaman-ancaman lain yang perlu diberi perhatian. Perkara ini sedang ditangani oleh pelbagai kementerian dan agensi. Apa yang perlu untuk diselaraskan dengan lebih rapi menunjukkan bahawa kerajaan amat serius dan kita perlu meningkatkan segala

kemampuan kita, segala *resources*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang perlu kita guna pakai bagi menangkis segala bentuk ancaman keselamatan.

Berhubung dengan sumbangan kita pada keselamatan serantau, memang itu pun sudah dilakukan oleh kita dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Antara kejayaan yang cukup bermakna ialah apabila kita menjadi fasilitator dalam menguruskan masalah keselamatan di Filipina Selatan dengan hasrat kita untuk membantu ke arah kedamaian di kawasan Filipina Selatan. Banyak lagi yang boleh kita lakukan dalam konteks rantau ini. Tidak kurang penting jugalah pendirian tegas kita dalam soal-soal yang penting seperti soal kepentingan rakyat Palestin dan sebagainya.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana soal isu keselamatan ini isu yang universal, yang melangkaui sempadan politik dan sebagainya. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri, adakah pengerusi kepada Majlis Keselamatan Negara untuk negeri-negeri yang diperintah oleh bukan daripada Kerajaan Barisan Nasional diberikan kepada Menteri Besar ataupun Ketua Menteri yang memerintah negeri tersebut? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tanggungjawab utama dalam menguruskan keselamatan negara adalah bidang kuasa Kerajaan Pusat, maka kita perlu melaksanakan pengurusan keselamatan yang melambangkan peranan utama yang dimainkan oleh Kerajaan Pusat. Namun sebagai satu ketetapan, kita memang menggalakkan ketua-ketua agensi peringkat negeri untuk sentiasa memberi maklumat kepada ketua-ketua kerajaan negeri yang tidak bawah Kerajaan Barisan Nasional supaya mereka dalam pengetahuan dan boleh memainkan peranan dalam menangani soal keselamatan. Contohnya, apabila kita berdepan dengan banjir besar pada akhir tahun sudah, memang kita memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

**2. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Keseluruhan Perjanjian Malaysia 1963 iaitu 20 Perkara dengan Sabah dan 18 Perkara dengan Sarawak sudah dipenuhi, jika belum mengapakah ini berlaku dan jika belum adakah keseluruhan perjanjian akan ditunaikan serta apakah langkah terperinci termasuk garis masa untuk diberikan autonomi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab dengan lebih lanjut pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada hari ini, izinkan saya untuk turut menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang diutarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu:

- (i) soalan dari Yang Berhormat Limbang bertarikh juga pada hari ini iaitu 19 Oktober pada nombor 19;
- (ii) soalan oleh Yang Berhormat Ranau, nombor 44 bertarikh 20 Oktober;
- (iii) soalan oleh Yang Berhormat Lubok Antu, nombor 29 bertarikh 3 November;
- (iv) soalan oleh Yang Berhormat Gelang Patah, nombor 20 bertarikh 4 November;
- (v) soalan oleh Yang Berhormat Penampang, nombor 26 bertarikh 16 November;
- (vi) soalan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, nombor 22 bertarikh 1 Disember;
- (vii) soalan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, nombor 25 bertarikh 2 Disember;
- (viii) soalan oleh Yang Berhormat Lawas, nombor 23 bertarikh 3 Disember; dan



- (ix) soalan oleh Yang Berhormat Julau, nombor 29 juga bertarikh 3 Disember.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita berbicara lebih lanjut berhubung Perjanjian Malaysia, mahu tidak mahu kita perlu merujuk kepada sejarah, menghargai perkara yang berlaku dalam sejarah dan pada masa yang sama, menjiwai perkara-perkara di sekeliling pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu, ketika mereka bersama-sama membincang dan bersetuju membentuk Malaysia. Hanya dengan menjiwai perkara-perkara tersebut dengan hati tulus ikhlas, tidak berpolitik, barulah kita dapat berbicara dengan berlapang dada dan dengan niat yang suci untuk kita sama-sama maju ke hadapan dengan semangat kekitaan dan bersatu padu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Malaysia merangkumi dengan izin, *“With annexes, including the Constitutions of the States of Sabah, Sarawak and Singapore, the Malaysia Immigration Bill and the Agreement between the Governments of the Federation of Malaya and Singapore on common market and financial arrangements”*.

#### ■1020

Di dalamnya juga dinyatakan dengan jelas dalam Artikel 8, iaitu saya *quote* lagi, *‘pihak-pihak kepada perjanjian akan mengambil langkah perundangan eksekutif atau langkah-langkah lain bagi melaksanakan jaminan, janji dan syor yang terkandung dalam Bab 3 serta Annex A dan Annex B kepada laporan IGC setakat mana yang tidak diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan’*.

Dalam pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperbetulkan fakta dalam soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada hari ini di mana Yang Berhormat menyatakan Perjanjian Malaysia 1963 iaitu adalah 20 perkara dengan Sabah dan 18 perkara dengan Sarawak. Ingin saya jelaskan bahawa Perjanjian Malaysia 1963 dengan Perkara 18 yang diutarakan oleh Sarawak dan 20 perkara yang diutarakan oleh Sabah merupakan dua perkara yang berbeza.

Saya ingin membacakan antara petikan daripada buku yang dikarang oleh Yang Berbahagia Datuk JC Fong berjudul *Constitutional Federalism in Malaysia* tahun 2008. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya perlu menghormati aspirasi daripada negeri Sarawak dan juga aspirasi dari negeri Sabah. Jadi saya memetik Yang Berbahagia Datuk JC Fong yang menyatakan perkara yang diutarakan oleh Sarawak dan 20 perkara oleh Sabah seperti berikut.

*“Much has been said since Malaysia Day of the 20 points agreement by various quarters. It may be appropriate to clarify that these 20 points safeguards of agreement was a submission to the IGC which discussed the same at length during the committees meetings. For the record, the 20 points was a joint manifesto submitted to IGC by the Sabah alliance which is a grouping of major political parties in Sabah at that time. Stipulating the safeguards and special conditions demanded by the political parties forming the Sabah alliance for Sabah to join Malaysia. Not all the points were accepted by the IGC.”*

Seterusnya beliau turut menambah, *“It is thus the Malaysia Agreement and not the 20 points for Sabah and the 18 points for Sarawak which binds all parties in the formation of Malaysia or for Sabah and Sarawak to join the new federation. It would not be helpful towards promoting goodwill and unity in Malaysia and amongst Malaysians to continually refer to a wish list contained in a manifesto like the 20 points when representatives of all parties have signed that sacred and conclusive document called the Malaysia Agreement to give birth to our nation.”*

Dalam hal yang sama, Yang Berbahagia Tan Sri Simon Sipaun ini aspirasi dari Sabah pula dalam buku berjudul *50 Years of Malaysia: Federalism Revisited* dipetik berkata, *“I don’t look at these 20 points as an agreement. I refer to it as the 20 points memorandum or safeguards. Its contents reflected the standard of negotiating capacity, ability and experience of the North Borneo negotiating team.”* Oleh yang demikian saya harap penerangan ini dapat menjelaskan kepada semua pihak dan seluruh rakyat Malaysia berkenaan dengan 18 ataupun 20 perkara oleh Sarawak dan juga Sabah dengan Perjanjian Malaysia 1963.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih setengah abad kita menjadi negara berdaulat dan merdeka. Untuk mengecapi nikmat yang kita peroleh sekarang, ia bukanlah mudah. Ibarat anak kecil yang bermula merangkak, kemudian bertatih, berjalan, berlari. Samalah

juga perjalanan kita sebagai sebuah negara dari mencapai kemerdekaan menjadi negara membangun dan seterusnya menyasarkan untuk menjadi negara maju. Proses memajukan untuk mencapai tahap yang lebih baik merupakan proses berterusan atau dengan izin, *an ongoing process*.

Seterusnya antara proses berterusan inilah semasa merasmikan pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Jalur Gemilang 2015 di Kuching pada bulan Ogos yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan untuk lebih banyak kuasa pentadbiran membabitkan Jabatan dan agensi Persekutuan bakal diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam usaha merangsang pembangunan di kedua-dua negeri. Inisiatif berkenaan antara lain akan mampu meningkatkan sistem penyampaian dan kualiti perkhidmatan kepada rakyat dan sekali gus menangani isu pertindihan fungsi yang sering berlaku sebelum ini. Oleh yang demikian terma yang sesuai digunakan untuk inisiatif ini adalah pemberian dengan izin saya menggunakan perkataan '*empowerment*' secara pentadbiran.

Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini komited untuk melaksanakan pemberian *empowerment* secara pentadbiran yang dinyatakan tersebut berdasarkan kepada ketetapan-ketetapan yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara. *Empowerment* secara pentadbiran ini tertumpu kepada fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran tanpa melibatkan implikasi perundangan yang memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang negara yang berkaitan termasuklah perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam senarai Persekutuan, negeri dan bersama.

Dalam hal ini pemberian *empowerment* secara pentadbiran sedang diteliti dengan terperinci oleh Jawatankuasa Bersama mengkaji *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak atau JBMES. Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pegawai-pegawai tertinggi dari kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri ini ditubuhkan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas jawapan yang panjang lebar, sejarah. Akan tetapi apa yang penting saya hendak tanya terima kasih pencerahan tentang kuasa yang diberikan dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kepada Sabah Sarawak untuk mendapatkan kuasa dan apakah beri pencerahan bilakah perkara ini akan berkuat kuasa dan lagi satu jawab soalan adalah satunya adalah pemberian hasil kepada Sabah seperti yang termaktub dalam Jadual Kesepuluh, Bahagian IV, Perlembagaan Persekutuan. Dalam (1) dalam hal Sabah menerima 2/5 – 40% daripada amaun yang didapati oleh Persekutuan daripada Sabah. Oleh itu apakah Sabah akan menerima 40% hasil bersih seperti yang dijanjikan dan juga Sarawak juga meminta bahawa 20% royalti minyak Sarawak... [*Dewan riu*]

Kami dengar dengan baik, kenapa pula hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat sudahlah Yang Berhormat. Soalan penting ditanya, dengarlah. Kita mahu jawapan. [*Tepuk*]

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau buat begitu mengganggu mesyuarat Ahli Yang Berhormat. Sila, teruskan.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ordinan Sarawak yang saya tahu di Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat pun Sabah Sarawak. Sarawak membangkitkan royalti minyak 20% selaras dengan keperluan pembangunan di bawah Perkara 18. Jadi apakah statusnya terkini sekarang untuk perkembangan dalam belanjawan yang akan datang. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya hendak menyatakan saya mengucapkan terima kasih bagi pihak negeri Sarawak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Persekutuan kerana pada masa ini pun sudah berlaku, bukan sahaja perbincangan, malah ada yang telah sedang dalam proses diambil tindakan di mana seperti

yang saya nyatakan tadi JBMES Jawatankuasa Bersama melibatkan negeri Sarawak dan Sabah di peringkat negeri telah ditubuhkan jawatankuasa ini untuk melibatkan sebanyak perkara yang memberi kuasa kepada kerajaan negeri di mana peranan dalam menentukan keutamaan dari segi lokasi projek, pembangunan di negeri masing-masing diberi keutamaan negeri, kerajaan juga melibatkan Jawatankuasa Penilaian Tender semuanya melibatkan kerajaan negeri.

■1030

Daripada segi urusan temu duga bagi pengambilan dalam perkhidmatan awam seperti guru, polis, semuanya diberi keutamaan dan diperkasakan kerajaan negeri untuk melibatkan semuanya itu. Itu untuk Sabah dan Sarawak, dan bila- sebenarnya seperti yang saya nyatakan, sudah pun berlaku. Cuma, bila pengakhirnya? *It is a continuous process*, dengan izin. Itu adalah proses yang berterusan di mana melibatkan juga daripada segi royalti. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pun secara peribadi telah berbincang bersama dengan pihak Petronas dan ini masih juga dalam pengiraan. Kalau kita hendak menyentuh mengenai peratusannya, tidaklah saya dapat *commitkan* di sini dahulu.

Oleh kerana semuanya diambil kira oleh pihak kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk melihat apakah yang dikatakan *vacuum* dengan izin, ataupun yang masih dikatakan ketidakpuasaan yang belum dipenuhi. Semuanya itu sedang di*compile*, dengan izin, oleh pihak kedua-dua negeri. Ingin saya nyatakan juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi komitmen di mana bilangan guru anak kelahiran negeri Sabah dan Sarawak yang bertugas di negeri masing-masing akan ditambah sehingga 90% dalam tempoh tiga tahun ini. Jadi, itu sahaja yang dapat saya *commitkan* di sini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** [Bangun]

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua berdiri. Satu dari Sarawak, satu dari Sabah. Sila. Yang Berhormat Limbang, Sarawak dahulu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Soalan saya pendek sahaja. Dalam perundingan *so-called*, dengan izin, *the devolution of powers* ini, apakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk menutup agensi-agens Persekutuan yang dianggap bertindih dengan fungsi agensi-agens negeri dan sebaliknya, segala perancangan Persekutuan di negeri akan dilaksanakan mengikut dan melalui perancangan negeri. Terima kasih.

[Tepuk]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ini seperti yang saya nyatakan tadi, sudah pun dalam pelaksanaan dan telah dalam perbincangan dan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dengan pihak kerajaan negeri sedang pun berbincang perkara ini. Seperti yang saya nyatakan tadi, ada beberapa daripada segi agensi Persekutuan yang berada di dalam kerajaan negeri sama adanya diperlukan untuk terus ada di sana ataupun mungkin mereka akan bekerjasama dalam menjalankan ataupun melaksanakan fungsi-fungsi di peringkat negeri. Jadi, inilah menjadi tugas kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri pada hari ini di mana mereka sedang pun melaksanakan mencari *the vacuum*, dengan izin, saya tidak dapat mencari perkataan Melayunya, *vacuum* di mana mereka cuba melihat apa yang diperlukan dikekalkan di Sarawak ataupun di Sabah ataupun apa yang perlu ditutup. Oleh sebab ada juga di antara agensi, misalnya Jabatan Kebajikan.

Kita ada juga Jabatan Kebajikan di negeri Sarawak. Jabatan Kerja Raya, kita ada juga Jabatan Kerja Raya di negeri Sarawak dan begitu juga pendidikan. Akan tetapi itulah perlu diteliti dahulu sebelum kita membuat keputusan supaya ianya menjadi satu keputusan yang tepat dan juga yang boleh membantu memanfaatkan kedua-dua negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Isu penting, saya benarkan lagi satu soalan tambahan. Sila, Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, dengan penjelasan menteri tadi berkenaan dengan Artikel 8, Perjanjian Malaysia 1963 dan mekanisme yang boleh meng*enforcekan* ataupun melaksanakan segala terma-terma yang tidak dilaksanakan dalam Perjanjian Malaysia 1963. Menteri setujukah bahawa

Perjanjian Malaysia 1963 ini *is more supreme*, dengan izin, daripada *Federal Constitution*? Saya menggesa menteri untuk membeli juga buku yang dikenali sebagai *The Queen's Obligation* di mana hak kita di Sabah dan Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia termaktub dan disenaraikan dengan jelas. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan tadi, apabila saya menjawab, saya tidak mahu menidakkan aspirasi Sabah dan juga Sarawak. Di mana kita ada aspirasi yang dinyatakan mewakili negeri Sabah oleh Tan Sri Simon Sipaun dan juga untuk Sarawak oleh Yang Berbahagia Datuk JC Fong. Kita tidak mengatakan Perjanjian Malaysia itu lebih *supreme* daripada *Federal Constitution*, *sorry, your* soalan tadi apa itu?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** *That part, can you please repeat it*, dengan izin. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Dengan izin *in English, my question was, do you agree with me that The Malaysia Agreement 1963 is more supreme than the Federal Constitution. I would like to add that the Malaysia Agreement 1963 is actually an international treaty. Thank you.*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih. Okey, *now* apa yang dinyatakan dalam Perjanjian Malaysia, ianya melibatkan Sabah, Sarawak, Singapura, *Federation of Malaya* dan *of course* dengan diiktiraf oleh *international* punya itu pasal kita melibatkan pihak *British* juga sebelum - sebab kita ada *Cobbold Commission* yang pergi *survey*. Jadi, sebab itu mereka pergi, *they went on the ground*, dengan izin, untuk mendapatkan *survey*, untuk mendapatkan apakah *wish list* daripada Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu lahirnya *18 points* dan juga *20 points*.

Jadi, sebab itu kita hendak mengatakan apa yang lebih *supreme* itu adalah tidak begitu adil. Cuma yang penting daripada segi implementasinya, kita mahu pastikan apa yang menjadi *wish list* kepada Sabah dan Sarawak dimasukkan dalam Perlembagaan. Apa yang di dalam Perlembagaan pada masa ini, ada yang masih belum dipenuhi. Oleh sebab itulah kita ada 'Perjanjian JBMES' ini untuk mengenal pasti apa yang menjadi kekurangan, yang menjadi kepincangannya bagi membolehkan kita memenuhi apa yang diinginkan oleh Sabah dan Sarawak sebelum ini yang dikatakan *wish list*, dengan izin, dapat dicapai dalam masa yang mereka telah bincangkan yang mana *as I said, it is ongoing*, dengan izin. Terima kasih.

**3. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tahap keselamatan negara ketika ini dan mengapa pengganas antarabangsa memilih Malaysia sebagai tempat perlindungan.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan lima soalan berkaitan perkara yang dibangkitkan. Memandangkan soalan-soalan berkenaan bertanyakan perkara yang sama iaitu tahap keselamatan negara dan langkah-langkah menangani keganasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kelana Jaya bertanya soalan yang sama pada hari ini, Yang Berhormat Kepong pada 20 hari bulan, Yang Berhormat Wangsa Maju pada 16 hari bulan, Yang Berhormat Tanah Merah pada 30 hari bulan dan Yang Berhormat Batu pada 1 Disember.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa tahap keselamatan negara berada dalam keadaan yang sangat baik dan terkawal daripada segi ancaman anasir pengganas di dalam dan luar negara kecuali yang di depan itu semua membuat angkara. Kenyataan Yang Berhormat Lenggong bahawa pengganas antarabangsa telah memilih Malaysia sebagai tempat perlindungan tidak dapat disahkan kebenarannya. Sebaliknya, berdasarkan risikan yang dilakukan oleh PDRM, Malaysia hanyalah merupakan negara transit sahaja untuk membolehkan mereka bergerak ke negara ketiga.

Kita juga sedar terdapat segelintir rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan elemen-elemen kumpulan pengganas seperti kumpulan *Islamic State*, Daulah Islamiah, namun pihak polis secara berterusan memantau dan mengesan mereka ini. Sehingga hari ini, pihak polis telah berjaya menahan seramai 132 orang yang terlibat dengan elemen-elemen pengganas termasuk IS hasil kerjasama antara pihak polis dengan agensi perisikan antarabangsa.

Daripada jumlah ini, seramai 123 orang ditangkap kerana terlibat dengan elemen IS yang kesemuanya telah diambil tindakan seperti yang berikut. 22 orang telah diambil tindakan di bawah POCA, 38 orang dibebaskan, 48 orang sedang didakwa, 14 orang telah diusir ke luar negara dan seorang masih lagi dalam siasatan. Walau bagaimanapun, saya tidak berhasrat untuk mendedahkan secara terperinci maklumat mereka berikutan masih terdapat siasatan polis yang sedang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membendung penularan ancaman kumpulan pengganas terutamanya kumpulan IS, kerajaan melalui KDN dan PDRM telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut. Antaranya mengadakan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN dan membuat pemantauan rapi bagi menjejaki yang disyaki dengan kumpulan tersebut.

#### ■1040

Keduanya, individu-individu yang disyaki sebagai pengganas juga kita perkongsikan maklumat di bawah *suspect list*, dengan izin. Ketiga, kita akan melaksanakan program *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini.

Selanjutnya, seiring dengan penguatkuasaan POTA, KDN bersama-sama PDRM, Jabatan Penjara dan agensi-agensi kerajaan yang lain telah menggubal modul pemulihan khusus atau dikenali sebagai dengan izin, *deradicalization* bagi menetralkan mana-mana individu yang terlibat dalam keganasan.

Akhirnya, kerajaan secara aktif telah menjadi tuan rumah di dalam *Special ASEAN Ministerial Meeting on the Rise of Radicalization and Violent Extremism* yang telah diadakan pada bulan September yang lalu. Malaysia juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan *Kuala Lumpur International Deradicalization Conference* yang akan diadakan, *insya-Allah*, pada 25 dan 26 Januari tahun hadapan. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Isu keselamatan negara pasti keutamaan kerajaan. Bagi menjamin keselamatan, kita mempunyai pelbagai undang-undang bagi membendung dan menghalang semua yang berlaku termasuk POTA dan SOSMA. Hakikatnya, isu keselamatan dan keganasan ini merentasi sempadan dan perlukan kerjasama pelbagai pihak dan pelbagai negara.

Isu yang berlaku pada hari ini, ada yang menuduh bahawa kerajaan menyalahgunakan SOSMA yang sepatutnya adalah langkah-langkah *preventive* iaitu pencegahan, dan dituduh juga kerajaan menahan individu dan pihak tertentu, kalau kita rujuk kes Dato' Seri Khairudin Abu Hasan misalnya, sedangkan kita melakukannya untuk tujuan-tujuan yang lebih besar untuk menjamin keselamatan negara dan sebagainya. Saya hendak dapat komen daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu bukan datang daripada Yang Berhormat Lenggong sebenarnya tetapi sepatutnya datang daripada orang depan saya ini. Tapi tidak apa.

**Seorang Ahli:** Petanda-petanda awal.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ingin menyebutkan bahawa SOSMA merupakan undang-undang prosedural yang memperuntukkan langkah-langkah khas untuk menyiasat kesalahan keselamatan. Kesalahan keselamatan di dalam SOSMA terkandung di dalam Jadual Pertama SOSMA. Antara kesalahan keselamatan yang terkandung di dalam Jadual Pertama SOSMA adalah kesalahan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan iaitu kesalahan-kesalahan terhadap negara dan Bab VIA iaitu kesalahan keganasan atau *terrorism offences*.

Justeru, sesiapa yang melakukan kesalahan yang tertakluk di dalam Jadual Pertama SOSMA ini, maka ianya akan dituduh di bawah kesalahan Kanun Keseksaan yang

merupakan undang-undang substantif. Manakala undang-undang yang digunakan di perbicaraan adalah undang-undang SOSMA yang merupakan undang-undang prosedural kerana SOSMA merupakan undang-undang yang memperuntukkan langkah-langkah untuk menyasat apa-apa kesalahan keselamatan.

Kesalahan keselamatan terpakai bagi semua kesalahan yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama SOSMA. Seksyen 124L Kanun Keseksaan adalah merupakan satu kesalahan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan yang mana Bab VI tersebut adalah kesalahan terhadap negara. Kesalahan tersebut merupakan kesalahan keselamatan yang diperuntukkan di bawah SOSMA. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masih. Walaupun duduk di belakang, masih saya nampak. Sila Yang Berhormat Pokok Sena. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Keep it up. [Ketawa] Don't give up ya.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau respons seperti begitu, lain kali saya tidak nampak. Sila. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey, baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tahniah kerana dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri berkaitan dengan disebut tadi bahawa keadaan keselamatan kita terkawal dan ada juga elemen-elemen tentang keganasan ataupun penglibatan sesetengah pihak daripada dalam negara kita yang terlibat dalam gerakan keganasan ini. Cuma saya hendak tanya, semalam ada lima orang ditahan pada pukul 12.30 tengah malam pada 18 hari bulan selepas daripada lepasan imigresen dalam perjalanan ke Turki daripada KLIA. Saya difahamkan salah seorang itu adalah anak anggota polis di Balai Jinjang yang hendak pergi melanjutkan pelajaran ke Turki.

Baik, saya menghormati- kita harus membanteras kegiatan keganasan ini tetapi apakah tidak ada cara pihak polis untuk tidak menyusahkan pihak orang ramai dan keluarga, menahan, menangkap mereka selepas mereka melepasi garisan imigresen? Kenapa tidak tahan sebelum mereka bergerak daripada rumah ataupun sebulan sebelum ini kalau mereka itu disyaki terlibat di dalam apa-apa kegiatan keganasan? Jadi saya agak terkejut bagaimana cara pihak polis bekerja, tidak menangani lebih awal. Seolah-olahnya kalau mereka itu tidak pergi ke Turki, mereka tidak ditahan. Seolah-olahnya begitu. Jadi saya minta penjelasan.

Soalan yang kedua dan akhir sekali ialah sejak bila kerajaan membuat pemantauan terhadap ISIS ini? Sejak tahun bila pemantauan terhadap ISIS ini? Adakah sejak daripada kemasukan RM2.6 bilion oleh Tok Arab yang dikatakan duit derma untuk hendak lawan ISIS? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Pokok Sena sering mempertikaikan langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak keselamatan sebagaimana dia mempertikaikan langkah oleh kepimpinan PAS tidak menyertai Pakatan lagi. Dan yang baru ini pun saya tidak pasti amanah ke tidak tetapi tidak menerima beliau untuk bersama-sama kerana pendiriannya belum tentu pasti ke mana arahnya, asalkan dirinya selamat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tidak menjurus kepada soalan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan bahawa terdapat beberapa langkah untuk dilakukan...

*[Yang Berhormat Pagoh mengambil tempat di dalam Dewan] [Tepuk]*

Ini penyokong Yang Berhormat Pagoh kah?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oh, sudah pasti, sudah pasti.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Kalau pasti, masuk sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan terdapat beberapa langkah dari segi penahanan sama ada sebulan sebelum, sehari sebelum atau ketika mahu melepasi *checkpoint* atau selepas *checkpoint*. Itu adalah langkah-langkah yang tertentu yang memang menjadi kelaziman kepada pihak keselamatan. Namun di dalam perkara itu, *suspect list* atau senarai syak diperolehi melalui agensi-agensi risikan antarabangsa termasuk tidak kira sama ada suspek berkenaan adakah anak anggota polis dan sebagainya. Kalau kebetulan anak Yang Berhormat Pokok Sena pun, kita tidak akan kompromi untuk melakukan penahanan jika anak Yang Berhormat terlibat walaupun boleh melaporkan terus kepada saya untuk memohon untuk dilepaskan tetapi tidak akan saya lepaskan.

Dalam hal ini, saya fikir apa yang kita lakukan terhadap 132 orang yang telah kita tahan dan malam tadi ada lima orang, adalah langkah-langkah yang lazim kita lakukan, bukan untuk menyekat pembelajaran mereka ataupun langkah-langkah yang dilakukan selanjutnya. Untuk pergi ke Turki ini adalah sebagai tempat transit sebelum pergi ke Syria dan Iraq.

Akan tetapi saya tidak menggunakan Dewan yang mulia ini untuk melakukan tuduhan kepada lima orang itu bagi melakukan keganasan sepenuhnya. Itu sebabnya siasatan dilakukan terlebih dahulu. Penahanan ini dibuat untuk menentukan bahawa terdapat maklumat yang selaras antara maklumat daripada *suspect list* melalui agensi perisikan antarabangsa dengan maklumat selepas interogasi dilakukan.

#### ■1050

Dalam perkara ini, berilah keyakinan kepada pihak keselamatan terutamanya PDRM untuk menjalankan tugas sebagaimana yang telah ditentukan mengikut prosedur yang telah juga ditetapkan. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang kedua, sejak bila dipantau?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. *Point* nya ialah ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, sila duduk Yang Berhormat. Sudahlah, sudahlah.

**4. Tuan Loke Siew Fook [Seremban]** minta Menteri Kewangan menyatakan secara terperinci jumlah kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang diterima oleh kerajaan mengikut sektor dari 1 April sehingga 30 September 2015 dan bagaimana kutipan cukai tersebut dimanfaatkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan pembentangan Bajet 2015, kerajaan menjangkakan anggaran kutipan hasil GST bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM23.2 bilion. Namun, pelbagai barang dan perkhidmatan telah dikecualikan atau dikenakan GST pada kadar sifar yang keseluruhannya dianggarkan sebanyak RM3.8 bilion. Ini ditambah lagi dengan pakej bantuan cukai dan bantuan bukan cukai seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia yang berjumlah RM4.9 bilion.

Pakej bantuan cukai adalah seperti pengurangan kadar cukai pendapatan sebanyak 1 hingga 3 mata peratusan untuk individu. Bagi syarikat, kadar cukai dikurangkan 1 mata peratusan daripada 25% kepada 24% dan syarikat kecil dan sederhana (PKS) dikurangkan 1 mata peratusan daripada 20% kepada 19%. GST adalah sebahagian daripada cukai tidak langsung seperti mana cukai yang lain yang dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan. Perbelanjaan kerajaan yang dilaksanakan pada setiap tahun adalah menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Disatukan. Pendapatan dan perbelanjaan kerajaan akan diumumkan pada setiap kali Rang Undang-undang Perbekalan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat mengenai kutipan GST semenjak ia dilaksanakan, ia akan diumumkan semasa pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan atau Bajet pada 23 Oktober 2015. Sekian, terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan ada pada hari ini. Saya tidak faham mengapa apabila Menteri Kewangan ada, Menteri Kewangan sendiri tidak jawab, diserahkan kepada Timbalan Menteri. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat, tidak semestinya Menteri yang berkenaan menjawab. *[Dewan riuh]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Akan tetapi Menteri ada, Menteri ada!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Menteri ada. Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang fasal reformasi Parlimen. Kita mahu *Prime Minister's question time*, *Prime Minister's question time!* Menteri ada tidak mahu jawab soalan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seremban, duduk dulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak faham-faham juga sistem kerajaan kita. Apalah ini.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tidak boleh macam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap dahulu, Yang Berhormat Seremban duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan setiap perbincangan seperti begini kita politikkan. Jangan, jangan dan jangan. Ini kerana apabila Yang Berhormat Seremban bersikap begitu, itu merupakan satu gangguan perjalanan mesyuarat yang begitu licin. Bagi saya, itu adalah agenda peribadi politik. Ahli Yang Berhormat, tidak ada dalam mana-mana mesyuarat yang menyatakan bahawa sekiranya Menteri yang berkenaan ada, Timbalan tidak boleh menjawab. Malahan dulu kita mempunyai sistem bahawa *Political Parliamentary Secretary* pun boleh menjawab. Jadi, jangan perkara yang sudah kita fahami semua, lencongkan lagi. Sila Yang Berhormat. Kalau tidak lagi Yang Berhormat mengganggu peraturan mesyuarat, saya tidak teragak-agak untuk rehatkan Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengganggu Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati semangat Tuan Yang di-Pertua hendak membawa reformasi dalam Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua hendak membawa *minister's question time*, *Prime Minister's question time*. Sepatutnya Menteri sendiri yang menjawab, bukannya diserahkan kepada Timbalan Menteri. Dia tidak boleh jawab soalan dasar. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, yang lain tolong senyap. Yang Berhormat Seremban, sila duduk.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya belum tanya soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seremban, sila duduk.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya belum tanya soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seremban, sila duduk! Yang lain itu tolong senyap. Saya ulang kembali lagi, Menteri yang berkenaan tidak semestinya menjawab setiap soalan. Ini semua kita fahami sejak dahulu lagi. Kenapa harus perkara yang sudah *settle* isu, lagi diubah? Kalau Menteri yang berkenaan mahu menjawab, dia akan jawab. Kalau timbalannya disuruh menjawab, dia boleh menjawab kerana apa pun jawapan itu adalah daripada kerajaan. Bukankah ini jelas? Jadi, jangan kaitkan saya dengan perkara yang sudah *settle* isu. Kalaupun saya bawa *reform*, itu adalah hal saya bawa *reform*. Jangan libatkan saya, Yang Berhormat. *Do not take advantage on that*, kepada semua juga yang bercakap di sana itu. *[Ketawa]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa elok Yang Berhormat kalau dari tadi bilang soalan tambahan. *[Ketawa]* Jadi kita tidak habiskan masa. Sekarang ini saya tidak benarkan Yang Berhormat untuk soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Soalan asal saya.



**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak! Yang Berhormat sama. Sila Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, jangan marahlah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau lagi Yang Berhormat cakap begitu, saya tidak benarkan. Ada lagi orang lain daripada pembangkang yang minat?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tidak, tidak. Sabar dulu Tuan Yang di-Pertua. Sabar dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, soalan Yang Berhormat, terus soalan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Soalan saya, kerana Menteri ada di sini, jadi *standing* nya, kenapa dia tidak boleh jawab soalan ini? Itu yang saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan kos sara hidup yang semakin meningkat, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan GST daripada 6% ke 3% dan juga memansuhkan GST pada *service sector*? Sekian terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebarang langkah-langkah yang dijalankan terutamanya untuk Bajet 2016 haruslah melihat keadaan ekonomi dan juga keadaan boleh dikatakan daripada segi pendapatan dan perbelanjaan kerajaan. Maka, sebarang pengumuman akan dibuat pada 23 Oktober 2015. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi satu soalan tambahan, ada masa. Sila daripada sebelah kiri saya. Soalan yang betul-betul soalan, jangan ganggu mesyuarat. Sila Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Menteri Kewangan atau sesiapa yang menjawab. Saya mendapat banyak aduan terutamanya daripada syarikat-syarikat yang mengatakan bahawa mereka tidak mendapat bayaran cukai input yang sepatutnya dibayar oleh kerajaan tepat pada masanya mengikut seperti yang diperuntukkan dalam akta. Ini menyusahkan dan menyukarkan mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak baik. Ini menyebabkan dengan izin, *cash flow*, aliran tunai mereka itu terjejas dan ini bukan perkara yang baru, selalu dibawa juga oleh dewan-dewan perniagaan. Saya pasti Timbalan Menteri tahu. Jadi boleh maklumkan kepada Dewan apa statistiknya dan apa masalah. Betulkah kerajaan sekarang ini tidak ada wang untuk membayar balik cukai input kepada peniaga-peniaga? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Nombor satu, daripada segi bayaran balik atau *refund*, sehingga sekarang, kerajaan telah memberi bayaran balik atau cukai input sebanyak RM4.5 bilion. Maka anggaran atau persepsi yang mengatakan kerajaan tidak ada wang, itu adalah salah. Kalau kerajaan tidak ada wang, ia tidak dapat bayar *refund* sebanyak RM4.5 bilion ini.

Kedua, daripada segi pelaksanaan GST. Kita semua sedia maklum ia adalah secara permulaan. Maka secara permulaan bukan daripada segi cukai *refund* sahaja tetapi dari segi *filing* atau pematuhan untuk membuat *filing* pada masa yang ditetapkan juga menghadapi masalah. Maka daripada segi ini, kerajaan sehingga sekarang untuk mereka yang belum membuat pematuhan GST atau belum *filed* GST, kerajaan juga tidak mengenakan kompaun kerana pada masa ini kita adalah pada *stage* untuk memberi bimbingan.

#### ■1100

Maka sama sahaja seperti pulangan cukai ini ataupun *refund* pada masa sekarang untuk *refund*. Ini adalah kali pertama kebanyakan dikendalikan. Maka ada juga yang mengisi borang-borang untuk mendapat cukai *refund* ini, mengisi borang dengan salah. Akan tetapi dari segi pemulangan cukai ini, dari segi yang menetapi 14 hari telah meningkat untuk setiap bulan. Data yang saya ada pada masa sekarang yang mematuhi 14 hari dan

ke bawah telah mencecah hingga 41% tetapi masih ada tempat atau ruang untuk pembaikan. Itu kita tahu dan sedar. Oleh itu kita harap kalau terdapat kes-kes terperinci di mana bayaran cukainya terlalu lama, saya harap Yang Berhormat juga boleh tujukan kes-kes tersebut kepada Kementerian Kewangan untuk kita selaraskan. Akan tetapi terdapat juga siasatan dijalankan ke atas cukai-cukai ini kerana ada cukai tuntutan yang dituntut itu adalah tidak munasabah atau data-data yang dikemukakan adalah tidak begitu tepat. Sekian, terima kasih.

**5. Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan negara jiran Indonesia merupakan negara tunggal ASEAN yang masih belum menandatangani Perjanjian Pencemaran Udara Rentas-Sempadan (ATHP). Apakah langkah-langkah yang diambil Malaysia selaku Pengerusi ASEAN untuk memujuk Indonesia agar segera meratifikasi Perjanjian ATHP yang sepatutnya telah dimeterai pada tahun 2003.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan ataupun *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* (AATHP) merupakan perjanjian yang telah ditandatangani oleh sepuluh negara ASEAN pada 10 Jun 2002 di Kuala Lumpur dan bukan pada tahun 2003.

Ia merupakan perjanjian serantau pertama di dunia yang menyekat dari segi undang-undang sekumpulan negara-negara bersempadan menangani masalah jerebu merentas sempadan akibat kebakaran hutan dan tanah gambut. Malaysia merupakan negara yang pertama dalam kalangan negara ASEAN yang telah meratifikasikan perjanjian itu pada 3 Disember 2002. Di peringkat ASEAN, Malaysia memainkan peranan aktif dan lantang dalam menerajui isu-isu pencegah jerebu merentas sempadan melalui mesyuarat-mesyuarat *Conference of the Parties* ataupun *COP to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* dan *Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution* yang diadakan secara berkala. Melalui kedua-dua forum tersebut, Malaysia dan negara ASEAN telah menggesa agar kerajaan Indonesia menyegerakan proses ratifikasi perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentas sempadan.

Hasil dari itu, maka Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat di sini, pencemaran jerebu merentasi sempadan dengan mendepositkan dokumen ratifikasi di Setiausaha Agung ASEAN pada 20 Januari 2015. Maknanya soalan ini telah dikatakan *overtaken by event*. Walau bagaimanapun, saya ingin juga menyebut sedikit sebanyak bahawa *agreement* ini mengandungi lima teras yang tertentu.

- (i) bekerjasama dalam membangunkan dan melaksana langkah-langkah pemantauan (*monitoring*) awal jerebu;
- (ii) mencegah (*prevention*) kebakaran tanah dan hutan serta jerebu;
- (iii) melaksanakan prosedur tindak balas pencemaran bersama (*joint emergency response*);
- (iv) kerjasama menubuhkan dana jerebu ASEAN; dan
- (v) melaksanakan kerjasama teknikal serta menyelidik saintifik terhadap masalah jerebu merentas sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sama ada adanya ataupun tiadanya perjanjian atau kita menunggu 13 tahun untuk Indonesia menandatangani perjanjian ini, sama ada kukuh atau longgarnya perjanjian yang tidak begitu *binding* ataupun yang tidak berkesan, hakikatnya keadaan jerebu begitu meruncing. Ia telah seolah-olah menjadi acara tahunan. Seolah-olah kita telah menjadi lali kepada perkara jerebu yang begitu kritikal. Kalau kita lihat hari ini sahaja di luar, sekolah-sekolah dibuka dan ditutup begitu sahaja sehinggakan tujuh negeri terlibat pada hari ini dan IPU di Kalimantan mencecah sehingga lebih daripada 2,000 indeksinya dan jarak penglihatan atau *visibility*nya hanya 10 meter. Ini adalah begitu serius.

Jadi soalan tambahan saya, adakah kerajaan selaku pengerusi ASEAN berpendapat bahawa Indonesia telah menjalankan tanggungjawab untuk mengawal, mencegah serta memantau dan bolehkah kita sebagai anggota ASEAN melalui AATHP ini meletakkan langkah-langkah penyelesaian ataupun mitigasi dengan bentuk-bentuk *enforcement* dan liabiliti dan juga penalti. Akhirnya, adakah pihak Indonesia itu sendiri mempunyai polisi-polisi ataupun langkah-langkah spesifik di peringkat domestik untuk menangani perkara yang serius ini kerana Indonesialah punca kepada masalah ini. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan Yang Berhormat itu rantainya panjang sangat. Kita menerima hakikat bahawa *agreement* ataupun perjanjian yang ditandatangani oleh sepuluh negara ASEAN itu adalah bukan bersifat *binding* dan boleh dikuatkuasakan menerusi undang-undang. Bahkan kita baru menerima ratifikasi dari Indonesia pada bulan Januari tahun 2015 dalam masa yang begitu singkat sekali walaupun kita menerima hakikat bahawa adalah jangka masa untuk pihak Indonesia menangani – membuat ratifikasi kepada *agreement* itu amatlah panjang tetapi dalam masa yang sama, selepas ratifikasi itu, barulah sebagai sebuah negara, terikat dengan apa *agreement* yang telah diputuskan oleh sepuluh negara tersebut.

Dalam keadaan sedemikian, kita masih merangka tindakan-tindakan kita berhubung dengan perkara ini.

Pertama, kita masih mendesak pihak Indonesia supaya apa yang telah diputuskan dalam *Sub-Regional Ministerial Steering Committee Meeting* pada 22 hingga 28 Julai 2015 iaitu satu lagi perjanjian ataupun MoU yang perlu ditandatangani di antara Malaysia dan Indonesia perlu ditandatangani yang mengkhususkan apakah tindakan yang perlu dibuat di bawahnya iaitu termasuklah penguatkuasaan undang-undang ataupun mewujudkan undang-undang dan kedua untuk macam mana menyelenggara dan mengendalikan tanah-tanah gambut di kawasan-kawasan di Indonesia yang cepat terbakar. Ketiga, macam mana kita boleh berkolaborasi menangani masalah ini bersama.

Keempat, supaya membersihkan tanah untuk perladangan dan juga untuk pertanian tidak menggunakan api dan terakhirnya ialah *suppression of fire in case it happens* dengan cepat mungkin dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini belum lagi ditandatangani walaupun kita telah diberi maklum bahawa pada 18 hari bulan lepas, saya sepatutnya berada di Indonesia untuk berbincang soalan tersebut. Yang kedua ditangguh lagi hingga 25 hari bulan. 25 hari bulan juga tidak menjadi dan sehingga sekarang ini kita belum lagi mendapat indikasi daripada pihak Indonesia bila *agreement* ini boleh ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Santubong atas lantikan sebagai Menteri dan juga kerana beliau sudi jawab soalan dengan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu apakah kesan dan impak masalah krisis jerebu ke atas ekonomi Malaysia baik dari aspek kesan negatif dalam bidang pelancongan ataupun pelaburan dan juga dari segi urusan pentadbiran kerajaan ataupun dari segi korporat. Apakah kesan kalau kita boleh *quantify* dari segi kehilangan yang kita alami.

Kedua, tentang perjanjian yang ditandatangani dan diratifikasi. Apakah gunanya ratifikasi sekiranya ia tidak dilaksanakan sepanjang tahun. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa seperti yang telah disebut tadi oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar, ia jadi satu acara tahunan. Oleh kerana ia menjadi satu acara tahunan, bolehkah kita hantar bantuan baik untuk memadam api ataupun menjalankan langkah-langkah pencegahan sepanjang tahun.

#### ■1110

Bukan hanya bila api naik baru kita ambil tindakan. Saya rasa masa itu sudah terlewat. So, bolehkah kita buat secara sepanjang tahun dan kita di sini hendak tahu sejauh manakah tindakan boleh diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia ke atas syarikat-syarikat yang terlibat seperti mana yang dilaksanakan di Singapura. Bukan sahaja ke atas yang kononnya yang didakwa sama ada benar atau tidak belum dipastikan lagi, ke atas syarikat-syarikat Malaysia kalau ada dan juga kalau ada syarikat Indonesia tetapi mereka beroperasi di Malaysia. Bolehkah kita mengambil tindakan ke atas mereka?

Saya rasa di sini mungkin kita boleh gubal undang-undang tertentu supaya kita dapat menangani masalah krisis jerebu ini. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri dapat melaksanakan atau membuat sesuatu yang tidak dapat dibuat sebelum ini oleh Menteri-menteri sebelum ini iaitu membantu rakyat Malaysia mengatasi masalah jerebu dan Yang Berhormat Menteri akan dapat menjelmakan nama, mengukir nama dalam sejarah Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Di sebalik semua pujian itu ada juga benda terselit, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah. Walau bagaimanapun, saya baru mengambil alih kementerian ini 70 hari, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam keadaan sedemikian banyak perkara yang saya rancang masih belum dapat saya laksanakan dalam masa yang amat singkat.

Pertamanya ialah kita melihat perjanjian ini *non-binding* dan tidak boleh *dienforce*. Kedua, saya sudah *study* perjanjian itu sendiri tidak ada satu kerangka yang membolehkan kita mengambil undang-undang. Jadi kalau kita mengambil undang-undang kepada pihak Indonesia kita mesti meminta persetujuan daripada Indonesia itu sendiri sama ada kita boleh membawa mereka kepada ke Mahkamah Antarabangsa ataupun tidak kerana dalam kerangka perjanjian itu tidak mempunyai kerangka yang tersebut, perjanjian tersebut.

Saya sudah berbincang dengan pihak AG pada 28 hari bulan September lepas, sebulan bagi. Oleh sebab saya mengetahui bahawa ini adalah penting. Kedua, kita tidak mempunyai undang-undang yang sebagai mana yang Singapura telah *enacted* pada tahun 2014, pada pertengahan tahun 2014 iaitu *Transboundary Haze Pollution Act 2014* yang dilaksanakan akhir tahun lepas.

Jadi oleh kerana itu maka kita tidak berupaya untuk mengambil tindakan bahkan ada cadangan-cadangan daripada pihak peguam daripada *Bar Council* dan sebagainya, kawan-kawan saya memberi saranan menggunakan *the principle of Rylands v Fletcher*, siapa perundangan semua mengetahui ini. *Rylands v Fletcher* tetapi saya kata *the causations are ought to be proved* dalam teori *Rylands v Fletcher* ini. Jadi ini juga masalah yang payah untuk kita laksanakan. Bukan syarikat sahaja bahkan ribuan masyarakat *small holders* yang membakar di sana.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa apabila perbincangan kita diadakan di Indonesia, Indonesia mengatakan bahawa 3% sahaja kebakaran itu dilaksanakan oleh pihak-pihak syarikat yang lain itu 97% adalah dibuat oleh pihak-pihak *small holders*. *The method* untuk memberi tanah kepada pekebun-pekebun besar di sana adalah satu cara untuk menangani masalah politik dan sosial. Dalam sudut inilah juga kita juga terkena pembakaran berlaku di Indonesia.

Di dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita masih ada kerumitan untuk melaksanakan apa sahaja tindakan. Dalam masa yang sama, saya merancang satu untuk mengadakan undang-undang saya berbincang terus dengan AG berhubung perkara ini. Saya sudah arahkan penasihat undang-undang kementerian untuk melihatkan kerangka ini.

Kedua, saya juga akan meminta pihak-pihak tertentu terutamanya pelancongan dan sebagainya supaya membuat kajian berapakah kerugian yang kita hadapi dan juga pihak Kementerian Kesihatan apakah beban-beban kesihatan yang telah kita tanggung berhubung dengan perkara-perkara ini. Jadi dalam masa yang amat singkat ini untuk saya menjawab tindakan saya belum lagi dapat sampai ke penghujungnyanya. *Insyaa-Allah* saya akan laksanakan. Terima kasih.

**6. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana bidang kuasa Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) dan bagaimana jawatankuasa ini mampu mengawal penggunaan jentera kerajaan, sumbangan membeli undi dan pengisytiharan projek dalam kempen pilihan raya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Walaikum-salam warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Marang bersama dengan tiga soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut, Ahli Yang Berhormat Kuala Krai – 20 Oktober 2015, Ahli Yang Berhormat Tenom – 2 November 2015 dan Ahli Yang Berhormat Temerloh – 25 November 2015 memandangkan kesemua menyentuh perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai penubuhan sebuah Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) pada 14 Ogos 2015 lebih kurang dua bulan yang lalu.

JKNMPP ini adalah sebuah platform untuk melakukan proses konsultatif bagi membincangkan cara-cara meningkatkan ketelusan, *accountability* dan integriti di kalangan parti-parti dan ahli politik dalam cara memperoleh dana bagi tujuan aktiviti mereka. Jawatankuasa ini telah diberi tempoh satu tahun untuk menyelesaikan tugasannya dan dikehendaki mengemukakan penemuan serta saranan jawatankuasa kepada Jemaah Menteri pada 31 Ogos 2016.

Dalam menjalankan tugas yang amat penting dan bermakna ini jawatankuasa JKNMPP adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan seperti berikut:

- (i) mengenal pasti, membincang dan menangani isu-isu pembiayaan politik bagi parti-parti politik dan ahli politik;
- (ii) memeriksa dan menilai amalan baik mekanisme undang-undang dan peraturan yang digunakan di negara-negara lain bagi membendung serta mencegah rasuah dalam pembiayaan politik;
- (iii) untuk memeriksa dan menilai institusi sokongan yang sesuai atau rangka kerja untuk menyelia dan memantau pembiayaan politik kepada parti politik dan ahli politik;
- (iv) Menggubal keperluan perundangan serta kawal selia yang sesuai bagi memudahkan pengawasan, ketelusan dan *accountability* dalam pembiayaan politik;
- (v) memberi khidmat nasihat kepada kumpulan berkepentingan dan pihak berkepentingan yang lain mengenai mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti; dan
- (vi) untuk membuat syor kepada Jemaah Menteri mengenai undang-undang yang diperlukan peraturan-peraturan dan institusi sokongan bagi mentadbir dan memantau pematuhan terhadap mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keahlian JKNMPP ini terdiri daripada kalangan individu yang dihormati, wakil-wakil badan bukan kerajaan dan organisasi profesional terpilih yang dilantik oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi JKNMPP dan terkini JKNMPP mempunyai keanggotaan seramai 18 orang.

Pada masa yang sama, kumpulan berkepentingan akan turut dibentuk bagi memudahkan perundingan dengan parti-parti dan ahli politik, syarikat-syarikat swasta, orang ramai yang berminat dalam penyediaan pelan dan tindakan hal ehwal pembiayaan politik ini. Jawatankuasa ini turut mengalu-alukan sebarang cadangan atau hujahan bertulis sama ada dari individu, berkumpulan atau organisasi yang berkaitan.

Selain itu jawatankuasa ini akan mengadakan dialog konsultatif dan forum awam khas untuk membincang dan untuk mendekati kumpulan berkepentingan lain di dalam negara ini bagi mendapatkan cadangan dan pandangan mengenai mekanisme pembiayaan politik yang terbaik. Terima kasih.

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bolehkah dinyatakan proses bertindak secara telus dan adil bagi jawatankuasa ini mendapat tanggungjawab untuk menyiasat dan sebagainya supaya dilihat dalam masa yang sama berlakunya pemisahan kuasa supaya matlamat penyiasatan itu tidak diganggu oleh semua pihak. Sekian.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat Marang. Saya percaya dalam negara ini kita mempunyai pemisahan kuasa yang kita amalkan dan sudah tentu di dalam negara kita jika saranan yang bakal diperolehi memberikan kuasa tertentu kepada

penubuhan akta tertentu maka perkara itu boleh diterima jika dapat melalui proses-proses yang biasa dalam menentukan satu-satu akta.

Sebagai contoh, pihak jawatankuasa sudah mula merangka melihat apakah praktis terbaik di negara-negara yang ada di dunia ini khususnya dalam menubuhkan satu peraturan akta tertentu dalam mengendalikan pembiayaan politik kepada parti politik dan orang-orang politik dan saya percaya pandangan Yang Berhormat Marang itu akan menjadi satu keutamaan. Tidak guna kita ada satu akta tetapi kita tidak mematuhi secara yang betul kerana ia tidak akan membawa keuntungan kepada semua pihak. Terima kasih, Yang Berhormat Marang.

#### ■1120

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah pertama, adakah sebarang bentuk tempoh masa yang akan diperlukan sebelum ia akan dilaksanakan khususnya sebelum menjelang PRU 14? Adakah dengan wujudnya jawatankuasa ini mampu untuk menangani segala bentuk permasalahan dan juga isu-isu mengenai pengurusan dan juga ketelusan terhadap dana politik? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Kalau kita melihat jangka masa yang diberikan kepada Jawatankuasa JKNPP, semua perkara ini hendaklah kita selesaikan bagi diguna pakai menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14, bila pun tempoh waktunya. Oleh sebab itu jawatankuasa diberi satu tahun untuk mengemukakan penemuan-penemuan dan cadangan bagi dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Seandainya kita memerlukan satu akta khusus seperti kalau saya boleh sebut di negara Korea, mereka mempunyai *Political Fund Act 2010* yang menentu dan menggariskan segala bentuk peraturan yang mungkin kita boleh pertimbangkan untuk dijayakan ataupun di negara Kanada, mereka memasukkan beberapa klausa di dalam *Election Offences Act* yang mana memberikan had kuasa dalam pembiayaan dana politik kepada parti politik bagi digunakan dalam setiap kali menjelang pilihan raya di negara tersebut.

Sebagai contoh negara ini, SPR tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh setiap calon yang bertanding selain hanya menyemak dan menerima resit-resit yang dikemukakan oleh calon-calon yang bertanding mengikut had yang ditetapkan. Sebagai contoh, Ahli Parlimen RM200,000 tetapi kuasa untuk menyiasat itu tidak diberikan kepada SPR di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Ini antara perkara yang boleh kita terima pakai kerana kita antara negara dalam dunia ini yang tidak mempunyai undang-undang yang jelas dalam soal pembiayaan politik, sama ada dalam menjalankan kerja-kerja parti ataupun kewangan untuk digunakan semasa pilihan raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Isu penting, saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga ditanya oleh Kuala Krai yang telah dijawab bersama tadi. Kemungkinan untuk kita mencari jalan mengawal kemasukan ataupun derma-derma sumbangan kepada parti politik itu lebih mudah berbanding dengan mengesan penerimaan oleh individu-individu terutama yang terus masuk ke akaun-akaun peribadi seperti yang pernah berlaku.

Jadi cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tadi, beberapa negara seperti Korea disebabkan itu nampaknya baik dan memberikan kuasa kepada SPR untuk menyiasat perbelanjaan individu juga adalah bagus. Akan tetapi, apakah jaminan bahawa kalaupun dipinda peraturan ataupun undang-undang yang membolehkan SPR menyiasat, kita memastikan bahawa pihak berkenaan yang berkuasa ini mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut. Ini kerana kadang-kadang berbagai *complaint* yang dikemukakan tidak diambil endah walaupun ada peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Jadi untuk menyiasat individu dan calon-calon ini, saya rasa merupakan cabaran yang mesti ditangani dan apakah jalan yang akan dikemukakan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Soalan yang hampir sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Marang. Sebenarnya Yang Berhormat, pertama kita perlu terima bahawa kita tidak ada satu undang-undang yang jelas. Memang keresahan Yang Berhormat menjadi keresahan kami. Sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13, sudah ada cadangan yang dikemukakan. Malangnya pada ketika itu tidak mendapat sambutan daripada semua parti politik dalam negara, khususnya pihak DAP yang memang terang-terang menyatakan untuk tidak mahu membincangkan dan menerima ketika Institut Integriti Malaysia (IIM) mengemukakan kepada semua parti politik.

Jadi, kita harap perkara itu tidak berulang. Ini kerana hari ini pun ada banyak kaedah digunakan oleh parti politik untuk mengumpul dana termasuk kutipan dalam majlis-majlis, termasuk mengeluarkan dalam *YouTube* seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang meminta rakyat menyumbang kepada parti untuk membantu Sarawak. Kita tidak tahu berapa banyak jumlah yang dikutip oleh kempen tersebut dan bagaimana dibelanjakan. Ini semua perkara yang memang berlaku yang perlu ...

**Seorang Ahli:** RM2.6 bilion.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Semualah, semualah. Sebagai contoh, kenapa marah? Saya sebut sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Maknanya benda itu boleh. Gambar kita tengok dalam *WhatsApp*, ada duit sebukit dikira. Ini semua kerana kita tidak ada satu undang-undang yang jelas. Untuk kita maju ke hadapan, saya rasa kita perlukan sokongan daripada semua supaya perkara ini tidaklah bersandarkan kepada emosi dan persepsi. Oleh sebab itu kita nyatakan tadi, jawatankuasa ini akan menimbangkan keseluruhannya. Oleh sebab itu tidak boleh kita gunakan perasaan hati kita untuk kita menentukan satu-satu kesalahan kerana kita ada undang-undang yang patut kita patuhi dan janganlah kita terjemahkan undang-undang itu mengikut selera kita.

Sebagai contoh, SPRM meletakkan satu tahap yang sangat tinggi dalam pembentangan menyatakan bahawa derma dan hadiah juga merupakan satu kesalahan. Bagi mereka menyiasat, tetapi selepas menyiasat jika tidak ada pelanggaran kepada undang-undang, Yang Berhormat masih mengatakan benda itu sebagai satu benda yang salah, tidak. Hadiah boleh tetapi kalau digunakan dengan cara yang tidak betul atau ada elemen-elemen lain, hadiah pun akan menjadi satu perkara yang menjadi kesalahan.

Jadi ini adalah perkara pada saya sangat penting untuk kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk memainkan peranan kerana pihak jawatankuasa akan mengeluarkan surat kepada parti-parti politik bagi menamakan wakil masing-masing di bawah *cluster* politik untuk membincangkan cadangan, termasuk akan keluar surat juga kepada pihak-pihak syarikat bagi mereka memberikan pandangan bagaimana mereka sebagai orang yang menyumbang dapat juga mendapat perlindungan dan manfaat daripada sumbangan supaya semua perkara ini dapat menyelesaikan isu yang sedang menjadi perbualan hangat yang tidak akan ada penghujung dan kesudahan. Terima kasih Yang Berhormat.

**7. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan, harga komoditi yang menurun dan nilai ringgit yang merosot yang telah menggugat sasaran kita untuk mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020 serta apakah usaha-usaha untuk menanganinya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang kecil dan terbuka, tidak dinafikan bahawa ekonomi negara kita kini terdedah daripada ataupun kepada ketidaktentuan persekitaran ekonomi di peringkat global.

Dalam menangani persekitaran luar yang tidak menentu seperti kejatuhan harga komoditi dan tekanan ke atas nilai mata wang ringgit, negara masih bertuah kerana mempunyai asas ekonomi yang pada ketika ini adalah kukuh dan pelbagai. Kedudukan ini tercapai kerana kita telah pun mempelbagaikan struktur ekonomi negara kita, di mana kita tidak terlalu bergantung kepada mana-mana subsektor ataupun komoditi.

Sektor perlombongan termasuklah sektor minyak dan gas dan sektor pertanian yang dahulu menyumbang 26.9% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 1997, kini menyumbang hanya 18.2% kepada KDNK pada tahun 2014. Ekonomi

negara kita kini dipacu oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang 53.5% dan sektor pembuatan yang kini menyumbang 23% kepada KDNK. Ini telah membolehkan ekonomi kita untuk berkembang pada kadar 5.3% untuk separuh tahun pertama tahun 2015.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dunia dan akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dari semasa ke semasa. Sebagai langkah proaktif, kerajaan telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi pada 26 Ogos 2015 yang bertujuan untuk memastikan kestabilan ekonomi negara dan mengekalkan momentum pertumbuhan. Pada 14 September 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa langkah bagi menangani suasana ekonomi global yang tidak menentu dan berpotensi memberi impak yang negatif kepada ekonomi Malaysia.

Langkah-langkah tersebut adalah untuk menstabilkan pasaran kewangan, untuk menyokong aktiviti perniagaan, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan meningkatkan integriti institusi. Sebagai mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan juga telah mengumumkan pelbagai strategi jangka sederhana dan jangka panjang di Dewan yang mulia ini pada bulan Mei yang lepas semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Strategi-strategi tersebut adalah untuk mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi ke arah pembangunan yang *inclusive*. Ini termasuklah:

- (i) meningkatkan produktiviti untuk memastikan pertumbuhan yang mampan;
- (ii) meningkatkan pembangunan modal insan termasuk mengupayakan pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional ataupun (TVET);
- (iii) menggalakkan pelaburan swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
- (iv) meningkatkan eksport untuk menambah baik imbalan perdagangan;
- (v) meningkatkan fleksibiliti dan dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih mampan; dan

■1130

- (vi) meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuklah meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada langkah dan strategi tersebut dan langkah-langkah yang akan diperkenalkan dari semasa ke semasa, kerajaan yakin negara kita mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan untuk mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**



**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 23 Oktober 2015, jam 4.00 petang.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
(PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN  
INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT 2015****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN 2015****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran skim yang berhubungan dengan kepentingan dan perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL**

**MELANTIK JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M.76**

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan 76, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya mohon mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datok Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri menggantikan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Ahli Parlimen Pagoh; Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Ahli Parlimen Segamat, Menteri Kesihatan menggantikan Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel s/o Govindasamy, Ahli Parlimen Cameron Highlands dan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Ahli Parlimen Permatang Pauh menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh dilantik sebagai salah seorang daripada enam orang Ahli Jawatankuasa Pemilihan di bawah Peraturan Mesyuarat 76 untuk tempoh Parlimen Ketiga Belas.”

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Saya menyokong usul ini. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Bagan Datok cepat sokong sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini ialah usul daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas. Kalau perlu dibahas, bahas. Kalau tidak perlu, tidak apa. Ini cuma menamakan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Peraturan Mesyuarat 76 sahaja. Mahu juga? Silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu bahas panjang. Cuma saya menyatakan sokongan terhadap usul ini. Akan tetapi saya juga ingin mengingatkan peralihan jawatankuasa ini juga menunjukkan tanda-tanda negara kita dalam keadaan gawat. Oleh sebab pertukaran Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim dimasukkan ke dalam penjara dan kita terpaksa diganti dengan Ketua Pembangkang yang baru. Kita juga tidak boleh elakkan untuk mengakui ada masalah dalaman dalam parti pemerintah dan menyebabkan perubahan ini.

Kita sebagai rakyat Malaysia dan juga wakil rakyat, kita tidak boleh membuta kepada krisis yang dihadapi oleh negara kita. Kita harap dengan permulaan sesi Parlimen ini, Dewan ini mengambil satu sikap yang mengetepikan perbezaan politik dan kepentingan parti. Kita harus mengambil sikap supaya kita bersama-sama cari penyelesaian untuk menyelesaikan masalah negara kita supaya kita boleh menyelamatkan keadaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi daripada sebelah kanan? Tidak ada. Terima kasih. Yang Berhormat mahu respons kepada apa yang disebut oleh – tidak apa. Okey.

Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, ada soalan satu lagi. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan? Soalan?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya. Berhubung dengan usul ini. Hendak bahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas usul yang dibawa. Walaupun kita memahami dan kita mengakui bahawa ia merupakan hak bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat pindaan ini dan pertukaran keanggotaan bagi ahli Jawatankuasa Pemilih. Akan tetapi agak penting juga untuk kita memahami latar belakang mengapa pertukaran-pertukaran ini dilakukan. Ini kerana kita yakin bahawa kita semua memahami bahawa Jawatankuasa Pemilih ini adalah di antara jawatankuasa-jawatankuasa yang terpenting di dalam institusi Parlimen yang mana ia boleh membenarkan adanya peranan *check and balance*, semak dan timbang yang dilakukan.

Adakah pertukaran ini hasil daripada keadaan yang mana ahli-ahli Jawatankuasa yang lalu tidak memainkan peranan yang seperti mana yang sepatutnya? Adakah oleh kerana ia merupakan satu keperluan demi kepentingan institusi Parlimen ini juga ataupun adakah ia dilakukan untuk menjamin bahawa Jawatankuasa itu berfungsi dengan cara yang diinginkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sendiri?

Oleh kerana itu saya merasakan bahawa— ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai. Boleh mencelah?

■1140

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Dalam perbahasan boleh. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya juga terasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam itu relevan kerana Ketua Pembangkang dilantik kerana menggantikan Ketua Pembangkang yang lalu yang telah dipenjarakan. Malah sepatutnya pelantikan yang baru ini dibuat dalam sesi yang lalu kerana Ketua Pembangkang yang baharu sudah berada dalam Dewan ini. Manakala tiga – berapa nama lagi tadi? *[Disampuk]*

Ya lah berapa orang lagi tadi? *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Bagan Datok adalah menggantikan wakil-wakil rakyat yang sedia ada dalam Dewan. Mereka masih ada dalam Dewan. Jadi apa kepentingan untuk menggantikan wakil rakyat yang ada. Jadi saya minta Yang Berhormat Shah Alam boleh bawa mana logiknya perkara ini berlaku. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi satu suasana krisis integriti dan kredibiliti. Ini menjejaskan bukan sekadar institusi-institusi Parlimen tetapi juga ekonomi negara. Kita tahu bahawa ada sebagai contoh Tan Sri Zeti sebagai Gabenor Bank Negara telah mengatakan bahawa ini merupakan suatu keadaan yang merumitkan negara dan ekonomi sehingga nilai mata wang kita telah jatuh merudum.

Maka saya kluatir bahawa tindakan pemilihan dan penggantian anggota kepada Jawatankuasa Pemilih ini akan mempunyai satu kesan yang buruk dan bertambah buruk lagi ke atas imej dan persepsi dunia antarabangsa terhadap negara kita. Sudahlah Peguam Negara ditukar dengan begitu sahaja dan Timbalan Perdana Menteri ditukar dengan begitu sahaja hanya sekadar atas sebab *[Dewan riuh]* bersuara dan bertanya, ya bertanya, bukan menyerang hanya sekadar bertanya.

Apabila sekarang ini pula kita lihat bagaimana *[Dewan riuh]* Jawatankuasa Pemilih di dalam Parlimen itu sendiri pula ditukar dan... *[Dewan riuh]* Ya, sila bangun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada yang hendak cakap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, baik terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bukankah Ahli-ahli Yang Berhormat tahu peraturan mesyuarat. Kalau seseorang Yang Berhormat sedang berhujah jangan ganggu dengan cara begitu. Yang Berhormat Shah Alam sebenarnya kalau saya bersikap ikut peraturan mesyuarat yang benar, kerana semua tahu bahawa *Friday* itu, hari lima akan datang ini bajet dibentangkan. Saya tahu setiap wakil rakyat ingin berhujah sewaktu bajet.

Kalau apa-apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada sesi ini juga akan dibangkitkan pada bajet ini itu ertinya *repetitive*. Dalam peraturan mesyuarat soal *repetitive*, berulang-ulang di hujah itu tidak dibenarkan kerana menghabiskan masa. Jadi untuk Peraturan Mesyuarat 76 ini, kewajaran kerana timbul kekosongan pada sewaktu Ketua Pembangkang tidak dinamakan pada ketika itu atas sebab tidak ada kewajaran untuk memilih orang-orang lain dalam jawatankuasa lain.

Jadi ini merupakan suatu kewajaran dalam peraturan mesyuarat. Maka menamakanlah orang-orang yang perlu dinamakan. Ini kerana sehingga nama-nama yang patut dinamakan di bawah Peraturan Mesyuarat 76 ini disebut maka tidaklah dapat dilantik nanti Ahli-ahli di PAC itu. Itu cuma kewajaran. Jadi saya ingatkan supaya dalam berbahas jangan terlampau jauh bawa isu yang boleh dibawa nanti sewaktu bajet. Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peringatan itu. Saya rasa pemilihan ahli jawatankuasa, Jawatankuasa Pemilih ini tidak akan saya bahaskan dalam bajet, maka *insya-Allah* tidak akan ada berlakunya *repetitive*. Akan tetapi persoalan yang saya timbulkan ialah persoalan persepsi dalam pelantikan baharu yang walaupun ia dilihat seolah-olah tidak ada kena mengena dan tidak akan mendatangkan apa-apa implikasi kerana ia semuanya adalah hak mutlak kepada Perdana Menteri, hanya saya memohon supaya untuk hendak elakkan persepsi yang negatif itu maka penjelasan diberikan.

Mengapa perlu dilakukan pertukaran kepada anggota-anggota yang telah ada sebelum ini, selain daripada Ketua Pembangkang yang semua maklum sebab kenapa ia perlu ditukar, tetapi yang lain-lain yang masih lagi merupakan Ahli Parlimen yang senior, yang berpengalaman yang telah memberikan khidmat dan prestasi yang baik sambil mereka mendukung jawatan sebagai anggota kepada Jawatankuasa Pemilih itu.

Lalu saya mengharapkan bahawa Perdana Menteri setelah membawa usul ini memberikan penjelasan supaya dapat menutup segala andaian-andaian yang negatif. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua saya tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. [Ketawa]

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Kalau tanya hal Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri takkan dia orang hendak jawab. [Disampuk] *Self-interest*, itu *self-interest*. Pertama sekali... [Disampuk] pertama sekali ini Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai kata iaitu bahawa Ketua Pembangkang ini dipilih pada sesi lepas dan tidak dilantik sebagai Ketua Pembangkang. Itu bukan masalah kami sebab PAS tidak setuju jadi Ketua Pembangkang pada ketika itu. [Dewan riuh] Sebab itu tidak boleh dilantik. Sebab itu tidak dilantik. Kalau sebelah sana sudah setuju...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini wakil PAS mana pula ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Kalau sebelah sana sudah setuju bolehlah dilantik. Pada ketika itu PAS dalam Pakatan Rakyat. Jadi tidak ada keputusan pada ketika itu. Sekarang tidak berpisahlah kan, talak tiga, talak tigakah Amanah kan ini. Kedua saya hendak bagi tahu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Tuan Yang di-Pertua pun hendak bagi tahu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Boleh mohon penjelasan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua... Duduklah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nantikan keluar terus, keluar daripada sini pindah ke sana...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak. Dakwaan Yang Berhormat Menteri tidak betul.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Cakap banyak keluar Dewan nanti.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dakwaan Yang Berhormat Menteri tidak betul. Pada waktu itu PAS bersetuju Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Ketua Pembangkang. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak setuju, kita tahu. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya mewakili PAS pada waktu itu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kita tahu tidak setuju.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebagai Ketua Whip pada waktu itu untuk bersetuju...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Pada ketika itu belum buat keputusan lagi. Belum buat keputusan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Untuk menghantar surat kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Sebab itu tidak dilantik pada waktu yang lepas.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya fikir Tuan Yang di-Pertua harus perbetulkan kenyataan yang tidak benar yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat Menteri. Duduk Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kita, sebab itu tidak lantik pada sesi lepas. Kedua Yang Berhormat, saya hendak bagi tahu pada Yang Berhormat Shah Alam konvensyennya kita memilih ketua duduk dalam Jawatankuasa Pemilih ini bukan berdasarkan peribadi dia, berdasarkan dia memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, dia Ketua Whip. Sekarang sudah tidak jadi Timbalan Perdana Menteri, tidak jadi Ketua Whip kena gantilah yang baharu, Timbalan Perdana Menteri baharu, Ketua Whip. Itu konvensyen.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maka timbullah persoalan yang lain. Kenapa dia ditukar sebagai Timbalan Perdana Menteri. *[Ketawa] [Dewan riuh]* Saya harap...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Wei! Bodoh itu suka kamilah, apa yang hang hendak pasai, Wei, bodoh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kemudian, Yang Berhormat Segamat... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Segamat dia kita lantik dulu jadi pemilih...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, ini *side* mana ini? Terima kasih, terima kasih bola tanggung.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Berdasarkan kepada dulu Cameron Highlands, Presiden MIC. Jadi dia tidak jadi presiden, sekarang ini presiden baharu dialah duduk. Tidak ada sangsi masalah dalam hal ini. Kita cuma konvensyen dan ini kita lakukan kerana konvensyen. Jadi saya harap supaya ini akan terjawab bangkit masalah yang dibangkit oleh Yang Berhormat Shah Alam. Tidak ada sangsi, tidak ada persepsi dan tidak ada perkara yang tidak betul di sini. Apabila sudah bertukar gantilah, itu sahaja. Sekarang Timbalan Perdana Menteri dan kita kata dia memang Ketua Whip, konvensyen. Memang Ketua Whip dalam Barisan Nasional.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya jaga Parlimen sembilan tahun, saya tahu. Tidak payah cakap banyak. *[Ketawa]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ketereh duduk dahulu Yang Berhormat Ketereh. Ini sebenarnya Yang Berhormat menjadi tanggungjawab semua Ahli Yang Berhormat untuk membantu Speaker dalam mengendalikan mesyuarat. Bukan apabila mesyuarat itu berjalan dengan baik, lancar dilencongkan kepada soal-soal persoalan sinis. Persoalan yang ada *hidden meaning*. Okey.

Satu contoh, kenapa sebab saya sebagai Speaker di bawah Peraturan Mesyuarat 2 terpaksa ubah tempat duduk? Kenapa Yang Berhormat Parit Buntar tidak semena-mena duduk depan. *[Disampuk]*

■1150

Ini konvensyen Parlimen yang kadang-kadang tidak perlu untuk ditanya kan. Jadi apabila kita keluarkan keseriusan begitu, ia mengundang reaksi juga yang sinis sampai bila kita boleh mesyuarat, begitu juga. Jadi kalau ada soalan-soalan seperti begitu yang perlu tidak boleh – jangan harus dihujah kerana itu adalah konvensyen janganlah sebut kerana itu mengganggu peraturan mesyuarat kita. Kan begitu. Okey, mengikut senioriti parti juga pengamatan saya ialah tidak seharusnya Yang Berhormat Marang duduk sebelah sana.

Akan tetapi kadang-kadang saya sebagai Speaker harus mengambil kira semua pendapat. Waktu Menteri berdiri menjawab hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri siapa sahaja yang disuruh sahaja untuk menjawab. Ini kerana semua itu adalah kerajaan. Tidak semena-mena Yang Berhormat Pokok Sena pula berdiri. Jadi biarlah Speaker yang menentukan mana yang boleh, mana yang tidak boleh, mana yang dibenarkan, mana yang tidak. Jadi bantu saya untuk mengendalikan mesyuarat kita semua. Jadi saya harap isu itu selesai dan sekarang saya kemukakan masalah untuk dibuat ketetapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti mana yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Perkara 1 itu tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan... Peraturan Mesyuarat 18.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, duduk. Setiausaha duduk. Peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** 18.

**Tuan Yang di-Pertua:** 18?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** 18(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 18 mana? Tak apa dia bagi peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, 18(1) Tuan Yang di-Pertua, saya telah membawa satu usul di bawah 18. Berhubung...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, berhubung isu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Segambut...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya belum habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ahli Yang Berhormat Segambut dan Ahli Yang Berhormat yang lain seharusnya usul-usul seperti begitu Yang Berhormat bangkitkan, harus Yang Berhormat berdiri selepas 11.30 sebelum kita berakhir kepada peraturan-peraturan mesyuarat yang lain. Ini sudah dua urusan mesyuarat yang kita kendalikan. Pertama rang undang-undang, kedua usul lepas itu Yang Berhormat bawa lagi balik kepada 18(1). Yang Berhormat, faham Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kerana Yang Berhormat sengaja untuk mengganggu perjalanan mesyuarat. Kenapakah begini harus berlaku? Fasal apa Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sebab saya bagi peluang usul daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak duduk lagi ulangi apa Yang Berhormat buat saya akan rehatkan Yang Berhormat. Saya akan gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 44. Yang Berhormat Seputeh sila. Apa lagi? Peraturan mesyuarat juga?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya sama juga kerana Tuan Yang di-Pertua yang usul Yang Berhormat Segambut itu ditolak dengan alasan kerana saya bantangan usul tergepar ini. Tapi usul tergepar yang saya banteng itu ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Dua-dua usul ditolak. Jadi tidak ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat dua-dua duduk! Ini adalah tahun ketujuh bagi saya. Sejak bila juga apabila Ahli-ahli Yang Berhormat apabila saya tolak usul di bawah 18(1) dan 18(2), saya kaji balik tindakan saya sejak bila. Kenapa bila saya menolak sesuatu usul sama ada dalam Majlis ataupun dalam kamar, keputusan itu adalah muktamad tidak boleh saya tarik balik.

Ahli Yang Berhormat semua ini tahu selama tujuh tahun. Apabila pula Yang Berhormat berdiri bermakna sengaja mengganggu peraturan mesyuarat ini kerana Ahli Yang Berhormat tahu bahawa saya tidak akan kasi laluan lagi. Dalam Peraturan Mesyuarat 18(7) pun tidak boleh diulang balik dan disebut balik. Jadi mahu lagi Yang Berhormat berdiri mahu berkeras dengan ini? Kalau tidak saya gunakan Peraturan Mesyuarat 44.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, keputusan muktamad tidak bermaksud keputusan yang betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Segambut... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Pegawai-pegawai khas Parlimen yang bertugas sekarang ini tolong saya gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 44 iaitu untuk merehatkan Yang Berhormat. Sila, sila.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *[Meninggalkan bilik mesyuarat]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh duduk kita tunggu sehingga Ahli Yang Berhormat keluar daripada Dewan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Tuan Yang di-Pertua saya rasa apa yang berlaku di situ.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa lagi peraturan mesyuarat yang boleh dilakukan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak ada. 18 juga. Akan tetapi yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua kita kena faham kenapa isu ini dibangkitkan. Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Segambut Tuan Yang di-Pertua adalah satu usul dan di situ Tuan Yang di-Pertua buat keputusan untuk menolak usul itu kerana menurut Tuan Yang di-Pertua ada satu usul lain yang dibangkitkan, yang perlu disegerakan dan diberikan keutamaan iaitu satu usul daripada Yang Berhormat Seputeh.

Akan tetapi apabila kita lihat usul Yang Berhormat Seputeh pun ditolak. Jadi alasan yang diberikan untuk menolak usul Yang Berhormat Segambut itu tidak timbul. Itu menjadi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut. So, saya tidak

faham kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak boleh jawab dengan baik kepada Yang Berhormat Segambut. Kenapa perlu pula beliau diusir daripada Dewan?

Apabila kita sebagai Ahli Parlimen, kita bangkit untuk membawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa ada kemungkinan dan kesilapan. Itu adalah apa yang dibangkitkan, kenapa perlu seorang Ahli Parlimen hari pertama bangkitkan isu yang dekat kepada hati rakyat diusir daripada Dewan sebegitu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu soalan yang saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di bawah 18(1) yang harus Ahli-ahli Yang Berhormat baca dan hayati. Usul 18(1) adalah satu usul yang perlu untuk diteliti oleh Speaker sedalam-dalam. Ini kerana akibatnya apabila usul tersebut diterima ialah mengisikan aturan mesyuarat yang telah kita buat daripada awal mesti penting. Usul Yang Berhormat Seputeh mengenai dengan semua masyarakat Malaysia tahu kehilangan anak-anak sekolah penting, bukan tidak penting. Akan tetapi usul 18 ialah perkara itu adalah perkara khas, khusus. Perkara itu adalah kepentingan orang ramai. Perkara itu adalah tidak boleh dilengah-lengahkan lagi mesti dibahas.

Kan kita ada bajet *next week*. Adakah usul Yang Berhormat Seputeh itu apabila saya menimbang tidak boleh dilengahkan lagi mesti juga dijawab, tidak. Oleh kerana ada lagi bajet Yang Berhormat Seputeh boleh timbulkan. Dalam Peraturan Mesyuarat 18 juga *help me here* Yang Berhormat Puchong apabila sesuatu usul yang dikemukakan oleh seseorang Yang Berhormat awal itu diberi pertimbangan. Maka soal usul kedua yang datang terlambat lima minit kah, 10 minit itu tidak timbul lagi untuk diambil tindakan kerana satu usul sudah masuk. Ini semua Ahli Yang Berhormat faham.

Jadi bermakna penolakan usul daripada Yang Berhormat Segambut itu adalah soal teknik oleh sebab sudah ada usul yang telah masuk lebih awal dan usul pula yang lebih awal itu telah diambil tindakan kepada Speaker di dalam kamar. Ia tidak perlu disegerakan kerana boleh dibangkitkan dalam bajet.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah satu perkara mengenai dengan kehilangan itu tidak perlu dilengahkan lagi? Jadi pertimbangan saya sebagai Speaker ialah *hand*, Yang Berhormat Seputeh pun bangkitkan balik dalam setengah jam ucapan usul itu pun boleh. Bermakna dia tidak perlu disegerakan. Jadi apabila setiap tindakan yang saya buat di bawah peraturan mesyuarat dipersoalkan lagi sedangkan saya terpaksa memerah otak bahawa itu yang seadil-adilnya, dipersoalkan lagi jadi bermakna itu melengah-lengahkan. Macam sekarang Yang Berhormat Puchong mahu berdiri lagi. Apa lagi Yang Berhormat Puchong boleh hujah bahawa saya akan terima selain daripada apa yang saya dengar saya buat keputusan, Yang Berhormat Puchong saya tidak boleh menerima hujah itu dan mesyuarat kita tergendala.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya boleh Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi yang saya hendak sebut di sini seperti semua Ahli Parlimen. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua juga *has to be honest and has to be clear* dalam apa-apa keputusan yang dibuat. Tunggu-tunggu... *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

■1200

*The moment you use that word, "I got to be honest", you are already questioning my integrity as a Speaker.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya belum habis, saya belum habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** *No, no*, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Please Sir.*



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, sila duduk. Bila kita bercerita ini ada satu peraturan mesyuarat, Peraturan Mesyuarat 42 kata apabila Speaker bercakap dan berhujah, semua Yang Berhormat diam dan duduk. So, kalau Yang Berhormat bangkitkan peraturan mesyuarat, mestilah patuh dengan peraturan mesyuarat.

*Now*, kalau Yang Berhormat mempersoalkan integriti saya, bawa usul bahawa Yang Berhormat persoalkan integriti saya. Usul mesti dibuat, bukan bertengkar dengan saya cara begini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tarik dahulu balik yang kata *honesty* saya is... Kalau tidak tarik balik, saya tidak akan berganjak. [*Dewan riuh*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, tarik balik.

**Seorang Ahli:** Tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Your are questioning my honesty.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Am I?*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Yes.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Am I? [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, duduk. Kalau Yang Berhormat tidak tarik balik, saya akan gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 44.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *please listen to what I have to say. [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak jelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong. Sila duduk Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak jelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, sila duduk. Ini kerana tidak ada dalam peraturan mesyuarat *that I have to listen to what you say. You have to listen to what I say* di bawah Peraturan Mesyuarat 42 dan 43.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dalam persoalan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sama ada hendak tarik balik atau tidak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana Yang Berhormat Puchong setelah saya memberi *warning* kepada Yang Berhormat Puchong berkali-kali, Yang Berhormat Puchong berdegil-degil juga.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *No, no*, Tuan Yang di-Pertua. saya boleh tarik balik, *but let me explain, I did not make that suggestion.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tidak buat *insinuation* itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *I did not make the suggestion.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *I did not make the suggestion.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Bentara sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Hold on, hold on.* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tidak buat insiniasi itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak buat kenyataan itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dia menafikan kenyataan itu.

**Seorang Ahli:** Tarik balik!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tidak buat kenyataan itu. Tuan Yang di-Pertua, *what is wrong with...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *He denied.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Okay, you both sit down. Sit down both.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *He denied.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, *sit down.* Yang Berhormat Puchong, *sit down.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Menghempas sebuah buku]*

*[Dewan riuh]*

*I don't understand. I want...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, *sit down.* *You're already sitting down.* Kalau Yang Berhormat Puchong tidak mempunyai niat dan sedemikian, kenapa harus lambat tarik balik. *What's the point?*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Because I did not say it. [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, *you are talking to me direct,* saya dengar...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Kurang ajar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak sebut. Apa yang saya sebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara, sila jalankan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak... *Please, please, please.* Tunggu sebentar, tunggu sebentar. Tuan Yang di-Pertua, *please.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah buat keputusan, sila keluar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, sila keluar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata... *[Dewan riuh]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara, sila jalankan tugas.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I am not making that insinuation* Tuan Yang di-Pertua. *I have told you.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya bila di sebelah sana ditegur, tidak apa tidak buat begitu...

**Tuan Yang di-Pertua:** *And then you have got to tarik balik.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Nothing to tarik balik* Tuan Yang di-Pertua. *Nothing to tarik balik.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I assure you Sir. I assure you.*

**Beberapa Ahli:** Keluar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya duduk sini sepanjang ingatan saya, *seven years, I never budge from my decision.* Peraturan mesyuarat dalam Dewan, apa pun kesilapan, niat ada atau tidak ada, apabila seorang Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa tarik balik, kalau betul tidak ada niat, tidak disuruh, tarik balik.

Apa salah? *"Saya minta maaf, tidak berniat"*. Ini tidak. Di samping kata tidak berniat, di samping juga masih memebel. Di samping lagi pada ketika itu mengganggu lagi peraturan mesyuarat.

Saya sudah cukup bersabar untuk membenarkan Ahli Yang Berhormat untuk berhujah kerana hujah daripada Yang Berhormat Segambut. Ini kerana Yang Berhormat bertujuan untuk membela.

Akan tetapi sejak bila juga apabila seseorang itu dibela oleh seseorang, saya berganjak daripada kedudukan saya. Ahli Yang Berhormat semua tahu ini kan?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *please.* Dengar apa yang saya katakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** *No, no. You sit down. You sit down* Yang Berhormat. Peruntukan mesyuarat mana yang Yang Berhormat boleh mengatakan bahawa, *"Speaker, dengar apa yang saya kata"*. Ada?

**Beberapa Ahli:** Tak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi dalam Peraturan Mesyuarat 42, saya baca, *"Bila-bila Ahli-ahli ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bila-bila Pengerusi menyampuk masa dijalankan perbahasan, maka siapa-siapa Ahli yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dalam Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa hendaklah diam supaya cakap Pengerusi boleh didengar dengan tidak terganggu"*.

Ini tidak. Kalau Yang Berhormat boleh buang, campak peraturan mesyuarat, saya lagi boleh campak jauh-jauh.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna, saya ada kuasa di bawah peraturan mesyuarat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat setuju, duduk lah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk lah kalau Yang Berhormat setuju.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *For the record, let me just state what happened.* *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara-bentara, sila jalankan tugas.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tunggu dahulu, tunggu dahulu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara, jalankan tugas.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak katakan, tujuan kita tanya...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, sila keluar. Yang Berhormat Puchong, sila duduk. Kalau Yang Berhormat juga enggan untuk keluar, saya gunakan lagi Peraturan Mesyuarat 44 yang lebih dahsyat iaitu menamakan Yang Berhormat enggan dengan arahan saya, supaya seorang Menteri boleh berdiri dan mencadangkan usul, selepas itu buat tindakan untuk gantung Yang Berhormat daripada perkhidmatan Parlimen.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Aiya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tidak boleh macam ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, sila keluar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kita dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Puchong. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong duduk.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah. Apa salahnya beri ruang kepada Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong duduk!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya sudah sebut Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I want to say, the reason kita bangkitkan is so that people, so that Tuan Yang di-Pertua can explain, so that... [Gangguan pembesar suara] perception that Tuan Yang di-Pertua is being honest. I want Tuan Yang di-Pertua to be able to speak up and state his reason. That's what I am saying. So, saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya beritahu...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, sila duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I am helping you* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Thank you very much, but you are not helping me by your words and by your actions.* Yang Berhormat, tolong duduk. Yang Berhormat, tolong duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Ahli Yang Berhormat, sudah lah. Apabila Speaker sudah buat keputusan dalam Peraturan Mesyuarat 18, tidak boleh sama sekali diungkit balik. *You people know this.* Kecuali sengaja untuk melengahkan Mesyuarat. Saya tidak nampak alasan lain. *I don't see apart from that.*

Yang Berhormat bercakap depan saya, tidak payah *check Hansard*, saya dengar. *You are questioning my integrity.* Apabila saya tegur, *you have got to tell me instantly "Saya tidak, saya tarik balik kalau..."*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya cakap tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, *sit down.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yes.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk. Duduk, duduk. Yang Berhormat, saya sudah arahkan Yang Berhormat untuk keluar. Kalau Yang Berhormat enggan, saya boleh panggil Menteri menamakan Yang Berhormat cadangkan nama. Akan tetapi kalau Yang Berhormat kata, *"Ya, tarik balik" with no condition*, bahawa minta maaf *and then I will not proceed with my order to chase you out.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I don't have anything to tarik balik. I never made that accusation.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Yang Berhormat, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *you have to be...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, sila keluar. Kalau tidak, saya akan namakan Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *This is an embarrassment Tuan Yang di-Pertua, with due respect. [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *We are trying to correct...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, sila keluar.

#### ■1210

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ulangi balik. Dalam persidangan Parlimen, bukan sahaja tugas Speaker atau timbalan-timbalan Speaker yang mempengerusikan mesyuarat untuk menentukan bahawa perjalanan mesyuarat itu lancar, baik, dapat kita berbahas secara berhemah sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah diletakkan untuk rakyat di sini, membawa permasalahan rakyat dengan benar-benar ikhlas dalam hati masing-masing. Dari tahun 2008 lagi saya mengingatkan Yang Berhormat, apabila masuk dalam Dewan perbahasan, tinggalkan identiti itu atau tugas itu sebagai wakil rakyat di luar. Ini kerana apa pun yang dibuat di luar, buat kenyataan akhbar kah, apa-apa kah, itu bukan dalam bidang kuasa saya. Apabila berada dalam dewan perbahasan, itu adalah menjadi tanggungjawab saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat tanya kepada diri masing-masing, *conscience, deep in your conscience*, adakah Ahli-ahli Yang Berhormat membantu saya? Saya tidak mengatakan tidak yang sedemikianya tetapi sehingga tahun ketujuh masih lagi saya bergelut dengan perasaan sendiri. Akan tetapi tidak mengapa. Seharusnya perkara seperti begitu tidak harus timbul. Malangnya yang menimbulkan isu-isu seperti begitu adalah wakil-wakil rakyat yang sudah dua tahun atau tiga tahun. Yang Berhormat Seputeh faham ini, Yang Berhormat Segambut faham ini. Akan tetapi, adakah selepas pukul 11.30 pagi, Yang Berhormat Seputeh tidak ada dalam Dewan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada, kenapa tidak berdiri?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *See?* Tidak, tidak Yang Berhormat. Apabila sudah selesai urusan mesyuarat, maka di situ boleh berdiri. Akan tetapi tidak. Ahli-ahli Yang Berhormat memilih untuk membuat perkara begitu. Bukan satu kali atau dua kali oleh mungkin kerana ada Perdana Menteri. Pada pagi tadi, Yang Berhormat Seremban juga kata begitu. Tidak seharusnya timbul perkara-perkara yang sudah *settle issue*. Jadi sekarang sudah jam 12.13 tengah hari, perkara yang rutin pun, untuk mengganti di bawah Peraturan Mesyuarat 76 menjadi satu masalah besar. Silakan Setiausaha.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada peraturan mesyuarat untuk bantah usul ini sebelum dibaca. Boleh? *Whether it is proper to ... [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila kemukakan usul dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, lepas ini saya pohon bantah. *[Dewan riuh]*

## USUL

### MELANTIK PENERUS JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin, Ahli Parlimen Rompin dipilih menggantikan Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Ahli Parlimen Pulau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Ketiga Belas.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Saya menyokong Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya membuat bantahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Begini Yang Berhormat. Oleh kerana sekarang ini usul sudah pun dibawa dan usul itu adalah *proper* dan disokong, jadi sekarang ini saya minta kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu berbahas dan dalam perbahasan itu nanti Yang Berhormat cakaplah apa sahaja asalkan tidak melanggar peraturan mesyuarat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Saya ingin bahas Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya dulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin bertanyakan kepada pihak Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang bawa usul ini.

Kalau usul yang pertama itu dinyatakan secara spesifik bahawa usul ini dibawa di bawah peruntukan Peraturan 76, Peraturan Majlis Mesyuarat. Saya ingin tanya, kalau biasanya berdasarkan pengalaman saya walaupun tidak panjang di sini. Kalau mengenai usul-usul ini, kalau kita tersilap tulis peraturan mesyuarat pun akan dipersoalkan, akan ditolak. Maknanya *very particular about the technical*.

Akan tetapi saya ingin tahu, usul ini dibawa di bawah peraturan apa? Takkanlah Yang Berhormat Menteri tidak nyatakan secara spesifik di bawah peraturan mana dibawa. Kalau usul ini perlu disokong, mesti ada satu secara jelas menyatakan seperti mana usul yang pertama, sekurang-kurangnya diletakkan Peraturan Mesyuarat 76. Jadi saya ingin tanya, bolehkah usul ini dibenarkan untuk dibawa, dimasukkan dalam peraturan mesyuarat, dalam keadaan tidak dinyatakan peraturan mana dibawa?

Saya ingin menyatakan di sini sebab Tuan Yang di-Pertua telah banyak bersyarah panjang tentang peraturan mesyuarat. So, kita ingin tanya, kenapakah usul ini dibenarkan untuk dibentangkan dalam keadaan tidak dinyatakan secara spesifik di bawah peraturan mesyuarat manakah usul ini dibawa? Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya mengharapkan kalau dalam bahasa undang-undang patutnya usul ini ditolak *indemnifier* tolak sahaja, memalukan. Mungkin Yang Berhormat Menteri yang jaga Parlimen ini baru lagi, jadi dia tidak... [Disampuk]. Dia *overlooked*. Tidak apalah, itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Boleh, boleh saya bertanya kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan walaupun ditanya bukan kepada saya tetapi yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat di bawah 77(2), “*Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan Naib Pengerusi yang akan dilantik oleh Majlis dan tidak kurang daripada enam dan tidak lebih daripada 12 orang ahli yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dengan seberapa segeranya selepas dimulakan tiap-tiap Parlimen*”.

Saya sebut peraturan itu daripada konteks sebagai seorang ahli PAC yang saya merasakan bahawa oleh sebab keanggotaan PAC selama ini tidak pernah kurang daripada enam orang ahli. Saya ingin bertanya, kenapakah sidang PAC yang sedang rancak ingin menyiasat berkaitan dengan isu 1MDB itu telah tiba-tiba dihalang daripada untuk terus bermesyuarat dan tidak benar untuk bermesyuarat walaupun peraturan yang ada ini jelas mengatakan bahawa kita hanya perlu enam orang ahli sahaja?

Walaupun pengerusi yang baik itu telah dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri, seorang lagi menjadi Menteri penuh, dua orang lagi menjadi Timbalan Menteri tetapi masih ada baki sembilan orang ahli PAC. Oleh itu seharusnya dibenarkan untuk terus bermesyuarat kerana isunya yang amat penting, yang sedang dibincangkan dan sedang mendengar laporan dari Jabatan Audit Negara.

Jadi ini saya rasakan Tuan Yang di-Pertua merupakan suatu masalah yang saya mengharapkan Tuan Yang di-Pertua berada di depan untuk memastikan bahawa PAC sepatutnya tidak tergendala sedikit pun sebab Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Kepong pun ada di sebelah saya, Yang Berhormat 'Tanjong Piau' daripada MCA – Tanjong Piai ada di sebelah saya dan oleh itu, seharusnya mesyuarat PAC diteruskan dan tidak dihentikan sehingga ingin menunggu supaya pelantikan baru ini dibuat pada mesyuarat ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat. Adakah soalan itu ditujukan kepada saya ataupun kepada Yang Berhormat Sepang?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Sepang boleh menjawabnya dan selepas itu saya harap Tuan Yang di-Pertua memberi penjelasan yang selebihnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Kota Bharu sekejap, sekejap. Soalan, soalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bolehlah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Boleh, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Tumpat dalam kes ini. Pelantikan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini di bawah Peraturan Mesyuarat 77 dan isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tumpat tadi, beliau seorang ahli PAC yang lalu. Kalau dilihat Peraturan Mesyuarat 77(3), saya bacakan, ia jelas berbunyi, *"Semasa ketiadaan Pengerusi atau Naib Pengerusi oleh kerana keuzuran atau lain-lain sebab, jawatankuasa hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk menjadi Pengerusi yang akan mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu"*.

■1220

Jadi saya rasa Dewan ini perlu diberitahu, perlu dijelaskan kenapa semasa Yang Berhormat Pulau dilantik menjadi Ahli Kabinet, tidak lagi boleh menjadi Pengerusi PAC, Naib Pengerusi ada dan juga ahli-ahlinya ada boleh dilantik sebagai Pengerusi. Sedangkan ia tidak dilakukan, tidak dibenarkan untuk dilakukan begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Sepang, duduk Yang Berhormat Sepang. Oleh sebab ini melibatkan peraturan mesyuarat dan tafsiran peraturan mesyuarat, saya rasa orang yang patut menjawabnya adalah saya kerana saya yang membuat ketetapan itu ataupun tindakan itu.

Ahli Yang Berhormat, ini sebagai respons kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang mengenai dengan usul daripada Menteri tadi perlu ditolak sahaja oleh sebab ia tidak menyebut pun peraturan mesyuarat mana yang usulnya dibawa.

Cara usul itu dibawa, Ahli-ahli Yang Berhormat ialah perhatikan Peraturan Mesyuarat 26 dan 27. Peraturan Mesyuarat 26, di situ memperincikan perkara-perkara yang tidak perlu ada notis. Diperincikan P.M.26(1)(a), (b), (c) dan sampai berapa-berapa. Selain

daripada apa yang diperincikan oleh Peraturan Mesyuarat 26 itu, setiap usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat biasa bukan ahli kerajaan, notis 14 hari. Kalau dia ahli kerajaan, di bawah Menteri, selama tujuh hari. Akan tetapi, kalau usul yang dibawa itu oleh seorang Menteri, dia dapat meyakinkan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa notis cuma dalam 24 jam, maka Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkannya.

Mengenai dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tumpat tadi dan Yang Berhormat dari Kota Bharu iaitu mengenai dengan P.M.77(2) dan P.M.77(3). Begini Yang Berhormat, P.M.77(2) itu mustahak kerana *Select Committee* ini yang dipengerusikan oleh Speaker, *committee* ini saya pengerusi yang menamakan ahli-ahli dalam setiap jawatankuasa. Akan tetapi dalam soal *Public Account Committee*, jawatankuasa yang saya pengerusi kan iaitu *Select Committee*, tidak boleh menamakan siapakah pengganti, mesti juga Majlis. Apabila kita membaca dalam peraturan mesyuarat ini, Majlis yang menamakan Pengerusi PAC dan Timbalan Pengerusi PAC, bukan saya atau bukan jawatankuasa saya. Siapa yang menamakannya ialah Ahli-ahli Yang Berhormat kerana usul itu nanti akan dikemukakan juga untuk dipersetujui ataupun tidak.

Mengenai dengan Peraturan Mesyuarat 77(3). Apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Kota Bharu ini ialah semasa ketiadaan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi. Itu Yang Berhormat dalam keadaan di mana ada Pengerusi, *normal situation*. Kalau umpamanya kalau boleh saya ambil contoh, pada ketika waktu mesyuarat PAC berlangsung dan pada ketika itu Yang Berhormat Nur Jazlan tidak dapat datang disebabkan dia sakit kah ataupun *traffic jammed* kah, maka pada ketika waktu bermesyuarat itu, Yang Berhormat Kepong boleh mengambil alih sebagai pengerusi.

Peraturan Mesyuarat 77(3) ialah *referring to that kind of situation*, bukan dalam keadaan di mana seorang *Public Account Committee* punya Pengerusi itu apabila dia sudah tidak ada dalam jawatan, maka boleh Peraturan Mesyuarat 77(3) di *applied*. Itu adalah tafsiran saya. Tafsiran saya itu adalah disokong oleh pendapat-pendapat orang-orang tertentu yang saya tanya dari Jabatan Peguam Negara. Jadi itu sebetulnya yang berlaku.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab, maka kalau tidak ada pengerusi yang telah dinamakan oleh Majlis, perlu ada pengerusi baru yang Majlis akan pilih pula. Itu sebabnya kenapa usul itu dibawa pada ketika ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masih *floor* saya, boleh saya jawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak menjawab apa yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Kota Bharu dan juga, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua- sebenarnya saya hendak masuk *point* yang sama tetapi Tuan Yang di-Pertua jawab, saya rasa berhak juga untuk menyatakan bahawa sebenarnya bagi saya Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya bangkitkan tadi bukan berkaitan dengan notis. Saya tidak mempertikaikan notis itu. Saya pertikaikan kalau kita hendak ada satu *consistency* dalam pentafsiran dalam menolak mana-mana usul, kita sepatutnya menunjukkan *consistency* kita di sini sebab apa yang kita buat ini dilihat.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker ini ibarat hakim. Ibaratlah. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa pentafsir. Oleh sebab kita ada kuasa pentafsir, kita mesti memastikan tafsiran kita itu mestilah pertamanya betul. Saya tidak kata Tuan Yang di-Pertua sebagai manusia tidak boleh buat- tetapi biarlah tafsiran kita itu mengikut prinsip-prinsip pentafsiran yang kita rasa tidak langsung bercanggah dengan apa yang dinyatakan dalam bahasa ataupun *language standing order* itu.

Jadi saya rasa kalau sekiranya usul ini hendak dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 77, sebutlah Peraturan Mesyuarat 77. Yang saya tahu memang di bawah Peraturan Mesyuarat 77(2) iaitu jawatan *Chairman* dan *Vice Chairman* ini mestilah dilantik di dalam Dewan ini kecuali anggota PAC yang lain. Jadi oleh sebab kita hendak melantik *Chairman* yang baru, sebutkan Peraturan Mesyuarat 77. Sepatutnya di peringkat kamar lagi Tuan Yang di-Pertua sudah *check*, minta perbetulkan dahulu supaya tidak dibangkitkan.



Bukan kami hendak melengah-lengahkan. Ini kerana selama ini apabila kita membawa usul terlupa letak peraturan mesyuarat, kita ditolak begitu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, banyak *break* lah ini, kacaulah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ganggu *floor*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebabnya Yang Berhormat setiap kali sebelum sesuatu perkara itu disebut, Setiausaha berdiri. Baru tadi disebut, "*Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan usul untuk memilih Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di bawah Peraturan Mesyuarat 77(2)*".

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapakah tidak diletakkan di dalam itu? Ini bahasa Setiausaha.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kerana Yang Berhormat, kita telah mengikut peraturannya sudah, sebab itulah kita membenarkan usul itu. Apabila Yang Berhormat membaca usul itu, dia sudah baca tadi bahawa begini. Kalau dia mahu sebut pun boleh, kalau dia tidak sebut pun boleh. Biarlah saya yang *interpret* oleh sebab telah pun disebut bahawa perkara yang kita bincangkan sekarang ini ialah Peraturan Mesyuarat 77(2).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat mendengar tadi ini, saya rasa Yang Berhormat tidak akan berdiri membangkitkan soal ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan ini untuk masa akan datang. Kita ada pengalaman Tuan Yang di-Pertua, mengemukakan usul-usul yang ditolak kerana teknikal sahaja.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak, bangunlah Menteri. Jangan bisung-bisung dekat situ.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Menteri Perumahan ini perangai macam *backbencher*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nanti sekejap, saya jawab dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat sebab dia belum siap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak jawab. Kalau Tuan Yang di-Pertua punya pandangan begitu, saya berharap akan datang Tuan Yang di-Pertua, tunjukkan *consistency*, sekiranya mana-mana Ahli Parlimen membawa notis, bawa usul mungkin terlupa letak peraturan mesyuarat, saya berharap demi *consistency*, tunjukkan, jangan tolak kerana alasan itu. [*Disampuk*] Hei Menteri... [*Dewan riuh*] Ajar sikit, ajar dia sikit. Macam budak-budak ini. Menteri perumahan ini, hei pergi jaga rumahlah. Sibuklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Sila, sila Yang Berhormat Sepang, *continue*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri DBKL kecohlah! *Check* air kencing orang sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Sepang, boleh ya? Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan saya rasa Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa pemutus- sebab itu *Lord Denning* mengatakan, "*There is no such thing as finality unless the decision is correct*". Kalau

keputusan itu tidak salah Tuan Yang di-Pertua, muktamad apa? Itu muktamad mentafsirkan benda yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 77(3) itu terlalu jelas. Apa yang dinyatakan, itulah yang dimaksudkan. Apa yang dimaksudkan, itulah yang dinyatakan. Jelas. Saya rasa tidak perlu kita hendak panggil mana-mana. Saya rasa pelajar tahun satu undang-undang pun tahu.

■1230

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, pertamanya adalah, Tuan Yang di-Pertua minta dia orang jangan ganggu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong Yang Berhormat. Sila. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak mahu dengar ambil kapas tutup telinga. Bangunlah, kalau mahu tanya. Okey, bangun. Okey, tanya.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Saya bukan hendak tanya. Sebab itu kena pecat daripada PAS, pasal itulah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apalah. Orang kata tanya soalan dia cakap pasal pecat. Patutlah duduk *backbencher*. Tuan Yang di-Pertua, P.M.77(3) saya hendak bacakan Tuan Yang di-Pertua izinkan saya membaca dalam bahasa Inggeris. "*In the absence of the Chairman or Vice Chairman due to illness or for any reason whatsoever, the committee shall elect any one member to act as a Chairman.*" Tuan Yang di-Pertua tidak ada lagi yang lebih jelas Tuan Yang di-Pertua daripada ayat ini.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua dia kata *in the absence of Chairman* ataupun *Vice Chairman*, dalam kes yang berlaku yang *absent* itu adalah *Chairman* sebab dilantik sebagai Menteri makna *Vice Chairman* masih ada lagi, itu satu.

Keduanya, alasan ketidakhadiran *absence* itu mestilah oleh sebab *illness*, dalam kes yang berlaku ini memang kita tahu bukan kerana *illness*, kerana pelantikan sebagai Menteri. Jadi dia termasuk dalam frasa, "*for any reason whatsoever*". Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, *Chairman* telah dilantik, kemudiannya telah dilantik sebagai Menteri – kosong, *Vice Chairman* tidak kosong lagi.

Apa yang menghalang dalam P.M.77(3) ini untuk *Vice Chairman* meneruskan dan Ahli Parlimen Kepong sebagai *Vice Chairman* telah bersedia untuk meneruskan dan akan memanggil pengerusi 1MDB. Yang sebelum ini tidak datang, tidak tahu ke mana dia pergi. Kata ingat keluar negara tidak ada tunjuk pasport dia keluar. 1MDB hilang, pengerusi pun hilang. 1MDB terkenal dengan benda-benda yang hilang. Tiba-tiba kita pun hilang arah daripada segi mentafsirkan undang-undang. Ini kenapa? Ini apa ini? Turun. Yang Berhormat Tanjong Karang. Kalau hendak tanya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya. Saya bangun. Tidak. Saya bangun hendak minta jalan. Boleh tidak boleh? Bagi tidak bagi?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak bagi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi jangan arah saya macam itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak bagi duduklah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jangan kurang ajar. Kalau tidak boleh cakap, tidak bagi jalan cakap tidak bagi jalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi. Saya tidak bagi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya bangun dengan tertib. Saya bangun dengan tertib. Saya ikut peraturan. Jangan kurang ajar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya pun jawab dengan tertib. Saya tidak bagi jalan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau tidak bagi jalan, cakap tidak bagi jalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak bagi jalan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Janganlah mengarah saya duduk macam itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nanti.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Awak siapa hendak arah-arah saya? Saya ikut peraturan. Bercakap soal peraturan. Bila saya bangun ikut peraturan Yang Berhormat Sepang sendiri tidak menghormati peraturan. Biadap!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Patutlah duduk belakang lagi. Ada rombakan-rombakan Menteri tidak naik lagi. Patutlah. Saya kesian Yang Berhormat Tanjong Karang ini, tidak apa cari jalan dekat Tanjong Karanglah. Sikit hari lagi saya bagi jalan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi saya P.M.77 perlu jelas, jadi saya pun merasa hairan Tuan Yang di-Pertua saya betul-betul.

Saya memang menghormati Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ada kuasa undang-undang, Tuan Yang di-Pertua lebih baik daripada Yang Berhormat Tanjong Karang. Nasib baiklah saya berhujah depan Tuan Yang di-Pertua yang tahu faham undang-undang. Kalau katakan Yang Berhormat Tanjong Karang jadi *Chairman*, saya tidak bangun. Sebab saya malu hendak berhujah depan *Speaker* kalau *Chairman* itu adalah Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tapi oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya inilah saya hendak nyatakan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, begini Tuan Yang di-Pertua persoalannya Tuan Yang di-Pertua *Vice Chairman* masih ada lagi, undang-undang kata *Vice Chairman* boleh teruskan. Jadi kenapakah persidangan yang melibatkan isu yang lebih besar 1MDB ini tiba-tiba kita berhentikan begitu sahaja? Kita tunggu sampai sidang ini? Bukankah ini menunjukkan kita telah mengkhianati rakyat yang telah meminta supaya kita mengambil tindakan 1MDB ini. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya silakan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini saya bagi sebab ada standard.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Adakah Yang Berhormat Sepang bersetuju bahawa tadi kita dengar satu tafsiran daripada Tuan Yang di-Pertua mengenai *Standing Order 77*. Itu sahaja tafsiran sahaja. Oleh sebab adakah Yang Berhormat Sepang setuju bahawa Tuan Yang di-Pertua semua Tuan Yang di-Pertua saya hormat, tidak ada kuasa untuk memberhentikan PAC daripada bermesyuarat. Itu satu salah guna kuasa.

Oleh sebab, itu tafsiran keputusan sama ada *Standing Order 77* tidak mencegah PAC daripada bermesyuarat sungguh tidak ada. Oleh sebab tidak ada pengerusi ialah dewan yang mulia ini bukan Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada peruntukan diberi kuasa kepada Tuan Yang di-Pertua untuk berhentikan satu jawatan kuasa khasnya PAC daripada bermesyuarat. Adakah Yang Berhormat Sepang bersetuju ini satu salah guna kuasa yang Tuan Yang di-Pertua tidak patut berlaku dan ini merupakan satu sabotaj penyiasatan 1MDB, satu skandal besar antarabangsa. Itulah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih pada.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Yang Berhormat Sepang boleh minta laluan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, sekejap. Tuan Yang di-Pertua, eh Yang Berhormat Baling hendak kena baling keluar kah? Ini lagi satu lagi menteri perempuan ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gelang Patah saya amat bersetuju. Saya baca beberapa kali Aturan Mesyuarat 77, saya tidak nampak di mana di bawah Aturan Mesyuarat 77 ini Tuan Yang di-Pertua ada kuasa. Tidak ada. Yang ada kuasa adalah pengerusi *Chairman* itu.

Tapi sekarang Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua telah malangnya membuat keputusan menghentikan. Menghentikan satu *ongoing investigation* daripada Parlimen ini melalui PAC menyiasat satu isu yang besar. Isu yang skandal itu segala skandal yang memalukan negara. Negara kita dikenali menteri pelancongan patut berasa bersyukur 1MDB negara kita dikenali tapi dikenali dengan nama yang buruk.

Mongolia tahu, Amerika Syarikat tahu, Myanmar tahu dan semua tahu. Ya, sampai baru ini satu persidangan di ASEAN pun cerita 1MDB semua senyum. Jadi saya hendak katakan Tuan Yang di-Pertua kalau kita pada Aturan Mesyuarat 77, *Chairman*, Tuan Yang di-Pertua tiada kuasa. Pertama Tuan Yang di-Pertua telah membuat satu tafsiran yang Tuan Yang di-Pertua tidak sepatutnya perlu *involve, descend into that level*. Tidak perlu Tuan Yang di-Pertua terlibat dalam mentafsirkan sebab bagi saya jelas.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa untuk menanggungkan. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab segala-segalanya telah dilanggar, Tuan Yang di-Pertua sebelum sidang Parlimen mengatakan kita hendak buat *reform* terhadap Parlimen ini. Tapi Tuan Yang di-Pertua saya ingin juga minta Tuan Yang di-Pertua kita juga jujur dengan diri kita. Kalau kita hendak *reform* Parlimen ini, kita mesti mulakan *reform* institusi Speaker itu sendiri. Eh, ini *we are talking about reform*. Saya bukan bercakap pasal atas nama Tuan Yang di-Pertua Pandikar tapi saya bercakap atas kerusi Speaker. Kita mesti *reform* sebab kita tidak mahu selama ini saya ada kuasa pemutus, saya ada kuasa pentafsir. Tapi dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang duduk Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** See. Yang Berhormat Tanjong Karang duduk, duduk Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dah, dah habis belum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya *respond* dulu apa yang dibangkitkan ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau dia sudah habis saya hendak berucap pula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat seolah-olah saya ini ikut telunjuk orang. Saya ini zalim, pendapat saya memang semua tidak betul, pendapat mereka semuanya betul. Saya kena *respond* dulu. Saya tidak mengatakan bahawa segala keputusan saya itu adalah betul. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah, ini adalah cuma tafsiran. Kalau tafsiran yang dibuat oleh Speaker itu sering kali tidak dipatuhi dan bertengkar seperti ini, kita tidak dapat menjalan mesyuarat. Itu sebab Peraturan Mesyuarat jelas mengatakan bahawa Peraturan Mesyuarat 43.

Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang rasa keputusan Speaker itu tidak betul, bawa satu usul persendirian. Tetapi ini tidak, tafsiran saya itu kalau ada usul persendirian maka terpaksa di bahas di Parlimen lepas itu diambil undi. Jadi keputusan saya itu baru boleh ditolak oleh Majlis. Yang Berhormat Gelang Patah mengatakan saya Yang Berhormat Gelang Patah sebagai ahli Yang Berhormat yang lama dalam Parlimen saya cukup menghormati segala hujah Yang Berhormat Gelang Patah. Saya meneliti begitu juga dahulu waktu mendiang Yang Berhormat Karpal Singh ada. Saya dengar.

#### ■1240

Akan tetapi apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa langsung saya tidak kuasa, saya sedih.

Cuba Yang Berhormat baca Peraturan Mesyuarat 100. Peraturan Mesyuarat 100 mengatakan, semua perkara yang tidak disyaratkan terang-terang dalam peraturan-peraturan ini dan semua perkara berkenaan dengan menjalankan peraturan-peraturan ini pada perkara satu persatunya hendaklah diaturkan menurut cara yang tidak berlawanan dengan peraturan-peraturan ini sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua dari satu masa ke satu masa.

Itu sebab kenapa Peraturan Mesyuarat 100 dia *open*, oleh sebab ada perkara-perkara mungkin yang tidak dapat difungsi, tidak dapat dilihat pada ketika peraturan mesyuarat digubal. Belum pernah berlaku dalam sejarah Parlimen bahawa seseorang Pengerusi *Public Accounts Committee* menjadi isu.

Jadi pertanyaan, saya tanya kepada diri saya dan saya jawab dengan secara *conscience clear*. Seandainya tidak ada isu 1MDB yang telah *dipoliticised* juga ini yang sekarang dalam penyiataan yang belum tentu lagi siapa bersalah dan siapa tidak. Bukan tidak ada penyiataan, ada. Sekiranya tidak ada isu begitu, adakah isu Pengerusi *Public Accounts Committee* ini dipolitikkan seperti sekarang? Adakah orang kisah sama ada Pengerusi PAC itu dilantik cepat atau tidak cepat? Kenapa sewaktu kedudukan Yang Berhormat Permatang Pauh dulu dalam *Select Committee* sewaktu beliau telah didapati bersalah, kenapa itu tidak dipolitikkan bahawa terus terpaksa kita buat satu pertukaran dengan serta-merta?

Ahli-ahli Yang Berhormat bukan tengok daripada sudut pandangan sebagai Speaker yang benar-benar prihatin kepada ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh? Dah habis, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu adalah tafsiran saya. Jadi kalau tidak setuju tafsiran saya Yang Berhormat Gelang Patah, saya buat satu perkara yang langsung tidak kuasa. Buat usul di bawah 43. Kenapa harus tulis saya begitu? Kenapa kalau berbuat saya begitu saya pun boleh tuduh Yang Berhormat dengan apa-apa sekali pun. Jangan buat begitu.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya, boleh...?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Buat usul apa pun..

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Standing Order* 100 itu ialah mengenai perjalanan mesyuarat, bukan di luar dalam perjalanan mesyuarat. Yang pertama, yang kedua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi, lagi tafsiran Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya, tafsiran..

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi tafsiran. Kenapa tafsiran Yang Berhormat perlu saya dengar?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kalau begitu, boleh buat apa-apa tafsiran di mana Tuan Yang di-Pertua menjadi diktator. Tak boleh! Ini dalam perjalanan mesyuarat, bukan luar dalam perjalanan mesyuarat. Yang kedua, sungguhpun Tuan Yang di-Pertua kata boleh, ada satu usul substantif. Bolehkah kita satu jaminan bahawa ada usul substantif sama ada mengenai Speaker atau terhadap Perdana Menteri. *No 'contest' motion*, tentu masa akan ditetapkan untuk bahas dan keputusan atau debat dibuat. [Tepuk]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan mesyuarat Yang Berhormat Gelang Patah, saya *surprise* lagi. Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa Peraturan Mesyuarat 15 itu ada? Ataupun sengaja tidak mahu baca?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kita perlu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab pasal politik.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kita perlu tafsiran peraturan mesyuarat yang lebih demokratik. Bukan satu tafsiran yang tidak demokratik yang kita tak ada. Tak ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 15 mengatakan bahawa apa pun usul yang dibuat, Peraturan Mesyuarat 15 mengatakan bahawa urusan kerajaan didahulukan.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya, betul. Akan tetapi begitu, kalau Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu tafsiran bahawa menghentikan PAC dari bermesyuarat, kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak ada berjumpa dengan Perdana Menteri mengadakan suatu Parlimen yang tergepar supaya tidak ada *delay* tiga bulan atau lebih dari tiga bulan untuk siasat 1MDB atau adakah Tuan Yang di-Pertua takut 1MDB disiasat? *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gelang Patah memang beranilah. Memang beranilah Yang Berhormat kerana Yang Berhormat bukan duduk di kedudukan yang membuat tindakan. Itu yang Yang Berhormat takut mahu jadi Ketua Menteri Pulau Pinang mungkin. *[Dewan riuh][Ketawa]*. Kerana apabila sudah duduk...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila sudah duduk... Nanti Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Itu pasal..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua jangan dipolitikkan. Pagi ini Tuan Yang di-Pertua mempolitikkan kedudukan Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!!

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Itu pasal, yang belum dapat diselamatkan di situ, Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** PAC...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua mempolitikkan *Speakership*, jangan begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Ini Yang Berhormat Gelang Patah lagi buat satu tuduhan yang tidak baik, begitu. Yang Berhormat tidak. Bagi saya, saya perlu mempertimbangkan semua, seluruh peraturan mesyuarat. Sila Yang Berhormat selepas itu sila gulung supaya kita dapat ambil..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, Yang Berhormat Kota Bharu sila, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Bharu, sila Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, selepas itu saya akan gulung.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh hormat kepada tafsiran yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua mengenai Peraturan Mesyuarat 77(3) yang menyatakan bahawa kalau Pengerusi tidak ada, uzur atau pun lain-lain sebab, Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa lain-lain sebab itu tidak termasuk apabila Pengerusi dilantik sebagai Menteri atau Timbalan Menteri.

Akan tetapi kalau kita melihat 77(4), di sini dengan jelas menyatakan bahawa, "Seseorang ahli Majlis, bermakna Ahli Majlis Parlimen tidak boleh diangkat atau dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau jadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara semasa ia menjadi seorang Menteri".

Di situ disebut, ahli-ahli Dewan tidak boleh dilantik memangku atau memegang tetapi di sini tidak menyebut Naib Pengerusi PAC tidak boleh dilantik memangku. Ini menunjukkan pada tafsiran saya, mungkin Yang Berhormat Sepang boleh ulas, yang tidak boleh dilantik hanya Ahli Majlis. Akan tetapi tidak disebut Naib Pengerusi ataupun ahli-ahli PAC tidak boleh dilantik memangku jawatan Pengerusi apabila Pengerusi dilantik menjadi Menteri. Jadi saya minta mungkin ulasan daripada Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, terima kasih kepada sahabat saya daripada Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang

dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Kedua Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa sebagai Speaker, saya boleh menggunakan kuasa di bawah Aturan 100 tadi. Tuan Yang di-Pertua kata kalau ada benda-benda yang tidak secara terang-terang dinyatakan. Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, 77 terang.

**Seorang Ahli:** Ya!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terlalu *clear*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cuba duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat ganggu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk dahulu Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, yang Yang Berhormat bertengkar dengan saya ini ialah tafsiran, baca betul-betul. Yang Berhormat Kota Bharu baca. 77(3), semasa ketiadaan Pengerusi atau Naib Pengerusi oleh sebab keuzuran atau lain-lain sebab, Jawatankuasa hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk menjadi seorang Pengerusi.

Apa yang Jawatankuasa buat ini ialah mengambil kuasa Majlis sedangkan dalam peraturan mesyuarat menyatakan bahawa dua mesti dikasi nama, Pengerusi dan Timbalan Majlis. Apabila 77(3) itu kita tafsirkan seperti tafsiran Yang Berhormat dan Yang Berhormat, seolah-olah Jawatankuasa itu telah dikasi oleh Majlis satu kuasa amat besar kerana mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak setuju yang menjadi sebagai Pengerusi itu. *[Disampuk]* Kerana kalau misal kata dia ada masih lagi sebagai Pengerusi tetapi dia tidak dapat hadir oleh sebab *traffic jam*, oleh kerana sebab sakit oleh sebab bertugas di luar negara dan mereka telah *dischedule* untuk bermesyuarat.

Kalau ada kuorum, maka ahli-ahli yang ada itu bolehlah mereka berbincang sesama sendiri siapa yang mempengerusikan. Itu adalah tafsiran yang saya buat kerana kalau saya tafsir seperti tafsiran Ahli-ahli Yang Berhormat, bermakna yang ada itu telah mengambil kuasa Majlis.

Kerana kalau itu ialah maksud yang sebenar, kenapa Ahli Majlis menamakan siapa Pengerusi PAC? Kenapa tidak yang menamakan sahaja *Select Committee* yang saya pengerusi? *Why?* Kerana *Public Accounts Committee* itu adalah satu *committee* yang paling mustahak oleh sebab orang yang duduk di situ adalah berhadapan dengan segala agensi-agensi kerajaan. Dia mempunyai kuasa panggil saksi sedangkan jawatankuasa yang lain tidak kuasa termasuk *Select Committee* yang saya pengerusi.

Jadi oleh sebab dia ini adalah satu jawatankuasa yang amat mustahak, tidak boleh kita tafsirkan dengan satu tafsiran yang ada membawa pengertian yang lain.

Jadi, kalau pun umpamanya penyiasatan tergendala oleh sebab tidak ada Pengerusi baru, masih juga sedang berjalan, cuma dia *postponement*.

#### ■1250

Seperti juga dengan kes-kes lain di mahkamah, apabila peguam-peguam yang mantap atas teknikal terpaksa hakim kata, "*Okey, kita tangguhkan dulu.*" sampai bertahun-tahun. Akan tetapi *process of investigation and* semua perbicaraan berjalan. Kenapa itu menjadi isu sangat yang teramat besar sehingga Tuan Yang di-Pertua terpaksa membuat keputusan yang semua kita pening termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri dikasi peningkan lagi yang sudah pun pening.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, okey. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini penting Tuan Yang di-Pertua. Ini jadi satu *precedent*. Sebelum ini mungkin tidak pernah berlaku dalam keadaan Parlimen ini...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu tafsiran...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya tidak bagi laluan. Tolong duduk, *please*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Lama sangat cakap. Pusing-pusing itu juga.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya lama cakap sebab Tuan Yang di-Pertua banyak kacau. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat cakap pusing-pusing.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan kacaulah tetapi Tuan Yang di-Pertua beri penjelasan.

**Seorang Ahli:** Tarik balik!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya tarik balik. Saya tarik balik 'kacau'. Okey saya tarik balik 'kacau', Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tidak kacaulah. Tuan Yang di-Pertua memberi penjelasan sebab dia tanya saya lama sangat. Saya jawablah. Okey Tuan Yang di-Pertua? *Be cool* Tuan Yang di-Pertua, *be cool*. Tidak payah halau saya, relaks. *[Dewan riuh] Can I proceed?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kacau. *[Ketawa]* Kalau Yang Berhormat Sepang berhujah dia tidak kacau.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tarik balik. Tuan Yang di-Pertua tidak perlulah ...

**Tuan Yang di-Pertua:** *By 1.00 o'clock, I want this matter to be settled*, selepas *you*, lepas itu Menteri *respond* sekejap, lepas itu kita kemukakan hal ini kepada Majlis.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bercakapkah? Saya hendak bercakap juga bagi pihak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Sepang, mahu beri laluan dengan Yang Berhormat Tanjong Karang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kalau orang lain saya bagilah. Yang Berhormat Tanjong Karang saya tidak bagi. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Ini perbahasan, ini perbahasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau dahulu Yang Berhormat Pengerang hendak cakap saya bagilah. Yang Berhormat Tanjong Karang, minta maaflah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini perbahasan. Kalau ini perbahasan, kenapa saya tidak boleh berucap dalam perbahasan?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Beri rehatkanlah Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak berucap juga.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang duduk, duduk. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Lepas Yang Berhormat Sepang mengapa saya tidak boleh berucap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang duduk dahulu Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila. Yang Berhormat Sepang duduk dahulu. Okey, semua faham bahawa dalam sesi perbahasan seperti begini kalau ada yang ingin mencelah, ingin ada penjelasan, biasalah. Kalau Yang Berhormat yang sedang berhujah beri laluan, boleh tetapi kalau tidak, Yang Berhormat Tanjong Karang, *try again*lah. Jangan sampai saya mesti ini macam, ini macam. Sila. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa] Good try.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak - saya tahu dia tidak mahu bagi saya jalan tetapi bagilah peluang saya



berhujah untuk menyokong Tuan Yang di-Pertua juga. Saya pun *lawyer*, saya pun ada tafsiran saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa salahnya saya cuba beri tafsiran saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuaratkah ataupun ingin mencelah?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dia tidak akan bagi saya mencelah. Saya minta lepas dia berucap, bagi saya berucap. Saya tidak mahu kacau dia berucap Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya berucap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tidak hendak beri mencelah. Selama ini saya banyak kali bagi Yang Berhormat Tanjong Karang mencelah tetapi dia merapu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oleh sebab itu saya tidak hendak bagi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak apalah!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Rakyat saya di depan kata, "*Kalau Yang Berhormat Tanjong Karang bangun tidak payah bagilah, Yang Berhormat*".

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila teruskan, sila teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Buang masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila sila, Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini lagi seorang Menteri Perumahan ini. "*Eh! Pergi rumahlah. Pergi cari rumah sana!*".

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong Ahli-ahli Yang Berhormat. Sudahlah Ahli Yang Berhormat, sudahlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Menteri ini tidak ada *...convention*. Menteri mana ada ruang bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, sila teruskan, sila Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, tengok Menteri macam begini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hah! Nampak ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, sila teruskan, Yang Berhormat.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abdul Rahman Dahlan]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, tarik balik 'bodoh' dahulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, kena tarik balik perkataan 'bodoh' tadi. Ini keluar daripada Menteri sendiri. Kena tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat duduk! Menteri, kalau sudah sebut 'bodoh' itu, kalau ia diarahkan kepada Yang Berhormat Sepang, tolong tarik balik.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya cakap perkataan bodoh, bukan dia tetapi kalau dia rasa bodoh, dia rasa bodohlah. Akan tetapi saya kata dia *....[Dewan riuh]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Menteri biadab ini!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Menteri berjiwa mentaliti ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat ..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta Tuan Yang di-Pertua ambil tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam duduk. Ahli Yang Berhormat, Menteri, kalau sudah cakap 'bodoh' itu, ia ditujukan kepada Yang Berhormat Sepang, tolong tarik balik. Apa salahnya.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Saya tidak cakap dia 'bodoh', Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tarik balik...

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Akan tetapi dia terasa, saya tidak cakap 'bodoh MP'.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Itu standard Menteri.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, dia memperbodohkan kerusi Tuan Yang di-Pertua di sini. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, sila Menteri.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Seorang Ahli:** *Mike, mike.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini Menteri bodohkah... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Tarik baliklah! Tarik balik. Banyak sangat daripada mulut Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa pula tarik balik. Dia pun sudah cakap benda yang sama. Duduklah, jangan buang masa.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak cakap minta maaf saya kata tiang itu tidak nampak orang dekat belakang saya kata bodoh tiang itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua buang masa sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jawab masa bajet jawab masa bajet.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, tidak apa. Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak marah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak marah langsung, saya tidak marah dengan Menteri yang mencelah tadi. Bagi saya, kalau Menteri pandai, saya akan tahu masalahlah ini. Apabila Menteri bodoh, kita terpaksa terimalah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, duduk Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You see* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Macam begini sampai bila hendak habis Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah atau tidak Yang Berhormat Sepang duduk dahulu? Ahli-ahli Yang Berhormat, *unparliamentary words*, semua Ahli Yang Berhormat faham. Dalam peraturan mesyuarat, apabila kita berhujah, sangkaan jahat tidak dibenarkan kerana kita semua Ahli Yang Berhormat. Jadi kalau ada lagi alasan-alasan itu, seorang kata bahawa yang bodoh lepas itu gila. *[Ketawa]* Seorang lagi cakap, kalau Menteri bodoh tidak apalah, jadi apa yang jadi sama kita bahawa tidak ada lagi *unparliamentary words* itu. Jadi bermakna saya arahkan dua-dua Menteri tarik balik perkataan 'bodoh' *unconditional*, begitu juga Yang Berhormat Sepang, tarik perkataan 'bodoh' *unconditional*.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey saya pun sama Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa masalah kita sebenarnya? Kalau mahu bertengkar bodoh-bodoh, sana minum teh tarik sambil tunjuk bodoh-bodoh. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, sekejap Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kasihan pada tiang-tiang. Saya pun hendak bela dia Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan fasal ramai lagi yang berhujah. Yang Berhormat Bagan mahu berhujah, Yang Berhormat Tanjong Karang mahu berhujah, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kasihan Tuan Yang di-Pertua, kasihan pada tiang-tiang dibodohkan. *[Ketawa]* Saya pun tidak pernah tengok dalam dunia Tuan Yang di-Pertua orang kata tiang bodoh. *[Ketawa]* Anak saya sekolah tadika pun tidak cakap tiang bodoh. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak berhujah, saya panggil Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Okey Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua Peraturan 100 ini Tuan Yang di-Pertua kalau benda itu tidak terang. Benda ini Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat 77 subseksyen 3 jelas iaitu dia melibatkan dua jawatan ini memang saya rasa 72 memang jelas bahawa *Chairman and Vice Chairman* dilantik oleh Dewan tetapi Tuan Yang di-Pertua kenapa 73 disebut secara spesifik *Chairman and Vice Chairman*, kenapa? Tuan Yang di-Pertua ia ada satu *maxim* Tuan Yang di-Pertua perlu tahu *legislators do not legislate in vain*. Apabila sesebuah undang-undang dibuat, ia bukan dibuat dalam sia-sia. Jadi pemilihan perkataan '*Chairman*', '*Vice Chairman*' itu adalah satu pemilihan yang saya rasa memang ada niatnya.

Niatnya adalah dalam keadaan tertentu apabila *Chairman* tidak dapat meneruskan mesyuarat dan kenapa digunakan *for any reason whatsoever*. *So wide*, kenapa bila ia *wide*, kita sempitkan? Itu yang jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh terima kalau dalam Peraturan 77 Tuan Yang di-Pertua ada kuasa sekurang-kurangnya secara spesifik nyata. Ini Tuan Yang di-Pertua bagi saya tidak ada langsung kuasa untuk hendak menangguhkan. *[Disampuk]* Saya ulang sebab benda ini Menteri tidak faham sebab itu saya kena ulang. Tuan Yang di-Pertua kata tadi, kita *repeat-repeat* supaya bagi faham.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini kenapa pula dengan tiang ini. Sampai dengan tiang pun hendak gaduh. Ini kerajaan apa ini? *[Ketawa]* Mulai hari ini, kita panggil dia 'Menteri Tiang' setuju? *[Ketawa]* So, tiang teras dia punya hujah Tuan Yang di-Pertua adalah pertamanya kita, Tuan Yang di-Pertua kata adakah kerana kenapa kita hendak politikkan 1MDB? Tuan Yang di-Pertua, apabila Tuan Yang di-Pertua mentafsirkan sesuatu yang Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa saya katakan. Tuan Yang di-Pertua telah buka satu *floodgate*. Kedua, Tuan Yang di-Pertua telah mendedahkan jawatan Tuan Yang di-Pertua itu kepada *ridicule*. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah habis sudah? Belum?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk. Apa yang menjadi masalah saya ialah apabila segala cadangan daripada pihak-pihak yang tertentu saya ikut, saya turut, saya tidak akan kena tuduh bahawa saya mendedahkan jawatan Tuan Yang di-Pertua itu kepada *ridicule*. *This is what bothers me*. Peraturan mesyuarat ini dibuat di bawah Perlembagaan 62. Mana yang tidak terkandung di sini, mana yang saya tidak tafsir itu, saya tidak tafsir. Itu sebab ada ruang untuk 43. Kalau tidak setuju dengan saya

punya tindakan, buat usul persendirian. Jangan kecam saya, jangan tuduh saya. Apabila tuduh saya *you are belittling my position as a Tuan Yang di-Pertua, not me as Pandikar Amin*.

*If you do not respect the position of Tuan Yang di-Pertua, meaning you're always expecting yourself, simple as that. See, jadi kalaulah soal interpretasi itu kamu tidak bersetuju dengan saya sampai esok pun kalau saya bagi kepada semua ini untuk interpretasi masing-masing dengan tafsiran dia. Akan tetapi itu sebab kenapa Tuan Yang di-Pertua diberi kuasa supaya Mesyuarat dapat berjalan dengan baik. Itu sahaja.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua sudah pukul 1.00 macam mana? Okey saya sekadar itulah saya hendak katakan tetapi saya kata Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kena faham kita tidak bermaksud untuk hendak mempertikaikan Tuan Yang di-Pertua. Kita kata jangan sampai *subject to ridicule*, jangan sampai seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puchong. Beliau cuma hendak mentafsirkan supaya institusi Tuan Yang di-Pertua itu yang kami jangan sampai rakyat menghina.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu biar Ahli-ahli Yang Berhormat itu seperti Yang Berhormat sekarang macam mana?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Macam mana apa Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua saya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk dahulu. Kekecohan kita kecoh setiap kali dari pagi siapa yang bangkitkan saya? Oh! Dalam soal begini bermakna Tuan Yang di-Pertua punya institusi yang terdedah ini yang Yang Berhormat Sepang punya tidak ada. *See Yang Berhormat adalah pengamal guaman yang saya anggap adalah terkemuka. You faham apa yang you sebut sebetulnya.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma Yang Berhormat perlu faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ulang balik lagi saya tidak benarkan Yang Berhormat saya tuntutan orang lain untuk berbahas. Oleh kerana ramai lagi yang berbahas untuk tengah hari Yang Berhormat Sepang sudah saya anggap habis sudah berbahas. Maka itu siapa nanti yang menggantikan saya akan memanggil siapa sahaja Yang Berhormat yang berdiri lebih awal. Jadi memandangkan bahawa sekarang ini telah pun jam 1.02 minit maka masa untuk kita tangguhkan Dewan. Kita akan bersidang semula pada jam 2.30 petang. Terima kasih.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seperti yang diputuskan oleh Tan Sri Speaker, saya akan memanggil Yang Berhormat Tanjong Karang. Selepas itu Yang Berhormat Baglan, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya mohon satu untuk sebab Amanah tadi dia bercakap atas membantah usul, tetapi bukan membahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Telah diputuskan Speaker. Tidak apa. Bolehlah mencelah nanti Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya mohon kalau boleh nanti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

### 2.33 ptg

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini kerana saya lihat pihak sebelah sana terutamanya Yang Berhormat Sepang, dia membuat tafsiran sendiri dan tidak bersetuju dengan tafsiran yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya Yang Berhormat Sepang tidak ada dalam Dewan, dia sudah lari. Saya hendak bagi tahu kepada Tuan Yang di-Pertua, dalam tafsiran 77(2), (3) dan (4) ini, saya hendak terangkan (2), (3) dan (4). Pertama, kita kena bezakan 77(2) ialah *structure* PAC yang sedia ada yang disebut mesti ada pengerusi dan naib pengerusi yang akan dilantik oleh Majlis dan tidak kurang dari enam dan tidak lebih dari 12 orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dengan seberapa segeranya selepas dimulakan Parlimen. Ini *structure* dia.

Peraturan yang 77(3) yang dipertikaikan tadi ialah prosedur. Apabila *structure*nya sudah ada, barulah ada prosedurnya. Prosedurnya jelas, semasa ketiadaan pengerusi atau naib pengerusi oleh kerana keuzuran atau lain-lain sebab, atau lain-lain sebab yang dipertikaikan ini. Memang Jawatankuasa hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk menjadi seorang pengerusi yang akan mempengerusikan mesyuarat dan jawatankuasa itu. Ini apa maksudnya? Ini ada dua.

Peraturan 77(3) ini kita kena tengok, bila semasa ketiadaan pengerusi. Ketiadaan pengerusi ini ada dua sebab. Pertama, ketidakhadiran dia. Dia tidak hadir sewaktu mesyuarat itu berjalan seperti mana yang diperkatakan oleh Tuan Yang di-Pertua kata tadi, trafik jam dan sebagainya. Kedua, ketiadaan ini ialah kerana kekosongan jawatan pengerusi. Bagaimana jawatan pengerusi itu boleh kosong? Ini ditegaskan di dalam Peraturan 77(4). Seseorang Ahli Majlis tidak boleh diangkat atau dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau jadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara semasa dia jadi seorang Menteri. Ini bermakna apabila seseorang Ahli PAC telah menjadi Menteri, automatik dia tidak layak lagi memegang Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa PAC. Ini bermakna jawatan itu kosong. Ini kalau tengok 17(4). Apa kata pula kalau kata pengerusi itu meninggal? Kita tengok Yang Berhormat Rompin baru hari itu meninggal.

Kalau ada pula kata pengerusi itu *disqualified*, masuk penjara macam Yang Berhormat Permatang Pauh. Adakah itu, apabila itu berlaku kepada pengerusi, ini menunjukkan jawatan itu kosong. Apabila jawatan itu kosong, strukturnya sudah tidak betul. Struktur yang saya kata tadi. Apabila struktur sudah tidak betul, strukturnya sudah berubah, kerana itulah kita kena balik semula kepada 77(2) yang kita kena melantik balik pengerusi. *Very simple*, jelas.

Yang Berhormat Sepang ini tidak faham. Tanya budak yang Tingkatan 5 atau Tingkatan 6 pun faham mengenai tafsiran ini. Senang. Saya hendak ulang lagi supaya Yang Berhormat Sepang ini faham, rakamkan ini, yang dia kata saya tidak faham. Yang Berhormat Sepang ini *lawyer* tidak standard. Siapa kata *lawyer standard*? Kalau dia *lawyer standard*, tentulah dia jadi peguam bela kepada Yang Berhormat Permatang Pauh dahulu. Tidak tertunai.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Minta penerangan. Penjelasan sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sefaham saya dalam mana-mana mesyuarat sekalipun, apabila ada jawatankuasa yang mencukupi kuorum, apabila pengerusinya tidak ada, maka timbalannya

atau sesiapa yang dipilih akan mengepalai mesyuarat itu. Betul bukan? Mana-mana mesyuarat. Sekarang kuorum itu sudah ada, naib pun sudah ada, hanya pengerusi tidak ada disebabkan satu sebab yang kita faham iaitu pelantikan dia menjadi Menteri. Maka jawatan itu kosong. Adakah itu menyebabkan mesyuarat tidak boleh diadakan? Persoalannya ialah adakah mesyuarat tidak boleh diadakan tanpa adanya pengerusi? Jadi, tidak ada masalah di sini. Mesyuarat boleh diadakan walaupun tidak ada pengerusi. Itu biasa. Itu difahami oleh semua. Jadi, apakah yang ingin diterangkan oleh Yang Berhormat tadi? Saya pun tidak faham juga. Apa maksud? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak nafikan itu tafsiran Yang Berhormat. Apabila bab tafsiran ini, sebab itu kita kena - *Lawyer* ini dia separuh pandai, sebab itu ada peguam bela ada peguam cara. Kalau semua peguam ini 100% pandai, tidak adalah peguam bela, peguam cara. Apabila ada perbelaan seperti ini, maka ia akan menentukan tafsiran mana yang betul ialah Tuan Yang di-Pertua. Itu tafsiran Yang Berhormat, tetapi tafsiran saya berbeza. Saya kata bahawa apabila struktur satu organisasi itu sudah tidak wujud kerana pengerusinya telah menjadi Menteri yang menyebabkan dia *disqualified* kerana ditentukan oleh Peraturan 77(4).

Jadi kalau sudah struktur itu sudah tidak ada, bagaimana jawatankuasa ini boleh berfungsi? Saya faham. Itu tafsiran saya. Jadi kerana itulah apabila Tuan Yang di-Pertua memberitahu tidak boleh bermesyuarat, melainkan pengerusinya pergi persidangan antarabangsa, ada di luar negara, memang boleh sebab jawatan itu masih ada tuan punya diri. Hari ini kosong. Di antara perbezaan Yang Berhormat, di antara kekosongan jawatan dengan ketidakhadiran, dua benda yang berbeza ini. Kekosongan. Ini tafsiran saya. Saya tidak mahu *argue* dengan Yang Berhormat. Kalau saya *argue*, sampai petang sebab itu tafsiran Yang Berhormat dari PAS. Sama juga tafsiran dengan PAS.

#### ■1440

Ini baiah, PAS kata siapa keluar PAS jatuh talak tiga. Mufti Kelantan pun kata, dia kata talak tiga tetapi ada Ahli Parlimen daripada PAS, dia kata itu tafsiran. Itu tafsiran mufti, itu tafsiran Presiden PAS. Dia ada tafsiran dia sendiri. Sebab itu ada Ahli Parlimen PAS yang berani keluar daripada PAS masuk PAN. [*Beberapa ahli menyampuk*] Saya tak tahulah, PAN dia kata, tetapi kalau kata tafsiran hanya pegang pada satu tafsiran, takkan lah sanggup keluar parti sehingga menjadi talak tiga pun sanggup.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti dulu, nanti dulu. Itu di Kelantan, macam di Perak macam Parit Buntar pula, dia pun ada baiah, saya tak tahu. Ini masalah PAS, saya baca surat khabar. Ada baiah ke tak ada baiah? Yang Berhormat Parit Buntar kena jawab. Apa yang dalam baiah itu cakap? Sekarang ini sudah lompat PAN, sudah masuk parti lain.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya respons?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini semua tafsiran. Kalau hendak kira tafsiran, sebab itulah bila tafsiran ini berlaku, kita lihat hari ini berlaku perubahan. Ini bab tafsiran.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Boleh saya bagi?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey Yang Berhormat Parit Buntar sebab dia pun sudah lompat PAN, dia sudah masuk PAN, tahniahlah. Dulu duduk belakang, sekarang duduk depan.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Laluan kali kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh, duduk Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak berminat kepada apa yang cuba dibawa oleh Yang Berhormat Tanjung Karang kerana dia lari jauh daripada tajuk yang kita bincang. Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya menerima bahawa sesuatu undang-undang itu adalah tafsiran, itu memang kita tahu. *There is no absolute truth except God.* Akan tetapi ada juga dengan izin menyatakan, *to understand the truth, you have to have absolute understanding.*

Sekarang ini, *absolute understanding* itu ialah kita sebagai orang yang mentafsirkan tidak hanya melihat undang-undang apa yang diperuntukkan tetapi juga kita melihat kepada senario yang berlaku apabila 1MDB, siasatan daripada PAC terpaksa ditangguhkan kepada beberapa bulan dan ini menimbulkan *public confidence.* *This is what we are talking about.* Jadi saya harap jangan terlalu melulu membuat satu andaian bahawa itu tafsiran, itu tafsiran. Tafsiran itu perlu berpijak di bumi nyata.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Tanjong Karang. Penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasihlah Yang Berhormat Parit Buntar. Ada lagi?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Kesianlah pada abang, bagi abang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, tak apalah sebab abang masih lagi berpegang kepada tafsiran. Kalau keluar PAS jatuh talak tiga, saya bagi.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih. Saya tidak lari daripada perbincangan tajuk. Saya tahu Yang Berhormat Tanjong Karang suka melencong ke tempat lain tetapi kita tumpukan kepada tajuk kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Dalam pada ketika ini, saya ingin menyatakan bahawa keputusan ini telah dibuat oleh Yang Berhormat Tan Sri Speaker sebelum ini dan pagi tadi. Jadi, saya rasa kita boleh perkecilkan perbincangan atas isu sama ada boleh kah, tak boleh kah pasal mesyuarat PAC. Kita harus insaf bahawa keputusan Speaker itu keputusan muktamad, cuma boleh dirujuk, dikaji semula melalui satu usul. Jadi ia tidak akan ke mana, setakat itu keputusan Speaker, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ya. Saya kurang bersetuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang apabila dia mengatakan bahawa apabila hilang pengerusi, struktur PAC sudah tiada. Kenapa saya kata demikian? Ialah kerana mesyuarat boleh diadakan tanpa pengerusi ada. Kuorum cukup, semua institusi macam itu. Sebab itu ada timbalan dia, ada naibnya supaya dalam apa-apa keadaan pengerusi tidak ada, maka akan ada penggantinya, institusi itu boleh berfungsi. Jadi oleh sebab itu, struktur itu sudah ada jadi apabila Yang Berhormat Tanjong Karang mengatakan struktur sudah tidak ada, saya tidak bersetuju. Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, minta. Yang Berhormat Tanjong Karang, minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, dia bekas hakim yang selalu mentafsirkan undang-undang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya cuba. Ini berkenaan dengan jawatankuasa. Kalau kita baca betul-betul 77(2), bermakna jawatankuasa itu akan ada atau tidak selagi tidak ada komposisi yang daripada pengerusi, naib pengerusi dan juga ahli-ahlinya. Itu soalan saya. Kalau kita baca, selagi tidak ada jawatankuasa itu sendiri, bermakna yang lain-lain itu, 77(3), 77(4) tidak terpakai. Bermakna mesti ada jawatankuasa dahulu. Perkataan "*hendaklah*" disebut dalam 77(2) itu sendiri, "*hendaklah mengandungi*".

Bermakna kalau tak ada pengerusi kerana kekosongan, bermaknanya tak ada jawatankuasa. Hendak bagi faham, ini kita pusing-puting banyak-banyak sangat agaknya daripada awal pagi tadi tak faham saya rasa ini. Kena faham betul-betul dahulu.

Bermaknanya yang kedua, kita baca secara *disjunctively*, tak boleh kita baca secara *conjunctive* sebab perkataan “*stop*” itu ada dalam peraturan. Saya rasa mana yang beramal undang-undang, saya rasa boleh tahulah. [*Tepuk*] Satu persatu, maknanya penuh yang pertama dahulu. Yang kedua, baru masuk. Masuk macam mana tak tahu, tapi masuklah maksudnya. Itu, minta penjelasan ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, saya hendak ulas tiga sahaja. Saya tak mahu buang masa banyak. Pertama, dia tuduh saya lari daripada isu. Tak, saya bagi contoh erti tafsiran. Saya bagi contoh yang cukup mudah, apa yang berlaku dalam PAS, tafsiran. Kita tak mahu kacau pun, ini tafsiran. Hari ini saya disokong oleh bekas hakim, bekas hakim ini bukannya peguam. Peguam lain, hakim lain dan kita tahu apabila berlaku perbezaan tafsiran, maka mesti ada yang memutuskan. Siapa yang berkuasa memutuskan dalam Dewan? lalah Speaker. Daripada mana Speaker dapat kuasa? Daripada peraturan mesyuarat yang mengatakan keputusan Speaker ialah muktamad.

Akan tetapi kalau di dalam mahkamah, kalau tak puas hati dengan keputusan hakim, boleh merayu kepada mahkamah yang lebih tinggi tetapi kita dalam Parlimen hendak merayu kepada siapa? Mana ada lagi yang boleh bawa kes ini kepada Dewan Negara, sudah tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh buat secara usul keputusan Speaker, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh buat secara usul, itu *provision* yang diberi dalam peraturan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, kalau dia tak puas hati, kena buat peraturannya, kena buat usul kepada Speaker. Sekarang Speaker sudah buat keputusan yang muktamad. Saya bersetuju dengan yang dinyatakan tadi. Ini boleh baca ini, dia kena kata; “*Semasa ketiadaan Pengerusi atau Naib Pengerusi oleh kerana keuzuran atau lain-lain sebab*”. Dia tidak bagi tafsiran apa maksudnya “*lain-lain sebab*”. Dia tak bagi tahu. Mati kah, tetapi apa yang kita pegang ialah kepada 77(4) yang menyatakan bila jadi Menteri, sudah *disqualified*. Ertinya jawatan itu kosong. Jadi macam mana hendak teruskan apabila struktur yang memberi mandat kepada Majlis memilih pengerusinya pun ialah Majlis. Kita yang pilih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti. Waktu kita pilih Yang Berhormat Pulaui, dia ahli majlis. Bila dia sudah jadi anggota pentadbiran, dia tidak boleh lagi menjadi pengerusi. Sebab itu datang balik ke Dewan.

Baik, belah sana menuduh termasuklah Yang Berhormat Gelang Patah kata kita hendak sorok kes 1MDB. Saya hendak bagi tahu, kalau Barisan Nasional takut untuk dibongkar kes 1MDB, kita tak bawa usul lah pada hari ini, tak bawa usul. Itu sebab kita bawa usul hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gopeng bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti. Itu sebab kita bawa usul hari ini supaya PAC ini berfungsi. Apa masalahnya? Dulu telah pun bermula. Eh kes Yang Berhormat Permatang Pauh, enam tahun tak silap saya baru selesai. Apa dia masalah? Enam tujuh tahun, ada kes bertahun-tahun baru selesai. Ini baru *postponed* tiga bulan, bukan kita kata *no way*, kita tak mahu tubuh lagi PAC. Bolehlah, saya pun tak bersetuju tetapi kita hendak kes di dalam 1MDB ini diteruskan segera, diberi jaminan oleh Perdana Menteri, diberi jaminan oleh kita.

Saya pun hendak minta juga, sesiapa sahaja yang terlibat, jika ada sekiranya kesalahan mereka bawah 1MDB, mesti didakwa tetapi masalah hari ini, kita ini sudah terbalik. *One is innocent until proven guilty*. Mesti buktikan kesalahan dahulu barulah kita



kata dia bersalah bila terbukti kesalahannya. Ini tidak. Kes 1MDB belum lagi selesai, sudah ada keputusan. Oh orang ini salah, orang ini salah. Oh kemudian kita kata kerajaan takut, PAC pun tidak bermesyuarat. Ini tuduhan-tuduhan liar. Hari ini, media sosial menjadi hakim. Ditambah pula dengan pembangkang. Maklumat-maklumat yang dalam 1MDB pun kita tahu dibocorkan. Apa tindakan yang kita hendak ambil kepada ahli PAC yang membocorkan maklumat-maklumat yang belum selesai pun lagi? Belum selesai, yang kita hendak bawa.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta laluan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [Bangun]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Gopeng bangun.

■1450

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang kita hendak bawa, hal ini bila kita teruskan PAC dengan niat kita hendak teruskan penyiasatan 1MDB, macam-macam hujah pula yang diberi. Okey, kita bagi Yang Berhormat Gopeng, kemudian kita bagi Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang sebab mengikut hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang dan juga Yang Berhormat Setiu bahawa apabila Pengerusi PAC itu tidak ada, jadi struktur Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini automatik tidak ada. Saya rasa ini tidak betul. Yang pertama Naib Pengerusi PAC masih kekal sebab Naib Pengerusi PAC dilantik daripada Majlis dan ahli-ahli dalam PAC pun dilantik dengan lantikan Jawatankuasa Pilihan. Jadi struktur PAC masih ada walaupun Pengerusi PAC tidak ada. Ini pertama.

Kedua, walaupun saya bukan seorang peguam, saya lihat kepada apabila rang undang-undang ini digubal, dia ada niatnya. Sekiranya kalau Pengerusi PAC ini tidak ada dan struktur PAC automatik dibubarkan, jadi ini bermakna 77(3), *redundant*. Dia tidak akan sebut apabila Pengerusi tidak ada, Naib Pengerusi tidak ada, jadi Jawatankuasa boleh pilih Pengerusi untuk mempengerusikan PAC. Ini menjadi satu yang *redundant*. Jadi ini tidak munasabah. Jadi saya rasa alasan yang diberikan bahawa Pengerusi PAC itu tidak, bermakna struktur automatik bubar, itu satu anggapan yang tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, nampak tidak, sudah berulang-ulang perkara yang sama Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sambung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Kapar, benda yang sama kah benda lain.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Benda lain.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey makna saya bagi. Kalau hendak tafsiran nanti sampai esok pun tidak selesai.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tafsiran silakan saya tidak ada. Benda lain. Tadi ada tekankan tentang masalah penangguhan tiga bulan. Lepas itu dikaitkan dengan kes mahkamah, *you know* Dato' Seri ditangguhkan sampai enam tahun. Saya rasa perlu ditekankan dekat sini, isu PAC adalah siasatan. Ia diibaratkan macam polis yang sedang siasat. Boleh kita katakan polis kena tangguh tiga bulan, lepas itu baru siasat. Saya rasa itu tidak memadai. Mahkamah macam sekarang, kita kena debat. Debat tidak boleh dilajukan, dipercepatkan. Mungkin kita boleh ambil 2-3 hari untuk debat. Itu macam isu di mahkamah tetapi siasatan 1MDB yang dilakukan oleh PAC adalah seumpama polis yang sedang siasat. Bila ditangguhkan, banyak benda yang boleh berlaku dalam masa tiga bulan ini. Itu yang kita kata struktur itu masih lagi ada dan masih diteruskan. Minta pandangan, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Siapa, sudah habis. Okey, saya hendak ulang balik semulalah. Ini sebenarnya ini tafsiran. Bila saya buat contoh, baiah PAS dia orang marah. Kata saya lari tapi ini tafsiran. Saya ulangkan lagi bahawa yang 77(2) itu ialah struktur. Yang 77(3) ialah prosedur. Saya hendak ulang lagi ini apa yang 77(3) cakap yang dipertikaikan. Kena baca, "*Semasa ketiadaan Pengerusi atau Naib Pengerusi oleh kerana keuzuran*". Ertinya dia masih wujud. Dia sakit kah, dia demam, mungkin. Atau lain-lain sebab. Dia tidak bagi tahu lain-lain sebab itu bagaimana. Kalau dia meninggal, kalau dia *disqualified*. Bagaimana? Tidak akan jawatankuasa hendak terus bermesyuarat tanpa Pengerusi yang dipilih oleh Majlis. Akan tetapi kita kena ingat jauh beza di antara ketidakhadiran dengan kekosongan.

Jawatan Pengerusi itu kosong, bukannya dia tidak hadir. Yang 77(3) ini ialah prosedur macam mana hendak membuat mesyuarat. Ini yang saya katakan. Ini saya kata Yang Berhormat *entitled to your opinion* tetapi biarlah Tuan Yang di-Pertua buat keputusan dan keputusan dia muktamad, sampai esok pun tidak selesai. Seperti saya kata minta tafsiran baiah oleh PAS, sampai bila pun tidak selesai.

Kemudian saya hendak bagi tahu yang Yang Berhormat Kapar ini yang kata siasatan. Yang Berhormat Kapar, bagi tahu saya adakah Yang Berhormat pernah jadi peguam? Saya pun peguam. Saya pun pernah menjadi Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Saya juga pernah diminta polis menyiasat satu-satu kes bila saya dapat laporan. Ada kes yang kadang polis mengambil masa yang lama. Ada kadang-kadang polis tengah siasat, dia pun naik pangkat. Pegawai penyiasat itu dia naik pangkat, maka orang baru pula ambil, dia siasat balik semula.

Jadi yang ini tentang prosedur ini dan juga tentang yang dikatakan penyiasatan ini, saya hanya menafikan kalau ada tuduhan yang mengatakan kita tidak membenarkan PAC ini bermesyuarat kerana kita takut pembongkaran akan berlaku ke atas kes 1MDB itu tidak betul. Malah kita juga minta supaya kes 1MDB ini disiasat dengan adil, dengan telus, dengan mengikut peraturan. Apa salahnya kita lantik hari ini, esok, lusa, Pengerusi yang baru daripada Yang Berhormat Rompin teruskan siasatan. Tidak ada masalah.

Akan tetapi saya hendak bagi tahu, hendak ulang lagi ini saya cukup kesal kerana ada di antara ahli PAC yang hanya baru siasatan masih belum selesai tetapi telah membocorkan kes-kes penyiasatan ini. Ini patut diambil tindakan kepada ahli-ahli PAC. Apa tindakan yang kita kena ambil kepada ahli PAC yang sedemikian, yang tidak amanah, yang tidak amanah kepada mandat yang diberikan oleh Dewan yang mulia ini. Mengapa mesti didedahkan kepada pihak-pihak tertentu? Tunggu selesai dulu. Prosedurnya tunggu selesai dulu, dibincang kemudian bawa dalam Parlimen. Dia bawa dalam Parlimen, kita bincang, baru jadi *public document*. Bagaimana segala apa yang dibincangkan di dalam PAC boleh dibocorkan. Ini bagi saya ialah satu pengkhianatan kepada keadilan di dalam negara kita. Tidak boleh. [*Tepuk*]

Apa tindakan kita ambil, saya hendak kena fikir, saya hendak tengok dulu peraturan. Bagaimana, adakah mereka yang mengkhianati, yang tidak amanah ini masih layak duduk di dalam PAC?

**Beberapa Ahli:** Tidak layak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau orang yang berkenaan, yang ada kepentingan, yang mula-mula menceritakan isu ini, kemudian mendedahkan. Adakah layak? Ini kalau orang yang tidak amanah berada dalam Jawatankuasa PAC ini, maka sampai bila pun rakyat akan menjadi keliru kerana dia tahu segala maklumat. Sebab itu kita ada undang-undang, kita ada Akta Rahsia Rasmi, kita ada angkat sumpah. Tunggu dulu, ini tidak. Siasatan belum selesai, sudah bocorkan maklumat. Tidak tahulah kalau dia jual maklumat. Kalau yang kena tahan daripada Thailand, dia jual maklumat itu. Saya tidak tahulah. Dulu bila yang Thailand saya sebut nama dia, kata tidak kenal pun tapi disebut lama-lama, baru mengaku.

Ini apa punya jenis Ahli Parlimen ini. Mana amanahnya. Di mana amanah. Kalau hendak cari populariti pun, jangan sekali-kali pecah amanah. Jangan sekali mengkhianati mandat yang diberi oleh Ahli-ahli Parlimen. [*Tepuk*] Tunggu habis siasatan esok, okey kempenlah siang malam. Pilihan raya pun lama lagi, dua tahun lagi baru pilihan raya. Jangan hendak menggunakan maklumat yang betul, hendak mengelirukan rakyat, hendak menjatuhkan kerajaan dengan cara tidak betul. Tidak puas hati, tunggu PRU Ke-14, menganga sekarang?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pihak kerajaan mengkaji juga ahli jawatankuasa yang sedia ada ini. Apakah mereka ini layak ataupun tidak layak duduk secara kekal di dalam PAC ini kerana selagi ada mereka ini, selagi itulah rahsia-rahsia PAC ini akan terbocor dan selagi itulah apabila kita terbocor, maka negara kita akan tercemar. Bila negara kita tercemar, mereka pula menjadi hero, konon hendak mempertahankan maruah negara, hendak mempertahankan integriti di negara kita. Dia pecah rahsia, dia pula hendak jadi hero. Inilah perangai pembangkang. Dia berlakon.

Jadi sebab itu saya juga hendak minta supaya ahli-ahli yang ada ini tolong siasat. Saya tidak mahu tuduh. Siasat betul-betul. Kalau didapati mana-mana Ahli PAC sedia ada, kalau dia didapati dia ini tidak amanah, menjual maklumat, membocorkan rahsia waktu proses belum selesai, tindakan tegas mesti diambil. Maka dia tidak layak menjadi anggota PAC. Dengan itu saya sokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan.

**2.59 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada pagi tadi. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti saya, saya ingin menyatakan bahawa pihak DAP rasa kesal bahawa dari segi semangat dan juga hasrat PAC yang telah ditubuhkan untuk menyiasat sebarang penyelewengan ataupun salah laku yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan tidaklah dipatuhi.

■1500

Saya ingin sebut secara ringkas bahawa sebenarnya apabila siasatan 1MDB telah hampir sampai kemuncak, tetapi telah pun dicantas dengan begitu cepat sekali supaya siasatan ini tidak dapat diteruskan. Tentulah ini dalam proses yang mana bukan sahaja Pengerusi dilantik sebagai Timbalan Menteri tetapi juga beberapa orang ahli PAC pun diberikan lantikan yang sama. Akan tetapi apa yang agak mengejutkan semua iaitu apabila mesyuarat sebenarnya boleh diteruskan tetapi telah dihalang untuk diteruskan supaya dapat memanggil saksi-saksi utama dalam skandal 1MDB ini yang telah menjadi perhatian dan juga tumpuan bukan sahaja seluruh negara tetapi di peringkat antarabangsa. Kegagalan untuk membenarkan siasatan PAC ini diteruskan telah sedikit sebanyak menjejaskan, malah mencemarkan imej dan prestasi negara Malaysia sehingga kita boleh lihat nilai mata wang ringgit jatuh menjunam. *[Dewan riuh]*

Ada yang tidak mahu terima hakikat bahawa 1MDB adalah sebab dan punca utama mengapa nilai mata wang ringgit jatuh menjunam. Bukan sahaja ini disebutkan oleh pihak pembangkang malah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti sendiri menyatakan, selagi masalah 1MDB tidak diselesaikan, nilai mata wang ringgit tidak boleh pulih. Ini bukan cakap saya. Ini oleh seorang pakar ekonomi yang telah diiktiraf secara umum di peringkat antarabangsa sehingga Pengerusi CIMB sendiri menyanyungnya sebagai seorang ahli ekonomi kenamaan yang telah membawa kebanggaan kepada negara.

Akan tetapi sekarang tentulah kerana beliau bercakap benar, Ahli Parlimen BN sekarang telah memulakan proses *headhunting* ke atas Tan Sri Dr. Zeti. Akan tetapi itulah hakikat, suka atau tidak, mahu tidak mahu, rela atau tidak rela, kita kena mengakui hakikat bahawa 1MDB adalah punca krisis ekonomi yang melanda negara kita. *[Tepuk]*

Kalau tidak mahu mengakui ini, jelas sekali, ketara sekali, nyata sekali, semua dalam peringkat *denial syndrome*. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berada dengan Gabenor Bank Negara dalam panel yang dimaksudkan tadi dan Gabenor tidak menyatakan bahawa 1MDB merupakan sebab utama kejatuhan nilai mata wang. *[Tepuk]* Itu tidak benar. Saya harap Yang Berhormat Bagan tarik balik. Gabenor tidak menyatakan bahawa 1MDB merupakan sebab utama. Saya tahu ini kerana saya di dalam panel tersebut. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebut bahawa selagi masalah-masalah seperti 1MDB tidak diselesaikan. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** Tarik balik! Tarik balik!

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya boleh rujuk, saya tidak takut. Bila-bila hendak bahas, datang, mari sahaja. Tidak takut punya. Hendak bahas, datang bila-bila kerana ini dinyatakan dalam laporan yang dikeluarkan di *MalaysiaKini* dan juga *Malaysian Insider* dan surat khabar lain yang mana dinyatakan 1MDB adalah di antara punca, bukan punca tunggal sahaja, di antara punca nilai mata wang ringgit jatuh. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalnya, Yang Berhormat Bagan menyatakan bahawa 1MDB merupakan sebab utama kejatuhan nilai mata wang. Sekarang sudah putar belit, pusing-pusing. 'Sebab utama' Yang Berhormat Bagan sebut awal tadi. Saya minta ditarik untuk berlaku adil kepada Gabenor Bank Negara. Saya mahu Yang Berhormat Bagan tarik balik. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Untuk berlaku adil kepada semua, saya ulangi apa yang saya sebut. Okey, *I will- in order to make you understand.* *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Isunya perkataan 'utama', tarik balik 'utama'.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tarik balik 'utama'?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Yang Berhormat Bagan sebut "...sebab utama kejatuhan nilai mata wang ialah 1MDB". Itu tidak benar.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** 'Di antara sebab-sebab utama'.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Itu tidak benar. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Puas hati sudah? 'Di antara sebab-sebab utama', puas hati? *Satisfy you*, saya hendak puaskan hati Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kawan baik saya. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan, usul untuk tarik balik tetapi walau bagaimanapun, saya puas hati bahawa Yang Berhormat telah buat penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Baik, 'di antara sebab-sebab utama'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *you have to trust your statement.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rela untuk memuaskan hati Yang Berhormat Menteri. 'Di antara sebab-sebab utama' tetapi walau bagaimanapun, ia adalah di antara sebab-sebab utama. So kalau sebab-sebab utama ini tidak diatasi, macam mana kita boleh pastikan nilai mata wang ringgit dapat pulih semula. Itulah isu penting.

Saya ingin tegaskan di sini kerana kegagalan PAC untuk teruskan siasatan bila sampai kemuncak, betul-betul sampai kemuncak, tindakan sedemikian diambil. Saya tahu bekas Pengerusi PAC - sungguh pun saya hendak ucapkan tahniah kepada beliau dilantik sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, tetapi telah menyebabkan ramai rakyat Malaysia berasa kecewa, begitu hampa sama sekali. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, diam Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sudah tentu kita harap bahawa Yang Berhormat Rompin dapat teruskan siasatan dengan semangat yang begitu gigih dan gagah sekali. Tidak tahu sama ada boleh begitu gigih dan gagah, ini kita hendak lihat. Di sini seharusnya kalau kita lihat daripada sistem dan prosedur Parlimen, Pengerusi PAC sebenarnya datang daripada Ahli-ahli Pembangkang. Mengapa tidak? *[Disampuk]* Itulah saya rasa satu amalan yang mana kita lihat 67% daripada PAC Commonwealth dipengerusikan oleh ahli-ahli pembangkang dan ia seharusnya menjadi satu amalan. Kalau kita hendak reformasi

Parlimen, kita hendak Parlimen bertaraf dunia pertama, saya rasa langkah ini haruslah diamalkan. Saya rasa kesal sama sekali bahawa oleh kerana mungkin selepas pengerusi telah pun dinaikkan pangkat, kalau berani untuk tunjuk bahawa hendak selesaikan krisis 1MDB, lantiklah seorang ahli daripada pembangkang. Sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Tadi Yang Berhormat Bagan ada menyentuh tentang satu istilah yang agak kontroversial iaitu krisis ekonomi. Antara lainnya sebab utamanya ialah apa yang berlaku. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bagan, ada satu lagi krisis yang menyelubungi isu 1MDB ini atas tindakan-tindakan yang dibuat oleh kerajaan iaitu satu lagi krisis besar iaitu krisis kepercayaan. Saya rasa ini perlu dihadapi kerana saya tengok empat anggota PAC yang dinaikkan pangkat menjadi Menteri atau Timbalan Menteri itu, saya tidak nafikan mereka ini adalah yang terbaik juga seperti rakan saya selaku pengerusi dulunya kemudian dilantik jadi Timbalan Menteri.

Akan tetapi isu ini perlu dibaca sekali dengan penamatan Peguam Negara yang pada tahap hendak mengeluarkan satu keputusan terhadap isu 1MDB ini juga telah ditamatkan jawatannya. Jadi ini semua, begitu juga dengan serangan terhadap jawatankuasa yang lebih besar seperti dipimpin oleh Pengerusi SPR, pengerusi Bank Negara, Gabenor Bank Negara, pengerusi Polis, Ketua Polis Negara juga telah terganggu dengan satu jawapan kepada krisis ini. Apabila empat anggota PAC ini telah dilantik atau dinaikkan pangkatnya menjadi Menteri, tidakkah ini semua telah memberikan satu gambaran yang lebih besar bahawa semua tindakan ini kita sedang berhadapan dengan krisis kepercayaan. Apatah lagi melambatkan pula hendak tunggu tiga bulan daripada itu baru hari ini kita hendak bincang.

#### ■1510

Jadi, bagi saya Yang Berhormat Bagan, setuju kah pandangan bahawa ia bukan sekadar krisis ekonomi tetapi ia juga adalah krisis kepercayaan yang lebih besar akan menggugat negara ini.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Setuju, tentulah setuju. Saya rasa salah satu aspek daripada krisis keyakinan ini ialah bila kita lihat lantikan yang dibuat ke atas empat bekas Ahli PAC. Sebenarnya kalau Pengerusi PAC, dia punya taraf, dia punya status ialah satu langkah sebelum menjadi Menteri. Seharusnya bekas Pengerusi PAC seharusnya jadi Menteri. *[Dewan riuh]*

Akan tetapi saya tidak faham mengapa beliau tidak menjadi Menteri, dia hanya Timbalan Menteri. Sebaliknya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini luar biasa Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Salah seorang Ahli...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat dari Tuaran menjadi Menteri. Suatu yang kita kurang faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Luar biasa, Yang Berhormat Pulai mendapat sokongan penuh sekarang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua setuju harus menjadi Menteri. Di sini kita lihat adakah ini sebagai satu taktik untuk mencacatkan siasatan 1MDB? Ini kerana bila dilantik, seharusnya jadi Menteri, tidak jadi Menteri, jadi Timbalan Menteri sahaja. Akan tetapi menyebabkan jawatan pengerusi dikosongkan.

Sebenarnya, kita rasa mungkin tidak jadi masalah kerana kalau ada kekosongan, boleh diisi oleh naib. Kalau tidak boleh diisi oleh naib atau timbalan, apa gunanya melantik timbalan? So, jelas sekali bahawa tentu lantikan ini jelas pada pandangan pihak kami, "ada undang di sebalik batu". Puncanya untuk mencacatkan siasatan ke atas 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat daripada Rompin yang akan menjadi bakal pengerusi. Oleh kerana di sini pihak pembangkang

tentulah menghormati hak parti memerintah untuk melantik. Akan tetapi tentu kita kecewa, kita hampa bahawa ia bukan datang daripada Ahli-ahli pembangkang.

Akan tetapi memandangkan Yang Berhormat dari Rompin telah dicadangkan untuk menggantikan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Sungguhpun kami kurang bersetuju tetapi memang dengan majoriti yang ada di kalangan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, usul ini akan diluluskan. Kami harapkan bahawa beliau boleh teruskan. Bukan sahaja serangan siasatan yang gigih dan gagah oleh bekas pengerusi tetapi juga boleh menjalankan beberapa reformasi.

Pertama, benarkan siasatan atau pun mesyuarat ini terbuka untuk orang awam, khususnya dalam siasatan ke atas 1MDB. Saya hendak buat cadangan sedemikian kerana kalau kita lihat negara-negara Komanwel, 75% daripada negara-negara Komanwel mengadakan Mesyuarat PAC secara terbuka supaya orang awam pun dapat menghidirinya. Tentulah kalau ada menyentuh beberapa perkara sulit atau pun yang berkaitan dengan kesalahan dalam negara tentulah mesyuarat ini boleh ditutup. Saya tidak lihat apa alasan bahawa mesyuarat-mesyuarat ini tidak boleh dibuka untuk orang awam supaya orang awam dapat mengikuti prosiding-prosiding tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Section 95* Yang Berhormat, *of the standing order.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, saya tahu tetapi itulah cadangan. So, kalau pengerusi baru bolehlah buat cadangan bahawa ianya dibuka dan buat pindaan ke atas peraturan mesyuarat. Ini penting kerana 1MDB adalah satu isu yang menghantui ekonomi negara sekarang dan juga sekiranya tidak diatasi akan mencacatkan pentadbiran kerajaan dan juga masa depan negara.

Pada masa yang sama oleh kerana peranan penting yang dimainkan oleh pihak Ketua Audit Negara, adalah penting bahawa kita dapat pastikan bahawa Jabatan Audit Negara benar-benar bebas. Bukanlah perlu hanya sekadar membuat laporan tetapi ada kuasa untuk mengambil tindakan. Sekiranya tidak, menerusi PAC menjalankan siasatan, selepas ini memberikan teguran, ia hanya berhenti di situ sahaja. Saya rasa kalau boleh untuk memastikan ia lebih berkesan supaya, dengan izin, *you have put the fear of God into all those government departments.* Adalah penting bahawa mereka boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana jabatan yang menyeseleweng.

Termasuk sekiranya mereka yang tidak mahu hadir atau pun enggan memberikan kerjasama. Saya rasa kita kena lihat macam mana PAC boleh mengambil tindakan dan membuat hukuman ke atas mereka. Kalau tidak, saya kawatir apa-apa siasatan yang dijalankan untuk kes-kes terbesar seperti 1MDB. Mungkin perasaan daripada rakyat ia hanya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Akan ditutup oleh pihak orang atas.

Saya ingin menjawab tuduhan oleh pihak-pihak tertentu bahawa ada Ahli Parlimen PAC pembangkang yang membocorkan maklumat kepada luar. Saya rasa ini satu tuduhan yang amat jahat, satu fitnah yang amat jahat sekali. *[Dewan riuh]* Saya hendak mempertahankan peranan profesional yang dimainkan oleh Ahli-ahli Parlimen Pembangkang. Oleh kerana mereka telah menyumbang kepada negara untuk memastikan sumber kewangan negara tidak dicuri dan dirompak oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Malah saya ingin memetik apa yang diucap oleh bekas Pengerusi PAC yang menyatakan tidak mungkin langsung berlaku ada Ahli-ahli PAC membocorkan maklumat. Bekas Pengerusi PAC mengatakan tidak mungkin ia berlaku tetapi kita masih lihat fitnah-fitnah sedemikian dikitar semula. Balik, balik, kitar semula. Tidak ada isu lain. Kitar semula, fitnah sahaja. Itulah kepakaran Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, khususnya daripada UMNO. *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah yang saya hendak tegaskan. Janganlah menuding jari kepada pihak lain semata-mata untuk menutup mata skandal 1MDB sahaja. Saya rasa penting bahawa kita hendak pastikan siasatan dapat dijalankan sehingga kita tahu siapa yang salah dapat diambil tindakan. Jangan lupa, bekas Timbalan Perdana Menteri telah sedia mengorbankan jawatannya, mengorbankan jawatan tinggi dia kerana meluahkan dan melahirkan perasaan dan juga ketidaksenangan hati beliau tentang skandal

1MDB. Ini jarang berlaku tetapi macam mana pun, sungguhpun kita ada pendirian politik yang berlainan, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat daripada Pagoh.

Lagipun Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dikeluarkan oleh Raja-Raja Melayu bahawa mesti ambil tindakan ke atas mereka yang terlibat dalam skandal 1MDB. Maksudnya sekarang lah masanya PAC untuk memastikan arahan atau Titah daripada Raja-Raja Melayu dapatlah dilaksanakan. Berani kah melaksanakan Titah itu, berani kah untuk membongkar skandal 1MDB, berani kah untuk mencari mereka yang terlibat tidak kira dia siapa? Sungguhpun mungkin dia Jho Low atau lebih tinggi daripada Jho Low? Berani kah ambil tindakan ke atas mereka? [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah menjadi isu utama. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang tetapi ini isu penting. Saya hendak sebut tentang harapan untuk menjadi negara maju menjelang 2020. Macam mana kita hendak capai matlamat itu sekiranya nilai mata wang Ringgit telah susut 30% berbanding dengan USD.

Kalau kita lihat ukuran berdasarkan USD turun 30%, 2020 tidak boleh capai. Kena tunggu 2025.

#### ■1520

Ini hakikat. Tidak berani nafi pun. Ini kerana definisi sebuah negara maju ialah berdasarkan nilai Dolar Amerika Syarikat, dan bila nilai mata wang ringgit kita turun, kita kena tunggu lima tahun lagi. Bukan tahun 2020, tapi tahun 2025. Saya rasa semua tahu tentang hakikat ini tetapi hendak terus menipu rakyat, oh, bila tahun 2020 sampai, kita akan jadi negara maju. Ini tipu punya cerita.

**Beberapa Ahli:** *You* lah tipu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini disebabkan oleh krisis ekonomi dan kepercayaan yang telah berlaku yang telah melanda negara kita. So, saya harap bahawa kalau kita hendak selamatkan negara kita, ada berbagai cara.

**Seorang Ahli:** Tolak DAP, tolak DAP.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Salah satu ialah kita harap PAC boleh menjalankan tugasnya. Sekiranya PAC tidak dapat menjalankan tugasnya, malah kita hanya kesal mereka telah pecah amanah yang telah diberikan oleh rakyat.

So, harapan kepada Yang Berhormat Rompin ialah bahawa berikan ruang, berikan kebebasan supaya semua pertanyaan dalam mesyuarat PAC dapatlah ditanya dan disoal siasat dengan bebas supaya tidak ada sebarang usaha untuk tutup skandal ini. Kalau skandal ini ditutup, habislah masa depan negara kita.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.21 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada perbahasan-perbahasan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Bagan dan juga celahan daripada Yang Berhormat Jeli.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 77(2). Kerajaan memberikan usul di bawah peraturan mesyuarat ini. Terpulung kepada Parlimen bagaimana hendak meletakkannya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang tidak dinyatakan secara spesifik dalam peraturan mesyuarat.

Pada masa yang sama, seperti yang diterangkan oleh Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan sudah pun membacakan usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 77(2) sebelum saya mengemukakannya kepada Majlis. Dari segi teknikal apa yang berlaku ialah telah disebutkan di dalam Aturan Mesyuarat dan saya membaca usul ini.

Kalau saya tengok sahabat saya Yang Berhormat Sepang membawa isu dari segi *interpretation* dan teknikal, saya rasa agak tidak patutlah kerana kita di dalam Dewan ini menyedari bahawa usul ini adalah di bawah perkara 77. Jadi motif itu sudah ada. Maknanya kita tahu bahawa ada notis perbincangan, bukannya sesuatu usul, sesuatu perkara yang dibawa tanpa adanya pembawaan perkara ataupun daripada mana usul ini timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut tentang apa yang dibawa oleh sahabat-sahabat di sebelah sana tentang pelantikan PAC yang mana mereka mewujudkan interpretasi kepada P.M.77(2) dan (3) dan mereka sentiasa membawa kepada isu bahawa kononnya adanya Naib Pengerusi maka mencukupi dan tidak perlu dibawa kepada perubahan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 77(2) ini tidak boleh dibaca tanpa melihat kepada Peraturan Mesyuarat 76. Apa yang berlaku sebenarnya dalam Dewan ini ialah yang telah dibawa daripada Jawatankuasa PAC ini adalah tiga campur satu ya, bukan hanya pengerusi satu sahaja. Jadi itu bermakna bahawa dari segi teknikal untuk meletakkan nama-nama tiga ahli yang baru, perlunya Jawatankuasa Pemilih di bawah P.M.76 membuat keputusannya. Siang tadi Yang Amat Berhormat dari Pekan telah membawa Jawatankuasa Pemilih. Maka, P.M.76 ini telah berjalan, maka timbullah sekarang ini dalam perkara P.M.77.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi, siang tadi Tuan Yang di-Pertua telah memberikan penerangan kepada perkara ini dari segi *interpretation* tetapi masih sahabat-sahabat saya membawa isu-isu sekali lagi kononnya kini sudah ada kuorum, sudah adanya Naib Pengerusi, kenapa perlu diganti.

Saya hendak menyentuh kepada perbincangan Yang Berhormat Tanjong Karang dan Yang Berhormat Setiu bila mereka bercakap tentang elemen apa yang berlaku dalam Jawatankuasa Pemilih ini. Jadi kita kena melihat secara menyeluruh. Saya masih berpegang kepada interpretasi yang disebut tentang Peraturan Mesyuarat 77(3) menyatakan mengenai ketiadaan ataupun *absence*, bukannya kekosongan ataupun *vacant*. Jadi dalam perkara ini, perkataan yang dipakai adalah ketiadaan ataupun *absence*. Jadi sahabat-sahabat saya dari Tanjong Karang dan Setiu telah memberikan satu penerangan perbincangan isu perbincangan.

Jadi bagi pihak kerajaan, kita menyatakan bahawa apa yang disebut adalah ketiadaan iaitu *absence* tetapi apa yang kita tengok sekarang ini ialah *vacant* iaitu kekosongan. Bererti, pengerusi dinaikkan menjadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, maka adanya kekosongan. Bacaan ini kalau kita tengok dari segi aspek interpretasi seperti yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, menyatakan bahawa kita perlu melihat secara menyeluruh.

Saya tahu, mungkin sahabat-sahabat saya di sebelah sana sentiasa menimbulkan isu ini dalam aspek berkata tentang kononnya ada satu niat oleh pihak kerajaan seolah-olah melambat-lambatkan dan seolah-olah hendak menyembunyikan. Akan tetapi isu di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau betul-betul kerajaan tidak berminat untuk mewujudkan Jawatankuasa pengganti bagi PAC di segi Pengerusi dan juga tiga anggotanya yang baru, takkanlah kerajaan mahu memberi usul seperti hari ini? Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak takut dalam siasatan yang perlu dibuat.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sini bahawa prinsip PAC adalah sebagai badan penyiasat yang akan mengemukakan sebarang keputusan siasatan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk dibentangkan di dalam Dewan. PAC akan mengemukakan cadangan bagi tindakan lanjut atau siasatan lanjut. PAC tidak seharusnya dan bukan peranan PAC untuk bertindak, dengan izin, sebagai *judge, jury and prosecutor* terhadap masalah-masalah yang dibawa kepada PAC. Bila kita tengok siasatan PAC sejak kebelakangan ini di mana sahabat-sahabat saya sering menimbulkan seolah-olahnya ada suatu sifat hendak menyembunyikan, seolah-olah ada sifat yang takut, seolah-olah sifat di peringkat kerajaan ini sengaja melengah-lengahkan, saya ingin menyatakan di sini bahawa apakah peranan PAC sebenarnya?



Kerajaan mencadangkan kepada Pengerusi yang baru yang disebut Ahli Parlimen daripada Rompin kerana kerajaan melihat bahawa beliau mempunyai pengalaman. Walaupun baru sebagai Ahli Parlimen, tetapi mempunyai pengalaman di Kerajaan Negeri Pahang. Beliau telah menjadi Timbalan Menteri Besar dan juga memegang jawatan Exco. Bererti di sini bahawa bila kita meletakkan penggantinya, kerajaan melihat bahawa pengganti ini adalah pengganti yang akan melaksanakan tugas yang telah disebut oleh sahabat-sahabat saya oleh Pengerusi yang selepas ini, tugas yang begitu membawakan satu penerimaan oleh parti-parti, semua komponen parti sama ada kerajaan ataupun pembangkang.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli PAC adalah di antara kita, Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi bila seseorang itu masuk ke dalam Jawatankuasa PAC, dia mesti meletakkan keutamaan pada tanggungjawab sebagai Ahli PAC. Sepatutnya dalam PAC tidak dipolitikkan sebab PAC bertanggungjawab mencari kebenaran. Akan tetapi kalau PAC berpolitikkan dan berpaksi kepada parti politik, apa-apa keputusan nanti akan dipersoalkan.

Hari ini kalau kita tengok, bila sahabat-sahabat saya dari Tanjong Karang khususnya, menyebut tentang adanya individu-individu kononnya, *allegationnya* kononnya telah mewujudkan seolah-olah satu tindakan yang bercakap tetapi Yang Berhormat Bagan mengatakan bahawa tidak ada sesiapa daripada pihak parti beliau, kemungkinan daripada parti yang lain, tetapi isunya di sini, kalau kita hendak mencari elemen kebenaran, memang sudah tentu pengganti kepada pengerusi dan tiga ahli yang lain perlu dilaksanakan secepat mungkin. Dan sesi bersidang pada hari ini, 19 hari bulan. Kalaulah niat kerajaan itu untuk melambat-lambatkan, kenapa tidak sesi itu diwujudkan pada bulan November ataupun pada akhir persidangan iaitu bulan Disember, awal 2 atau 3 Disember? Komitmen kerajaan menyatakan kita tidak mahu melengah-lengahkan mengikut kewujudan perkara P.M.76 dan juga P.M.77.

Jadi dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa tanggungjawab PAC tidak boleh dipolitikkan dan PAC mesti menekankan kepada elemen dengan izin, *natural justice* iaitu membenarkan tidak adanya semangat *rules against biasness*, dengan izin, dan juga mesti menekankan kepada semangat *right to a fair hearing*.

Jadi bererti, siasatan itu mesti dilaksanakan dengan cara yang betul dan individu perlu dilantik yang telah diwujudkan dalam peraturan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua kerana merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 100 bahawa keputusan akhirnya adalah kepada yang disebut sebagai Speaker kepada peraturan mesyuarat.

#### ■1530

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua saya berharap dan saya dengar cakap Ahli Parlimen dari Bagan tadi bahawa macam mana pun mereka akan menerima nama yang telah dicadangkan oleh kerajaan dan saya berharap individu-individu yang dilantik akan membawa keutamaan kepada tugas mereka sebagai ahli PAC. Dengan itu saya selaku Menteri yang bertanggungjawab menyokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Perkara 2 itu tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU 2015**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.31 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015 iaitu satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia, memperuntukkan pendaftaran orang yang menjalankan amalan sebagai pengamal kesihatan bersekutu bagi mengawal selia amalan profesion kesihatan bersekutu dan perkara-perkara yang berhubung dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015 dibentangkan dan dibacakan dalam Parlimen sekarang. Tujuan rang undang-undang ini diwujudkan adalah untuk menubuhkan satu Majlis Kesihatan Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia bagi mengawal selia pendaftaran 23 jenis pengamal profesion kesihatan bersekutu serta kawalan dan pengawal seliaan amalan profesion kesihatan bersekutu di Malaysia. 23 jenis profesion ini bertugas di bidang klinikal, makmal dan di bidang kesihatan awam.

Pada masa ini tiada undang-undang khusus yang wujud untuk mengawal selia pendaftaran dan amalan pengamal profesion kesihatan bersekutu tetapi pengamal profesion kesihatan bersekutu di sektor awam dikawal selia berpandukan perintah am Jabatan Perkhidmatan Awam dan pekeliling-pekeliling perkhidmatan manakala pengamal profesion kesihatan bersekutu sektor swasta hanya tertakluk kepada polisi dan peraturan-peraturan sesuatu organisasi swasta berkenaan.

Ekoran perkembangan pesat dan dinamik dalam sektor perubatan dan kesihatan, adalah perlu untuk mengawal selia pengamal profesion kesihatan bersekutu di Malaysia supaya sektor ini dapat terus berkembang dan berdaya saing di peringkat global. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memasarkan tenaga mahir di peringkat antarabangsa. Rang undang-undang yang dicadang adalah perlu bagi memastikan hanya mereka yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf dan diperakukan oleh Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia diterima mendaftar dan mengamal yang memberi kuasa kepada majlis untuk memastikan supaya piawaian perkhidmatan yang disampaikan oleh pengamal profesion kesihatan bersekutu mematuhi keperluan piawaian yang ditetapkan bagi setiap satu jenis profesion kesihatan bersekutu berkenaan.

Dengan jumlah pengamal profesion kesihatan bersekutu yang aktif mengamal, dianggarkan seramai 50,000 orang, maka jelas adanya keperluan melaksanakan pendaftaran dan pemantauan agar perkhidmatan penjagaan kesihatan yang disampaikan lebih mantap, selamat dan berkualiti. Bilangan pengamal dan kepelbagaian profesion kesihatan bersekutu telah bertambah dengan begitu pesat berbanding dahulu di mana kemahiran dan kepakaran dulunya hanya tertumpu kepada disiplin tertentu seperti fisioterapi, makmal perubatan dan kesihatan persekitaran.

Walau bagaimanapun, pada masa kini, terdapat penambahan bilangan kepelbagaian profesion kesihatan bersekutu yang lain seperti audiologi, psikologi klinikal, genetik perubatan, embriologi, sains forensik serta lain-lain lagi. Amalan bidang profesion kesihatan bersekutu memerlukan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang khusus serta latihan bersesuaian.

Kini mereka telah mula menjurus kepada pengkhususan dalam bidang profesion masing-masing. Ini adalah penting dalam menjalin kerjasama dengan pakar-pakar klinikal dalam memberikan rawatan kepada pesakit. Selain kuasa mendaftarkan seorang pengamal, majlis juga mempunyai kuasa untuk memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah selamat dan berkesan melalui sistem-sistem seperti *credentialing* dan *privileging* dan pembelajaran berterusan (*continuous professional development*) serta pemantauan kualiti perkhidmatan.

Pengamal-pengamal yang didapati kurang kompeten dari segi pengetahuan atau kemahiran boleh diarahkan untuk menjalani latihan tambahan atau penempatan semula di bawah pengawasan pengamal perubatan yang berpengalaman dan kompeten.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini turut memperuntukkan kuasa bagi Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu untuk mengawal selia kelakuan profesion dan etika pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu serta prosedur berhubung dengan prosiding tatatertib terhadap pengamal profesion kesihatan bersekutu tersebut. Rang undang-undang ini juga memperjelaskan proses tindakan tatatertib ke atas pengamal secara telus dan berkesan. Ini memberi ruang kepada mana-mana pengadu yang tidak berpuas hati dengan apa-apa tata kelakuan atau amalan pengamal membuat aduan kepada majlis supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Melalui rang undang-undang ini, apabila terdapat aduan terhadap pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu berdasarkan kepada penemuan oleh jawatankuasa siasatan dan pihak berkuasa disiplin, majlis sekiranya berpendapat bahawa adalah perlu untuk melindungi orang awam atau bagi maksud kepentingan awam boleh mengeluarkan perintah sementara terhadap pengamal profesion kesihatan seperti diletakkan di bawah pengawasan seseorang pengamal profesion kesihatan bersekutu yang berpengalaman bagi tempoh tertentu atau jika pelanggaran tata kelakuan dan amalan yang didakwa itu adalah serius, digantung amalan mereka serta-merta.

Sehubungan dengan ini, sekiranya pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu didapati bersalah melanggar tataetika kelakuan profesion serta amalan, pengamal itu boleh dikenakan hukuman seperti nama pengamal itu dikeluarkan dari daftar, nama pengamal itu digantung bagi tempoh tertentu atau pengamal itu diberi amaran.

Rang undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu sangat diperlukan untuk menubuhkan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia bagi mengawal selia amalan Profesion Kesihatan Bersekutu dan seterusnya memperkukuhkan perkhidmatan Profesion Kesihatan Bersekutu di Malaysia agar dapat mempraktikkan secara *evidence-based* dan memberi perkhidmatan yang selamat serta berkualiti kepada rakyat seterusnya dapat berkembang dengan berdaya saing di persada global.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan rang undang-undang ini dibacakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia, untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran orang yang beramal sebagai pengamal kesihatan bersekutu dan orang yang menjalankan aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu, untuk mengawal selia amalan Profesion Kesihatan Bersekutu dan bagi perkara-perkara berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bagan Serai.

### 3.39 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Memberi aluan-aluan dalam bahasa Arab] Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut berbahas dalam perbahasan rang undang-undang yang pertama bagi sesi kali ini iaitu Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu.*

*Dagang hamba pinggiran kota;  
Perjalanan jauh dari utara;  
Tajamkan telinga, celikkan mata;  
Bagan Serai ingin buka bicara.*

## ■1540

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Macam jual pantun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pantun dulu, bagi semangat sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuka perbahasan ini dengan membawa Dewan ke suatu gambaran yang lebih besar yang berkaitan dengan rang undang-undang ini. Kita lihat bagaimana kejayaan Malaysia daripada segi ekonomi yang telah mengubah rakyatnya sejak kemerdekaan dahulu. Pada waktu merdeka, kita dapati rakyat Malaysia adalah berpendapatan rendah dengan lebih daripada 50% orang dalam kancas kemiskinan dan pendidikan yang rendah.

Hari ini kita boleh berbangga, setelah 50 tahun tahap pendapatan adalah tahap menengah atas. Kita boleh berbangga dengan adanya pendidikan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, struktur kemajuan dan perkembangan ini telah mengubah struktur dan status sosioekonomi. Perubahan yang ketara ini dapat kita lihat dengan pendapatan yang berlipat ganda dan juga pendidikan yang jauh lebih baik. Saya mengambil contoh, pendapatan bulanan purata isi rumah 1970, hanya RM264. Akan tetapi pada 2014, RM6,141 dan kadar miskin, peratus isi rumah pada tahun 1979 hanya adalah 49.1%. Akan tetapi pada tahun 2014 adalah hanya 0.6%.

Kita lihat namun dengan terlaksananya Dasar Transformasi Negara, GTP, ETP dan sebagainya dan memasuki pusingan terakhir. Pusingan terakhir yang hanya menunggu lima tahun lagi kepada 2020. Perkembangan perubahan yang berlaku hari ini telah mencorakkan satu cara dan gaya hidup yang jauh berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, satu kehidupan dalam pendapatan yang lebih baik, dengan izin, *living in the high income economy*. Jadi cabaran yang jauh berbeza, gaya hidup yang jauh berbeza. Dahulu kita lihat dalam kampung, ada satu telefon, berebut orang dengan telefon itu. Hari ini semua orang bawa *hand phone*. Ada yang bawa dua tiga *hand phone* saya tengok. Dahulu di kampung, ada satu televisyen. Akan tetapi hari ini di setiap rumah, ada televisyen. Malah di setiap bilik ada televisyen. Dahulu di kampung kita lihat ada satu dua orang ada kereta. Akan tetapi hari ini di satu rumah ada banyak kereta.

Jadi desakan-desakan baru ini, disebabkan perubahan hidup ini. Kita dapat lihat telah menjadikan satu stress ataupun desakan daripada kehidupan kita. Contohnya saya ambil sekali lagi *hand phone*. Hari ini dengan *hand phone*, kita dah tak boleh lagi, kita dah kerja 24 jam. Hari Ahad pun ada orang boleh *contact* dengan kita, dan beritahu kita perkara itu dan ini, dan kerja-kerja ini mesti dilaksanakan, seolah-olah insan hari ini sudah tidak ada cuti. Dan ada kumpulan-kumpulan yang tertekan dengan tekanan hidup ini terpaksa bekerja lebih masa untuk keperluan kehidupan yang mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perubahan-perubahan ini menyebabkan wujudnya apa yang saya namakan norma baru, *the new normal* iaitu kehidupan kita yang sudah biasa macam itu. Saya ambil satu contoh lagi, di kebanyakan rumah ada penghawa dingin (*air-conditioner*). Jarang kita jumpa rumah yang tidak ada *air-conditioner*. Malah banyak juga rumah yang tiap-tiap bilik ada *air-conditioner*. Ini satu norma baru, ini satu *new normal* yang memberikan cabaran-cabaran dan peluang-peluang baru untuk menjana memberi kejayaan kepada hidup dan juga kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu masalah kita adalah penyakit-penyakit berjangkit (*infectious disease*) dengan izin. *tuberculosis*, *pneumonia*, macam-macam penyakit. Ada yang penyakit yang jarang-jarang seperti *melioidosis* dan sebagainya. Akan tetapi hari ini di negara kita, kita menghadapi *problem* daripada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit (*non-communicable diseases*). Penyakit apa? Penyakit jantung, sakit jantung, kencing manis yang menjadi dua perkara utama. Sakit jantung bukan sahaja menjadi *the main killer* tetapi juga *the silent killer*. Ada orang yang kali pertama tanda-tanda sakit jantung datang pada dia adalah *sudden death*, dengan izin.

Saya dalam tiga minggu ini, saya dapat berita daripada kawan. Ada orang tiba-tiba mati di padang golf. Setelah dia *tee-off*, dia pun *off*. Dan ada yang saya dengar lepas makan tengah hari, muntah-muntah dan terus mati. Kita dapat dengar di negara kita juga beberapa minggu yang lepas ada pemain bola yang mati di padang bola. Mereka ini *fit*, badan *fit*, badan cergas, senaman setiap hari tetapi mati mengejut. Jadi ini yang saya katakan norma-norma baru, *the new normal*, macam-macam penyakit yang datang.

Kencing manis umpamanya, membawa penyakit sebagai ibu penyakit. Kalau ada kencing manis, penyakit yang akan mendatang daripada hujung rambut sampai hujung kaki. Datang darah tinggi, datang jantung dan sebagainya. Kita dengar penyakit yang bersangkutan dengan mata, bersangkutan dengan saraf, bersangkutan dengan kaki, bersangkutan dengan kulit, kencing manis.

Tuan Yang di-Pertua, jadi negara hari ini perlu sediakan untuk menghadapi perkara-perkara ini. Dahulu kita hanya melihat kepada doktor. *Doctors are important*. Betul. Akan tetapi doktor hari ini tidak boleh lakukan segala-galanya. Sebab itu kita lihat hari ini profesion kesihatan bersekutu (*allied health science*) telah menjadi suatu perkara yang boleh dianggap penting hari ini. Untuk negara pergi negara maju, untuk menjamin kesihatan. Kesihatan adalah harta. *Health is wealth*. Ada kesihatan, adalah segala-galanya. Kalau hilang kesihatan, maka hilanglah segala-galanya.

Oleh sebab itu saya selalu juga dalam kehidupan saya sebelum ini sebagai seorang doktor. Selalu saya tanya, kita makan ini untuk apa? Makan untuk hidup? Atau hidup untuk makan? Akan tetapi senario yang ada sekarang ini, disebabkan perubahan-perubahan dan kehidupan yang dikatakan mempunyai *income* yang tinggi, hari ini orang makan, makan untuk mati. *Eat to kill*. Hari ini kedai makan 24 jam. Betul 24 jam? Orang makan pukul 12 malam, lepas pukul 12 malam, lepas makan dia buat apa? Dia tidur. Kadang-kadang bangun pukul 3.00 pagi, dia tidur dia makan, kemudian dia tidur balik.

Kedai makan 24 jam, banyak kedai makan 24 jam. Kalau kita tengok kedai makan yang segera pun 24 jam. 24 jam, KFC lah, MCD lah dan sebagainya 24 jam. Jadi budaya hari ini, dah makan *24 hours*.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu hari ini wujudnya profesion kesihatan bersekutu dalam kepelbagaian yang banyak hari ini. Sebenarnya adalah suatu perkara yang penting. Seperti juga kita lihat dalam pendidikan. Kalau dulu, kita kata fasal contohnya dalam bio teknikal, vokasional. Hanya orang kata orang-orang yang pelajaran tak bagus pergi teknikal dan vokasional. Hanya orang kata anak-anak yang tidak berjaya ke universiti hanya pergi ke sekolah vokasional. Akan tetapi hari ini TVET contohnya, *training* untuk vokasional menjadi perkara yang penting untuk negara pergi ke negara maju, perlu ada kumpulan-kumpulan yang boleh menjalankan kerja-kerja mahir ini.

Berbalik kita pada kesihatan. Sebab itu hari ini dengan segala masalah penyakit yang ada hari ini, terutama penyakit *non-communicable disease* yang telah membunuh ramai orang, yang telah menyebabkan ramai orang tidak dapat bekerja dengan baik, yang menyebabkan lumpuhnya ekonomi keluarga dan akhirnya bisa akan melumpuhkan ekonomi negara kalau kita tidak *address* ataupun kita tidak cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu bagi pendapat saya, profesion kesihatan bersekutu menjadi satu aspek daripada kesihatan yang sangat-sangat penting. Menghampiri negara maju, profesion ini yang kita dengar tadi telah ada 50,000 orang lebih.

#### ■1550

Sudah pasti mesti disediakan dengan baik. Sudah pasti mesti ada satu Majlis yang teratur, yang boleh mengawal, yang boleh merekodkan dan yang boleh memberikan pengiktirafan kepada kumpulan yang sangat penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga perlu ada Majlis yang boleh kawal selia etika, tatatertib, tingkah laku dan juga pembangunan insan (*development*). Seperti yang saya katakan tadi, kesihatan adalah harta. Kalau kita hilang kesihatan maka keamanan, kejayaan, ekonomi yang baik dan negara yang maju dengan pendapatan yang tinggi, apalah nilai akhirnya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Huh, dahsyat.

**Seorang Ahli:** Tidak jadi Menteri lagi.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tidak *confirm-confirm* lagi.

**Seorang Ahli:** *Insyah-Allah*.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hari ini kita hairan, kita hairan hari ini. Ramai orang berjalan ada yang kena kencing manis. Saya tidak tahulah...

[Disampuk] Saya doakan di dalam Dewan ini tidak ada yang kena kencing manis. Akan tetapi saya rasa mungkin ada yang kencing manis. Lebih banyak lagi yang tidak tahu bahawa hidupnya menuju kepada kencing manis sebab pemakanan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pemakanan yang mewah hari ini telah menyebabkan insan sudah jadi lupa, sebab itu kita makan dan kita makan. Kita pun sudah lupa apa yang patut kita makan, banyak mana yang patut kita makan, bila yang patut kita makan. Jadi kesan pada badan. Antaranya yang kita dapat dengar selalu ialah tentang kesan insulin pada badan kita. Apabila kita makan benda yang manis, maka insulin akan naik tinggi dan apabila akan lakukan kekerapan ini, sel kita menjadi lemah, maka akan jadi satu *state* di mana satu keadaan di mana kita mempunyai paras insulin yang tinggi dalam badan kita.

Ada orang yang pernah *check* insulin? Tidak ada. Sebab apa, mungkin ujiannya pun mahal. Akan tetapi kita dapat lihat daripada kisah kesihatan kita pada diri kita hari ini. Hari ini sebab itu dengan masalah kecelaruan hormon yang berlaku dalam badan kita hari ini, maka penyakit berderet-deret datang hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun purata umur kita dijangka 75 tahun hingga 80 tahun, tetapi ramai yang sebelum mencapai 50 tahun lagi sudah ada penyakit-penyakit yang boleh menggagalkan kehidupannya tiap-tiap hari. Saya mendapat data yang menunjukkan daripada Kementerian Kesihatan, 22,435 *post* dalam profesion Sains Kesihatan Bersekutu ini telah dipenuhi, yang ada cuma 9.67%. Maknanya perkara ini penting. Dalam begitu ramai kumpulan yang penting, kumpulan penyokong yang penting kepada apa yang doktor hendak buat hari ini, kita lihat macam-macam boleh berlaku. Oleh sebab itu kewujudan Majlis ini adalah sangat penting. Rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang sangat penting.

Berlaku juga kes-kes salah laku dan juga penyamaran. Bukan sahaja profesion Sains Kesihatan Bersekutu, tetapi juga doktor. Ada doktor yang menyamar, kita dengar dalam surat khabar. Sebab apa, dia pun pernah belajar di hospital umpamanya, tetapi tidak lulus. Akan tetapi apabila keluar, dia telah gunakan apa yang dia ada sedikit itu untuk cerita, untuk cerita dan dia memperdayakan orang.

Oleh sebab itu dalam rang undang-undang ini disebutkan perkara 35 dan 36 tentang hukuman kes-kes salah laku. Saya melihat ada data menunjukkan kes-kes salah laku. Umpamanya pada tahun 2011, 2014 dan 2015, ada kes-kes mencabul pesakit perempuan. Ada kes-kes menghilangkan bahan-bahan yang penting di wad. Ada juga kes pegawai kesihatan persekitaran mendapatkan wang sogokan dengan memiliki premis dengan mengadakan bukti palsu, meletakkan jentik-jentik umpamanya.

Jadi ini kita lihat dalam peruntukan undang-undang ini, yang meletakkan RM50,000 atau sekurang-kurangnya dua tahun. Saya amat setuju dengan denda yang begini. Akan tetapi bagus juga diletakkan undang-undang dan denda yang lebih lagi, kerana ini melibatkan nyawa orang. Ini melibatkan nyawa seseorang dalam keluarga. Kalau denda yang dikenakan tidak setimpal, maka dia keluar. Selepas dua tahun, dia keluar buat balik perkara yang sama. Letakkan dia dalam jel lama, lebih lama supaya dia lupa umpamanya, supaya tidak melakukan perkara yang sebegini lagi.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai, saya ucapkan terima kasih kerana berikan kita ceramah kesihatan percuma pada petang ini. Cuma saya hendak tahu dan berbalik kepada isu yang sedang kita bahaskan ini, ini adalah satu rang undang-undang untuk *regulate* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pengamal-pengamal kesihatan bersekutu. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Bagan Serai untuk kita panjangkan kepada kementerian, apakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju bahawa perlu ada suatu *master plan* yang lebih menyeluruh supaya kita dapat memastikan pengamal-pengamal kesihatan bersekutu ini dapat dipanjangkan ke kawasan kampung-kampung.

Ini kerana kita sedia maklum bahawa sekarang ini daripada segi kemudahan hospital, itu juga mendatangkan masalah yang besar kerana banyak dalam perbahasan-perbahasan yang kita dengar dalam Dewan ini, meminta peruntukan-peruntukan untuk membina hospital-hospital yang baru yang lebih besar dan lebih dapat memastikan kemudahan kesihatan diberikan. Sekarang ini kita bercakap pula tentang kesihatan bersekutu. Apakah pengamal-pengamal kesihatan bersekutu ini akan dipanjangkan ke kawasan-kawasan luar bandar untuk memastikan mereka mendapat kemudahan yang setimpal?

Kedua, adakah Yang Berhormat Bagan Serai maklum bahawa kalau mengikut laporan yang kita teliti, ada lebih kurang 36,000 rakyat negara ini yang sedang menanggung beban hutang yang tinggi sehingga terpaksa dirujuk kepada AKPK (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit) kerana gagal melunaskan hutang rawatan perubatan. Jadi kos perubatan itu semakin tinggi. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai, apakah dari segi kos untuk pengamal kesihatan ini juga *dirégulate* ataupun diatur supaya ia tidak melampau kerana ia tentunya memberikan tekanan terhadap rakyat yang sekarang ini terpaksa menanggung beban akibat daripada kenaikan barang dan sebagainya.

Ketiga, bagaimana pandangan Yang Berhormat Bagan Serai berkaitan dengan *human resource*? Adakah dia mencukupi bagi memastikan keperluan 30 juta rakyat itu mendapat nisbah yang munasabah? Bukan sekadar doktor perubatan biasa, tetapi juga pengamal kesihatan bersekutu. Bagaimana pula akses pengamal-pengamal ini kepada penjara-penjara misalnya? Kalau banduan-banduan yang sakit dan sebagainya, apakah mereka diberikan kebenaran untuk masuk dan memastikan rawatan itu disebarluaskan ke kawasan-kawasan yang kritikal seperti ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Kita dapat dengar daripada penjelasan tadi, hari ini kita ada 23 profesion yang telah tersenarai di sini. Kita lihat kepelbagaian ini menunjukkan kerajaan prihatin. Sebab apa, semua perkara yang terutamanya yang telah banyak dilakukan adalah mengenai yang saya kata tadi, mengenai penyakit-penyakit yang sedang melanda negara kita hari ini.

Umpamanya *dietitian*, Pegawai Dietetik, Pegawai Sains Pemakanan umpamanya, Pegawai Pendidikan Kesihatan, Pegawai Penyediaan Makanan, inilah profesion yang paling banyak dikendalikan. Kalau kita lihat daripada kursus yang dilakukan di UKM, UM, UPM dan saya kira sehingga sampai lebih daripada 20 universiti yang mengadakan latihan ataupun kursus-kursus untuk melahirkan profesion kesihatan bersekutu ini. Ini untuk siapa? Ini adalah untuk membantu para doktor untuk menjalankan kerja yang lebih baik. Ini dibuat oleh siapa? Ini dibuat oleh kerajaan.

Memanglah kalau kita ada ramai nanti, saya percaya kementerian akan membawa, akan meletakkan kepakaran ini, profesion ini di hospital daerah umpamanya. Saya percaya ini yang kita minta, saya percaya ini yang kita minta. Malah kalau kita ada cukup profesion, insan-insan yang ada kecekapan, kepakaran ini, maka apa fasal pula penjara hendak dikecualikan. Sebab apa, siapa yang sakit perlu mendapatkan rawatan. Siapa yang sakit perlu mendapat rawatan. Ada cara bagaimana kerajaan untuk membantu. Mereka yang sakit, kita tidak pernah dengar ada orang sakit dibiarkan mati macam itu. Kita tidak pernah macam itu.

#### ■1600

Hari ini kita lihat pergi kepada hospital kerajaan mendapat cuma kena bayar dengan beberapa ringgit sahaja dan perkara-perkara lain yang perlu dilakukan umpamanya pembedahan dan sebagainya tentulah ada caranya bagaimana untuk memohon pertolongan daripada berbagai-bagai-bagai agensi yang ada. Jadi walau bagaimanapun, saya ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Bukit Katil kerana ada *vision* ke arah itu untuk kesihatan yang mana telah dilakukan oleh kerajaan dan sebab itu kita bentangkan rang undang-undang hari ini supaya kita dapat kawal selia menjaga dengan lebih baik lagi bagaimana mereka ini dapat berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua, antara fungsi majlis ini juga ialah untuk mengadakan memantau latihan kecekapan. Ini yang dikatakan tadi *continuing medical education* ataupun *continuing professional development* supaya mereka yang keluar ini sentiasa terlatih dan sentiasa *abreast* sentiasa *update* dengan izin, sentiasa tahu perkembangan-perkembangan yang terjadi dalam dunia perubatan umpamanya. Sebab penyakit daripada dulu sehingga sekarang ini dengan banyak ujian-ujian dan kajian-kajian yang dilakukan ada banyak lagi

ilmu yang manusia masih tidak tahu. Akan tetapi apabila dilakukan ujian mereka mendapati bagaimana untuk menambahkan kebaikan untuk menjaga pesakit.

Kalau dululah saya masih ingat pesakit gastrik, sakit gastrik dulu orang kata banyak asid dan ubatnya adalah antacid untuk lawan dengan asid tetapi hari ini kajian menunjukkan pesakit gastrik disebabkan oleh bakteria, di sebabkan oleh kuman dan jawapannya adalah antibiotik. Ini yang terjadi kalau dulu kita katakan penyakit jantung umpamanya disebabkan oleh kolesterol yang tinggi. Akan tetapi pada hari ini kita dapat lihat lebih daripada 50% orang yang mati kerana sakit jantung dan sebagainya ujian yang dilakukan kolesterolnya normal. Kerajaan juga telah membelanjakan begitu banyak juga duit untuk memberikan ubat untuk menurunkan paras kolesterol.

Jadi kita lihat ini perkembangan-perkembangan perubatan. Hari ini dia katakan banyak penyakit sebenarnya terjadi penyakit-penyakit kronik disebabkan oleh inflamasi dalam saluran darah, inflamasi di dalam badan di merata-rata tempat badan. Jadi sebab itu hari ini orang boleh kena darah tinggi, kencing manis, kena strok, kena kanser dan sebagainya. Jadi hari ini patutnya pendidikan perubatan dan sebagainya adalah mesti juga melihat kepada bagaimana untuk menurunkan tahap kadar inflamasi di dalam badan. Ini kerana kita kena nilai contohnya saya berikan ini ubat-ubatan yang kita gunakan statin seumpamanya untuk menurunkan kadar kolesterol. Pemohon yang turunkan kadar kolesterol dan berapa banyak orang yang makan statin tetapi dia makan ikut suka hati dia dan berapa orang yang mati kerana betul-betul kolesterolnya tinggi.

Jadi ini sebab saya nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua latihan kecekapan, kursus-kursus, bengkel-bengkel perlu dilakukan supaya profesion kesihatan bersekutu ini *update*, *abreast* dengan izin dengan perkara-perkara yang terkini. Dan mereka dapat menjalankan kerja dengan lebih baik dan dapat membantu doktor-doktor untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik untuk kesihatan yang lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di sini ada 23 profesion. Antara yang paling popular sekarang ini ialah juru x-ray. Sebanyak 33 universiti pusat pengajian tinggi yang mengadakan kursus untuk juru x-ray. Dulu juru x-ray tak cukup tetapi hari ini juru x-ray sudah banyak saya rasa.

Sehingga klinik-klinik swasta juga mengambil mereka yang mempunyai diploma ataupun ijazah sarjana muda dalam bidang ini. Jadi banyak juga nanti akan datang kita lihat kepada lambakan juru x-ray ini. Seperti kita lihat pada lambakan jururawat. Suatu hari kita akan lihat kepada lambakan para doktor. Jadi saya mengharap Kementerian Kesihatan fikir bagaimana supaya tidak terjadi perkara-perkara begini. Kita lihat universiti-universiti kebanyakan universiti yang mengadakan kursus-kursus seperti ini dan mereka yang keluar pergi mana untuk kerja. Akhirnya kita lihat adakah kursus-kursus ini akan terus diminati oleh rakyat di Malaysia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, profesion kesihatan bersekutu ini adalah sangat-sangat diperlukan dan saya kira sangat-sangat penting. Jadi kepelbagaian yang ada hari ini seperti yang saya sebutkan tadi kalau kita tengok tadi juru x-ray banyak. Kalau tengok dalam bidang pemakanan pun banyak tetapi kita masih kurang lagi profesion kesihatan ini dalam bidang optometri, dalam bidang audiologi, dalam bidang psikologi dan dalam bidang persekitaran. Pegawai-pegawai persekitaran umpamanya hari ini kita lihat jerebu, kita bagi contoh jerebu. Ini berkaitan dengan persekitaran. Berapa orang yang betul-betul faham tentang perkara ini. Adakah kita mempunyai data-data yang menunjukkan tahap mana yang bahaya sebenarnya. Partikel besar mana yang bahaya untuk masuk paru-paru. Siapa yang betul-betul terkesan dengan masalah dengan jerebu ini. Masalah sama ada orang itu ada asma, penyakit lelah asma atau penyakit paru-paru ataupun orang-orang biasa yang tidak ada penyakit.

Adakah kita punya data, adakah kajian dilakukan untuk menilai, untuk mengetahui sebenarnya apa bahaya dalam itu. Apakah bahan beracun, apakah bahan-bahan kimia yang terdapat di dalam jerebu yang kita lihat dan bagaimana tahap kesedaran rakyat Malaysia umpamanya. Tuan Yang di-Pertua, berapa orang yang pakai *face mask* hari ini. Ada yang pakai *face mask* hari ini? Kita lihat kita keluar di sana di kota Kuala Lumpur di bandar berapa orang yang pakai *face mask* hari ini. Tetapi kita lihat orang semua kata masalah pernafasan dan sebagainya. Mungkin sudah sampai masanya Kementerian Kesihatan buat satu peraturan tahap mana yang orang patut pakai *face mask* umpamanya. Apakah jenis *face mask* yang sesuai untuk partikel yang sebesar zarah yang sebesar mana.



Jadi ini perkara-perkara yang perlu diberi perhatian sebab data-data ini akan membantu profesion kesihatan untuk menjalankan kerjanya dengan lebih baik. Tanpa ilmu yang mantap, tanpa ilmu pengajian yang berterusan maka perkara-perkara yang kesihatan ini tidak dapat dilakukan dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menuju ke tahap negara maju. Dijangka *insya-Allah* pada tahun 2020 negara maju berpendapatan tinggi yang saya sebutkan daripada awal tadi kebimbangannya ialah mencetuskan satu norma baru.

*The new normal* iaitu kebiasaan dengan kesenangan. Kerana apabila pendapatan naik maka berubahlah tingkah laku. Maka bila pendapatan sudah bagus maka berubahlah cara pemakanan dan kita lihat hari ini pemakanan hari ini yang ada alhamdulillah di negara kita yang mewah pada hari ini siang dan malam telah menyebabkan pelbagai penyakit yang mampu melumpuhkan ekonomi seseorang dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah penting dan kita seharusnya peka dan pastikan negara kita yang tercinta ini boleh *catch up* dan boleh setaraf dan selaras dengan apa masalah yang kita lihat hari ini. Dunia hari ini berubah mencetuskan norma-norma baru ini dan Malaysia juga telah berubah dan keperluan kita sudah berubah dan kita mestilah hari ini bersedia untuk saya sebutkan tadi sebagai *address* melihat perkara-perkara yang penting untuk kita lakukan supaya kesihatan kita lebih terjamin. Polisi-polisi yang lama yang baik boleh perlu diperbaiki dan juga polisi-polisi baru perlu diwujudkan. Ini kerana apa yang kita lihat hari ini, cuaca sudah jadi berbeza, sikap manusia pun sudah jadi berbeza. Hari ini orang sudah terlampau pandai. Ada yang jadi hakim, ada yang jadi doktor, ada yang jadi macam-macam melalui sosial media.

Melalui sosial media sudah macam-macam ini satu *new normal* sebab manusia sudah jadi begini, keadaan sudah jadi begini bukan seperti yang 50 tahun yang kita lihat. Sebab itu perkara-perkara yang berlaku pada hari ini dia datang dan dia duduk di situ. *They come and stay*, dengan izin dia tak datang dan pergi seperti hujan. Kita lihat perkara-perkara inilah yang mendatangkan dan menjadi faktor-faktor yang sangat penting untuk kita lihat kepada Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu ini. Saya sekali lagi menyatakan sokongan betapa pentingnya kepada rang undang-undang ini dan berharap perkara-perkara seperti denda dan kawal selia diambil secara serius oleh kerajaan dan Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju dan menyokong Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Raja.

■1610

4.10 ptg.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya ingin sebenarnya menyokong akta Rang Undang-undang Profesion Kesihatan ini kerana seperti yang telah dibahaskan oleh sahabat saya tadi dari Bagan Serai bahawa profesion kesihatan bersekutu ini semakin hari semakin berkembang dengan berkembangnya bidang perubatan itu sendiri. Saya cuma ingin ajak kawan-kawan, sahabat-sahabat sekalian berfikir bahawa kalau kita melayan kepada perkembangan teknologi yang ada sekarang, setiap penyakit ada ubatnya, dan seterusnya akan ada bidang-bidang baru. Sedangkan penjagaan kesihatan itu sebenarnya tidaklah begitu susah kecuali penyakit-penyakit yang bersifat genetik ataupun keturunan dan penyakit-penyakit yang tidak dapat dielakkan oleh seseorang individu.

Tadi, sahabat dari Bagan Serai ada menyebut bahawa penyakit-penyakit yang ada sekarang adalah penyakit-penyakit *non-communicable* ataupun penyakit-penyakit yang lebih tidak bersifat berjangkit tetapi lebih kepada berkait dengan cara hidup kita. Beliau menyebut tentang bagaimana sekarang kita dapat banyak kedai-kedai makan yang buka 24 jam, ya. Buka 24 jam dan kita boleh makan pada bila-bila masa dan sebagainya.

Semakin hari negara kita maju, semakin ramai orang yang mendapat penyakit-penyakit yang sebenarnya boleh dirawat, boleh dicegah. Ini kerana, dalam perubatan dan kita pun semua tahu tentang kata-kata, "*Prevention is better than cure*", iaitu kita mencegah lebih baik daripada kita merawat.

Saya cuma terfikir, adakah kerajaan hanya akan “*just follow the flow*”, akan hanya mengikut apa sahaja yang masyarakat dan apa sahaja yang rakyat mahu dalam hal-hal begini sedangkan kos penjagaan kesihatan semakin hari semakin meningkat.

Tidak kah kita mahu memikirkan polisi-polisi di mana rakyat mungkin dihalang sedikit supaya boleh mereka menjaga kesihatan *by default*, misalnya restoran 24 jam. Tentulah ada fungsinya restoran 24 jam di kawasan-kawasan tertentu dan sebagainya. Akan tetapi, untuk makan makanan yang berat selepas pukul 12 malam dan sebagainya dan kemudian esok tidur dan sebagainya dan itu *practice* yang tidak sihat sama sekali. Mungkin kita perlu ada sedikit kawalan tentang kualiti makanan yang dijual juga. Mungkin kita kena fikirkan cara yang terbaik untuk kita menggalakkan industri makanan ini supaya dalam jangka masa panjang, mereka juga turut membantu menjaga kesihatan rakyat negara kita.

Saya agak susah hati lah bila melihat statistik yang rakyat negara kita hampir 50% ataupun lebih, kalau tidak silap saya adalah obes ataupun gemuk. Sebenarnya kegemukan ini mudah dijaga sebenarnya. Akan tetapi, oleh kerana mungkin sikap kita dan juga mungkin kerana kita memandang sangat mudah perkara itu apabila kita, seperti kata sahabat kita, hospital kita ada, bila-bila masa pun kita akan dapat rawatan. Mungkin kita mengambil begitu mudah tentang ini kerana kita mudah mendapat rawatan.

Akan tetapi, akhirnya, kalau kita lihat dalam jangka masa panjang, penyakit tiga serangkai yang selalu disebut, kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, dan saya tahu, sekarang ini pun, hampir – kalau ada pusat-pusat dialisis baru yang hendak dipohon lesen, maka Kementerian Kesihatan akan menetapkan kawasan-kawasan di mana ia harus diadakan kerana kita tidak mahu ada kawasan tidak ada langsung pusat dialisis sementara kawasan-kawasan lain pula mempunyai beberapa buah pusat dialisis.

*This is good.* Ini adalah bagus kerana ini adalah sebahagian daripada perancangan kita untuk memberi, untuk mengagihkan *facility* ataupun kemudahan rawatan kesihatan di seluruh negara. Begitu juga saya kira dengan farmasi yang menjual ubat dan sebagainya, juga perlu dikawal pertumbuhannya supaya tidak hanya tertumpu pada kawasan-kawasan *urban* ataupun pekan di mana kita dapat berpuluh mungkin berbuah di dalam satu buah pekan.

Saya hendak balik tadi mengenai *prevention* ataupun mencegah penyakit-penyakit ini. Memang kalau kita lihat 15-20 tahun yang lepas, kita tidak ada seramai ini ataupun profesion kesihatan bersekutu ini tidak lah sampai 20 lebih. Pada satu masa dahulu, hanya kita melihat kepada ahli audiologi, dietetik, fisioterapi dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini saya lihat, kita sudah ada banyak. Ini kita bersyukur, *Alhamdulillah* dan memang langkah-langkah untuk mengawal selia ini adalah satu keperluan.

Cuma saya mengharapkan bahawa Kementerian Kesihatan dapat mencadangkan polisi-polisi yang boleh kita integrasikan dalam kementerian-kementerian lain. Misalnya saya hendak beri contoh, mungkin di dalam pasukan tentera, polis dan sebagainya, mereka ada seperti satu contoh kawalannya iaitu berat badan yang ideal, itu tidak boleh lebih, sebab kalau lebih maknanya pegawai tentera ataupun polis dan sebagainya, maknanya dia tidak *fit* untuk menjalankan aktiviti fizikal dan sebagainya. Itu adalah mungkin daripada segi tentera dan polis. Saya tidak tahu sama ada pihak polis ada kawalan ataupun norma-norma tertentu daripada segi berat badan yang perlu dipatuhi oleh anggota polis dan juga anggota tentera. Ini kerana, saya biasa melihat juga anggota polis pun ada juga yang berat badan mereka lebih.

Akan tetapi, kalau boleh kita panjangkan sedikit demi sedikit, tetapi perlu didahului dengan pendidikan kesihatan yang kakitangan kerajaan pun, *why not*.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Untuk berat badan ini, mungkin menjadi satu kriteria yang perlu diambil kira sekiranya hendak naik pangkat, hendak naik gaji dan lain-lain lagi. Mungkin ia adalah satu perkara yang bukan radikal...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Mencilah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya hendak mencelah sedikit satu isu yang selalu saya perkatakan cuma takut tidak sempat bercakap.

Misalannya, yang saya bimbang ialah kita tubuhkan satu *authority*, tetapi kerana *authority* itu tidak dianggotai oleh orang-orang yang benar-benar mengikuti perkembangan sains dan semasa, maka akhirnya pandangan jadi terkebelakang. Sesiapa kemudiannya yang bercakap, berbeza pandangan dengan yang disebut majlis *authority* tadi, akan dianggap sebagai sesat pula dan diambil tindakan.

Misalannya, tentang obesiti. Sekarang kita tahu, punca obesiti bukanlah kurang bergerak, kurang *exercise*. Hanya satu puncanya, iaitu peningkatan paras insulin yang tinggi. Insulin ialah, dengan izin, *fat-storing hormone*, ia menyimpan lemak. Turun paras insulin kerana diet yang betul ataupun berpuasa, maka badan jadi susut, kurang berat badan. Akan tetapi, yang ditegaskan, yang diterapkan bila disebut obesiti, “*oh, pergi exercise*”. Sedangkan berpuluh-puluh kajian besar, besar maknanya berpuluh-puluh ribu orang di *follow-up* selama berbelas-belas tahun, berpuluh-puluh tahun menunjukkan baik untuk kesihatan tetapi sama sekali tidak ada kaitan dengan obesiti.

Jadi badan yang disebut pakar tadi, majlis tadi, mungkin dianggotai oleh orang-orang yang tidak mengikuti perkembangan sains. Jadi bila kita bersyarah, kita kata tidak ada kaitan dengan *exercise*, dia menyarankan *exercise* dan dilaporkan bahawa si anu, si anu bercakap berbeza pandangan dengannya, maka dianggap si anu itu salah.

Itu saya bimbang. Jadi itu kita kena lihat dan teliti tentang juga pendidikan kesihatan. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang pendidikan ataupun sains itu sendiri, ia berbeza bila ada kemajuan. Kita ada apa yang kita panggil kadang-kadang, *knowledge* itu ataupun pengetahuan itu sudah jadi *obsolete* pada masa ke depannya.

#### ■1620

Jadi, tentulah bila kita mengatakan bahawa kita mewujudkan suatu majlis dan sebagainya. Malah di dalam fraterniti kesihatan itu sendiri— ini berlaku di merata tempat. Saya rasa di Malaysia pun begitu sebab *allopathy* itu sudah diterima sebagai *mainstream medicine*. Maka, pemikiran yang- ataupun kajian ataupun dapatan yang baru itu belum diterima lagi, belum masuk lagi dalam buku-buku teks pendidikan di universiti. Maka, graduan-graduan akan mempunyai satu tahap pengetahuan yang agak terkemudian sedikit. Ya, saya kira perlulah ada keterbukaan untuk kita mendengar pandangan-pandangan baru, penemuan-penemuan baru dan untuk kita integrasikan dalam pendidikan kita itu.

Bercakap mengenai pendidikan kesihatan, apa yang Yang Berhormat Kuala Kedah cakap ini memang betul. Kebanyakan daripada kita hanya akan mengambil pendapat daripada *mainstream* perubatan *allopathy* itu sendiri. Para doktor sebenarnya selain daripada mereka menghadiri seminar-seminar dan sebagainya. Mereka juga dididik secara tidak langsungnya oleh konon pakar-pakar daripada syarikat-syarikat farmakologi, pembuat-pembuat ubat dan sebagainya. Secara tidak langsung apa yang mereka promosikan adalah selari dengan teori mereka tentang penyakit tertentu itu supaya ubat yang dijual mereka ataupun dadah yang dibawa mereka untuk dipreskripsikan kepada pesakit adalah melalui pendidikan itu. Jadi, mungkin ini adalah fungsi pendidikan perubatan itu sendiri bagaimana seorang pengamal perubatan dan juga pengamal kesihatan bersekutu ini perlu membuka minda dan skop untuk mereka juga memperbaharui ilmu yang ada di dalam dunia pendidikan itu sendiri.

Terima kasih Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat Menteri pun *aware* tentang apa yang telah diperkatakan tentang kegemukan disebabkan oleh *insulin deficiency*. Akan tetapi saya rasa ramai lagi pengamal perubatan masih tidak menerimanya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak mencelah sikit boleh?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Dekat mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya sebenarnya mengikuti dan bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Raja bahawa tahap kesihatan itu banyak bergantung kepada *lifestyle* iaitu cara kita. Kalau cara kita makan sesuatu itu dengan ekstrem, berlebihan, tidak ada keseimbangan akan ada *counter effect* kepada *physical body* kita dan mungkin menyebabkan kesan-kesan yang tertentu. Kita setuju bahawa *wealth is health*, dengan izin. *Health is wealth*, maknanya kesihatan itu adalah kekayaan dan kalau kita dapat kekalkan, kita akan jadi sebahagian daripada rakyat maju.

Cuma yang saya hendak sentuh sini fasal di samping *education* yang kita sebut tadi, *awareness, prevention is better than cure*, dengan izin. Tahap kepekaan rakyat kepada kesihatan ini, bahawa pandangan saya perlulah seiring dengan tahap kepekaan keperluan untuk ekonomi dan juga pelajaran. Maknanya, tahap kepekaan untuk kesihatan ini mesti dipertingkatkan dalam kadar yang lebih banyak. Ini sebenarnya dapat banyak membantu rakyat memahami dan peka.

Dengan itu akan menjadikan mereka lebih sihat. Jadi, dalam profesion kesihatan bersekutu ini dengan undang-undang yang kita luluskan ini adalah menjadi satu keperluan untuk kita memastikan *deliverables* ataupun KPI yang jelas. Betapa antara lain tugas profesion ini ialah untuk menentukan tahap kepekaan rakyat tinggi dan mungkin ada *framework* yang perlu diadakan untuk memastikan tahap kepekaan ini seiring dengan pembangunan-pembangunan lain. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Memang itulah sepatutnya sebab kesedaran tentang kesihatan ini sebenarnya adalah sangat-sangat *crucial* di dalam kita menentukan cara hidup kita. Inilah saya sentiasa melihat kepada pegawai pendidikan kesihatan, nombor 20, salah satu daripada profesion kesihatan bersekutu ini. Sebenarnya pendidikan kesihatan ini bukan hanya bergantung kepada pegawai pendidikan kesihatan. Semua orang yang- penuntut yang melalui universiti, profesion kesihatan bersekutu, semuanya akan melalui pendidikan kesihatan secara umum. Kemudian baru mereka akan mengkhususkan bidang mereka itu sendiri. Namun dari segi penyampaian itu, ramai orang ada pengetahuan tetapi menyampaikan pengetahuan itu adalah satu perkara yang tidak semua orang boleh kuasai dan tidak semua orang mahir di dalamnya.

Memang bagi saya pegawai pendidikan kesihatan ini kalau selepas ini kita dikatakan mungkin kita ada *surplus* atau lebih, kita patut salurkan bukan hanya mereka ini bekerja dengan Kementerian Kesihatan dan institusi-institusi kesihatan tetapi mereka ini juga patut- jawatan ini patut juga diwujudkan di sekolah-sekolah, ya. Di sekolah-sekolah di mana mereka boleh membantu menanam kesedaran dan juga mendidik anak-anak daripada kecil. Oleh sebab ini adalah kita membina sikap anak-anak itu daripada kecil tentang jenis pemakanan, tentang apa yang patut, apa yang dikatakan cara hidup yang sihat dan sebagainya. Jadi, pegawai pendidikan kesihatan ini adalah bagi saya sangat *crucial* untuk menyampaikan pendidikan kesihatan daripada awal.

Saya rasa pegawai pendidikan kesihatan ini juga penting. Saya hendak tempuh sedikit tentang pendidikan. Oleh kerana di sini tentang bagaimana kita dapati bahawa remaja kita masih tidak memahami tentang ataupun tidak peka tentang pendidikan kesihatan reproduksi. Ini adalah menjadi salah satu daripada bahan yang diajar di sekolah-sekolah menengah dan juga sekolah rendah. Akan tetapi apabila saya melihat buku teksnya, ia macam mengajar sains di universiti ataupun menengah tinggi yang sukar anak-anak hendak faham. Oleh kerana kalau bagi pada seorang doktor ataupun pada seorang pegawai pendidikan kesihatan, mereka lebih mudah untuk mengajar. Cikgu atau guru pun kadang agak tersipu-sipu untuk mengajar tentang pendidikan, kita panggil pendidikan kesihatan reproduktif ini, dalam kata lain, pendidikan seks ini.

Jadi, ramai yang apabila kita sebutkan pendidikan seks ini, ramai yang membayangkan kita mengajar tekniknya. Akan tetapi itu adalah satu kesilapan kerana yang pentingnya adalah mereka memahami tentang bagaimana berlakunya persenyawaan dan sebagainya. Supaya mereka tidak terjebak dalam perkara-perkara ini. Saya selalu bila berbincang dengan guru-guru, mereka kata ini adalah topik yang agak susah untuk mereka sampaikan kepada murid dan guru-guru kadang-kadang malu hendak sampaikan. Selalunya orang-orang ataupun profesion yang datang daripada sains bersekutu ataupun

kesihatan bersekutu dan doktor, lebih mudah untuk menjelaskan kepada mereka dalam bahasa yang lebih mudah.

Jadi, saya sekali lagi sebagai kesimpulan, saya ingin menyatakan bahawa kita boleh menyediakan berjenis-jenis profesion kesihatan bersekutu. Selagi ada kemajuan dalam bidang kesihatan dan sains, maka kita akan ke depan. Ada lagi banyak pengkhususan, sub-sub pengkhususan yang mungkin 20 tahun daripada sekarang ada 50, ya. Akan tetapi apa yang pentingnya sekarang adalah untuk kita mendidik rakyat bagaimana menjaga kesihatan dan memahami tentang kepentingan menjaga kesihatan. Ini kerana kos akhirnya walaupun sekarang ini banyak *privatization* atau pergi ke swasta dan sebagainya tetapi akhirnya kerajaan tidak boleh lari daripada menjaga kesihatan rakyat.

Maka, kita perlu memperuntukkan lebih banyak bajet kita kepada pendidikan kesihatan. Saya rasa saya biasa sebut dulu bahawa saya telah sendiri menyaksikan di hospital sambil menunggu adalah video-video yang dimainkan tentang penjagaan kesihatan yang saya harap dapat dilihat di dalam televisyen. Mungkin kita *high time*, masanya dah tiba kita mengadakan satu saluran televisyen tentang kesihatan daripada— kerana rakyat kita ini dia kurang rajin membaca.

#### ■1630

Jadi kalau ada dalam bentuk audio visual ini, ia lebih berkesan dan saya ingin menyarankan bahawa pendidikan kesihatan ini diambil satu tahap yang lebih tinggi di dalam pendidikan masyarakat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sekijang.

#### 4.31 ptg.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Profesion kesihatan bersekutu atau *allied health professions* seperti mana yang ditakrifkan oleh *International Chief Health Professions Officers* (ICHPO) adalah profesion perubatan yang menggunakan kepakaran dalam sesuatu bidang terutamanya merawat, mendiagnosis dan menghalang penyebaran sesuatu penyakit yang melibatkan pelbagai peringkat. Ia memberikan gambaran bahawa profesion kesihatan bersekutu ini mempunyai skop yang sangat luas merangkumi pelbagai bentuk rawatan serta bidang kepakaran.

Melihatkan perkembangan semasa yang mana lebih 60% pekerjaan yang melibatkan bidang kesihatan dan perubatan datangnya daripada profesion kesihatan bersekutu ini, maka rang undang-undang ini merupakan suatu keperluan penting dalam memastikan mutu serta kualiti penyampaian rawatan kepada pesakit berada di tahap yang tinggi dan selaras dengan panduan yang dikeluarkan oleh *World Health Organization* (WHO).

Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, terdapat seramai lebih 50,000 orang rakyat negara ini menjadikan kesihatan bersekutu sebagai profesion mereka yang mana lebih 30,000 orang telah mengisi jawatan ini di Kementerian Kesihatan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan, profesion kesihatan bersekutu ini adalah suatu skop yang sangat meluas. Maka, tidak hairan jika undang-undang seumpamanya di negara-negara lain memberikan penekanan berbeza mengikut kepakarannya. Ketika ini, sebanyak 32 kategori profesion sains kesihatan bersekutu di Kementerian Kesihatan yang memberikan perkhidmatan dalam tiga bidang utama iaitu klinikal, kesihatan awam dan makmal. Kita harus maklum bahawa profesion ini adalah perkhidmatan sangat kritikal yang penting dalam memberikan sokongan kepada doktor dalam menyampaikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang berkualiti, sempurna serta berkesan kepada rakyat. Namun begitu, melalui rang undang-undang ini, hanya 23 profesion sahaja yang telah disenaraikan.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar perbandingan dibuat antara undang-undang sama yang telah dijalankan di negara lain terutamanya berkaitan senarai profesion yang turut dimasukkan di bawah senarai ini memandangkan terdapat beberapa profesion

penting yang tidak tersenarai di bawah rang undang-undang ini berbanding dengan senarai yang terdapat pada undang-undang yang sama di negara lain. Contohnya adalah paramedik yang memberikan rawatan awal di tempat kejadian.

Negara seperti United Kingdom dan Afrika Selatan telah menyenaraikan profesion ini di bawah *Allied Health Professions Council* di negara mereka. Bagi saya, mereka yang terlibat dalam kes-kes kecemasan sangat terikat dengan etika kerja atau *code of conduct* yang sangat ketat. Memandangkan mereka ini adalah barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan sewaktu kecemasan, adalah perlu bagi profesion ini untuk sentiasa dikawal selia agar tatacara mereka dalam mengendalikan tugas mereka sentiasa mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, baki sembilan lagi profesion yang ketika ini dari 32 kategori profesion kesihatan bersekutu turut perlu dibuat kajian untuk disenaraikan memandangkan rang undang-undang ini dibentangkan tidak lain dan tidak bukan untuk melindungi hak pengguna iaitu rakyat kita sendiri dalam memastikan mutu perkhidmatan kesihatan negara kita terus berada di tahap yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, *The Allied Health Professions Council of South Africa* telah meletakkan perubahan alternatif seperti akupunktur, homeopati, terapi Ayurveda serta terapeutik sebagai salah satu cabang di bawah profesion kesihatan bersekutu. Memandangkan rawatan alternatif kini turut menjadi pilihan utama rakyat negara ini untuk mendapatkan rawatan bagi penyakit yang dihidapi oleh mereka, maka saya merasakan terdapat keperluan untuk turut menyenaraikan bidang ini sebagai salah satu disiplin dalam profesion kesihatan bersekutu.

Ini adalah sangat penting memandangkan terdapat beberapa penyakit yang tidak dapat dirawat secara saintifik dikatakan mampu dirawat melalui cara rawatan alternatif dan ia secara tidak langsung menarik perhatian pesakit untuk mencuba cara rawatan jenis seperti ini. Selain daripada itu, terdapat banyak pusat rawatan secara alternatif ini dibuka di seluruh negara, namun masih tidak diketahui apakah status mereka ini diperakui oleh pihak Kementerian Kesihatan. Justeru, saya merasakan terdapat keperluan untuk meletakkan profesion kesihatan alternatif ini di bawah profesion kesihatan bersekutu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dilihat undang-undang berkaitan kesihatan di negara ini seperti Akta Kesihatan 1971, Akta Perubahan Tradisional dan Komplementari 2013 serta akta-akta lain yang berkaitan, boleh dikatakan hampir kesemua akta ini dikawal selia dengan kewujudan majlisnya yang tersendiri. Seperti yang kita maklum, setiap majlis di bawah akta-akta tersebut menggariskan undang-undang serta peraturannya tersendiri terutamanya yang melibatkan *code of conduct* ahli-ahli yang berdaftar. Namun, jika dilihat peraturan yang digariskan, kebanyakannya adalah bertindih antara satu majlis dengan majlis yang lain. Perkembangan ini mungkin boleh menimbulkan konflik antara majlis-majlis ini terutamanya berkaitan dengan tindakan tatatertib yang akan diambil jika terdapat aduan daripada rakyat.

Justeru itu, saya ingin menegaskan agar diwujudkan satu kesinambungan serta jambatan antara satu majlis dengan majlis yang lain agar kebergantungan antara satu sama lain dapat dijelaskan dan akhirnya rakyat akan dapat mengetahui dengan jelas bahawasanya hak-hak mereka sentiasa dilindungi melalui penubuhan majlis sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah setakat itu perbahasan saya berkaitan dengan rang undang-undang ini. Diharapkan dengan penubuhan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu ini nanti, ia akan bakal menjadi titik tolak penting dalam bidang kesihatan dalam negara kita dalam memastikan mutu perkhidmatan kesihatan di negara ini sentiasa berada di tahap yang tinggi.

Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kampar.

**4.37 ptg.**

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015.

Tuan Yang di-Pertua, profesion kesihatan bersekutu adalah pengamal yang berbeza dengan doktor, doktor gigi, jururawat dan ahli farmasi. Kumpulan ini terdiri daripada 25% sehingga 60% daripada jumlah tenaga kerja penjagaan kesihatan. Mereka melengkap sistem penjagaan kesihatan dengan memberi pelbagai perkhidmatan diagnostik, teknikal, terapeutik, penjagaan pesakit secara langsung dan pemulihan.

Terdapat 46 jenis profesion kesihatan bersekutu seperti tersenarai dalam *Wikipedia*. Tanpa kumpulan sokongan ini, kebanyakan hospital tidak akan dapat berfungsi dan pesakit tidak akan menerima penyiasatan dan rawatan yang betul. Bergantung kepada negara dan sistem penjagaan kesihatan tempatan yang berkaitan, sebahagian daripada profesional ini boleh dikenal pasti untuk dikawal selia. Saya bersetuju dengan Menteri Kesihatan bahawa satu akta memang perlu untuk mengawal selia pekerja-pekerja dalam profesion kesihatan bersekutu.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menyenaraikan 23 jenis profesion kesihatan bersekutu dalam Jadual Kedua untuk kawal selia. Akan menjadi suatu kesalahan untuk pekerja dalam profesion yang disenaraikan tanpa pendaftaran atau perakuan pengamal, dan sesiapa yang melanggar peruntukan ini boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

**■1640**

Seterusnya mana-mana orang yang menggaji seseorang yang tidak berdaftar di bawah akta ini, boleh apabila disabitkan dalam hal seseorang individu, didenda tidak melebihi RM50 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan kedua-duanya.

Memang diakui kebaikan kepada pesakit bila mana hanya pekerja kesihatan bersekutu yang berkelayakan sahaja diambil bekerja untuk menjaga mereka. Tuan Yang di-Pertua, satu akta yang serupa telah diluluskan di Singapura pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, hanya 10 jenis profesion kesihatan bersekutu telah diiktiraf dalam jadual pertamanya. Pada masa ini hanya tiga jenis profesion sahaja adalah tertakluk di bawah akta tersebut yakni fisioterapi, terapi cara kerja dan terapi pertuturan bahasa.

Perkara pertama, merujuk kepada Jadual Kedua dalam rang undang-undang ini. Ahli dietetik dan juga ahli pemakanan, kedua-duanya disenaraikan sebagai profesion kesihatan bersekutu. Di United Kingdom, Australia dan di Amerika Syarikat hanya ahli dietetik dikawal selia oleh undang-undang diiktiraf dan disahkan. Ini kerana hanya ahli dietetik yang berkelayakan untuk menyediakan terapi pemakanan perubatan atau perundingan pemakanan klinikal.

Seorang ahli dietetik perlu untuk menamatkan pengajian peringkat ijazah dalam bidangnya. Ahli pemakanan tidak berkelayakan untuk menyediakan terapi pemakanan perubatan kepada sesetengah pesakit. Saya rasa ia adalah amat mengelirukan dan sangat berbahaya sekiranya pesakit menganggap ahli pemakanan yang diberi perakuan kerajaan ini boleh sahaja memberi nasihat klinikal ke atas penyakit yang dihidapi mereka.

Dalam jadual kedua juga, disenaraikan pegawai pendidikan kesihatan dan pegawai penyediaan makanan (penjagaan kesihatan) sebagai profesion kesihatan bersekutu untuk dikawal selia. Saya tidak pula terjumpa kedua-dua profesion ini tersenarai sebagai profesion kesihatan bersekutu di negara-negara lain. Saya ingin tahu mengapa kerajaan memilih untuk mengawal selia kedua-dua bidang ini tetapi tidak pula memasukkan mereka yang bekerja dalam bidang kepakaran lebih kritikal seperti pembantu pakar bius dan *perfusionis* jantung.

Bolehkah Menteri sila cuba melihat untuk memasukkan juru *podiatrist* dan juru *prosthetist* ke dalam senarai ini di masa hadapan. Saya mencadangkan kepada Menteri untuk bermula dengan bilangan profesion yang lebih kecil dahulu dan menambah profesion-profesion lain pada peringkat kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua. Untuk kelayakan pendaftaran fasal 16(a) menetapkan seorang pengamal kesihatan hendaklah seorang warganegara Malaysia.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Kampar.

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kampar, dibenarkan? Okey? Sebelum Yang Berhormat Kampar pergi ke perkara kedua. Saya hendak balik kepada perkara pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kampar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kampar boleh duduk ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tadi Yang Berhormat Kampar ada menyebut bahawa dalam *Wikipedia* ada disenaraikan 64 profesion yang terlibat dalam kesihatan bersekutu ini tetapi dalam rang undang-undang ini hanya 23 sahaja yang telah dimasukkan dan Yang Berhormat Kampar juga mencadangkan dari semasa ke semasa ditambahkan.

Tadi saya ada dengar salah seorang daripada Yang Berhormat tadi yang berbahas mengatakan bahawa perubatan alternatif seperti *ayurveda* dan sebagainya juga dimasukkan dalam kategori ini. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Saya pun agak setuju dengan Yang Berhormat Kampar tadi kerana pada masa ini didapati terdapat lambakan banyak klinik-klinik *ayurveda* dan sebagainya muncul di seluruh negara. dan kita tidak tahu sama ada mereka ini betul-betul pakar dalam bidang itu. Sama ada mereka mempunyai kelayakan dan sebagainya.

Tetapi memang ia bertumbuh secara banyak di negara kita, jadi saya rasa perlu ada kawalan dalam perkara ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kampar sama ada perubatan tradisional atau pun perubatan alternatif juga ini harus dimasukkan dalam kategori ini. Terima kasih.

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu gajah. Saya memang bersetuju *alternative medicine* itu dimasukkan kepada senarai itu. Okey. Seorang bukan warganegara Malaysia boleh memohon untuk mendapatkan perakuan amalan sementara di bawah fasal 24. Walau bagaimanapun, ini hanya bagi tujuan mengajar menjalankan penyelidikan atau mengikuti kursus lepasan ijazah dalam bidang kesihatan bersekutu di institusi yang diluluskan oleh majlis dan dia mempunyai kontrak kerja dengan perkhidmatan awam.

Saya ingin meminta Menteri untuk mempertimbangkan kes pasangan warga asing, rakyat Malaysia dan penduduk tetap. Jika mereka mempunyai kelayakan yang sesuai dan memenuhi kriteria pendaftaran, mereka harus dibenarkan untuk memohon untuk perakuan sebagai pengamal kesihatan bersekutu. Adalah lebih produktif jika mereka dapat menyumbang kemahiran tenaga mereka ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga. Mengikut fasal 18(1) pendaftar hendaklah mengeluarkan dari daftar nama dan butir-butir lain pengamal berdaftar:

- (i) yang sudah meninggal dunia;
- (ii) yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajibannya; dan
- (iii) yang tidak memohon kepada pendaftar bagi pembaharuan perakuan

amalan bagi tempoh enam tahun berturut-turut.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fasal 19(1), seorang pengamal berdaftar yang namanya telah dipotong daripada daftar di bawah perenggan 18(1)(b), (c) atau (d) hendaklah dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan pemotongan itu, menyerahkan kepada majlis perakuan pendaftarannya. Seterusnya berikut fasal 19(2), mana-mana pengamal pendaftar yang gagal mematuhi subseksyen satu melakukan satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM25 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.



Saya ingin meminta Menteri menimbang semula keperluan untuk menyerahkan perakuan ini seperti yang disenaraikan dalam fasal 18(1)(b) dan (c). Jika seseorang yang tidak sempurna akal dan tidak berupaya menunaikan kewajipannya adakah dia dijangka menyerahkan perakuan pendaftarannya kepada majlis perakuan dalam tempoh 14 hari? Orang ini mungkin ada *Dementia*, *Schizophrenia*, sakit mental atau masalah lain. Tetapi orang ini akan didenda sehingga RM25 ribu atau dipenjarakan sehingga satu tahun atau kedua-duanya. Ini adalah hukuman yang sangat keras. Adakah kita benar-benar ingin memulakan pendakwaan terhadap orang yang tidak sempurna akal dan memenjarakan mereka.

Begitu juga bagi jenis pengamal berdaftar yang tidak memohon tetapi mendaftar bagi pembaharuan perakuan amalan bagi tempoh enam tahun berturut-turut. Orang ini mungkin telah bersara dan tinggal di tempat lain. Kadang-kadang di luar negara, ini kerap berlaku dengan pesara. Pasangan orang ini mungkin telah meninggal dunia atau mereka tinggal bersama anak-anak mereka kerana kesihatan yang kurang baik.

#### ■1650

Jadi walaupun berkhidmat dengan setia keseluruhan kehidupan mereka, enam tahun selepas persaraan mereka kerana tidak menerima pemberitahuan daripada pendaftar dan tidak menyerahkan balik perakuan pendaftaran dalam tempoh 14 hari kemudiannya, bekas pengamal kesihatan bersekutu ini berdepan dengan tuduhan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Beginikah cara kita membalas budi bekas pengamal kesihatan bersekutu ini?

Saya berharap Yang Berhormat Menteri sudi mempertimbangkan mengeluarkan fasal ini dan menghapuskan keperluan bagi kedua-dua kumpulan orang untuk menyerahkan balik perakuan pendaftaran mereka.

Sebagai kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong keperluan untuk mengawal selia profesion kesihatan bersekutu ini. Walau bagaimanapun, tiga perkara saya ingin membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri adalah:

- (i) rang undang-undang ini adalah melampau kawal selia terhadap pengamal kesihatan persekutuan yang kurang kritikal seperti pegawai penyediaan makanan dan pegawai pendidikan kesihatan.
- (ii) akta ini tidak membenarkan pasangan warga asing rakyat Malaysia untuk mendaftar sebagai pengamal kesihatan bersekutu; dan
- (iii) akta ini terlalu keras untuk menghukum pengamal kesihatan bersekutu yang dipotong pendaftarannya kerana tidak sempurna akal dan mereka yang tidak membaharui sijil amalan mereka selama enam tahun.

Saya minta Yang Berhormat Menteri sila meneliti dan mengkaji semula rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

#### 4.52 ptg.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyumbang sedikit perbincangan bagi Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu ini.

Saya rasa ini adalah satu lagi kemajuan dalam bidang perubatan di negara kita apabila kerajaan mengiktiraf kerjaya di dalam bidang kesihatan bersekutu ini dengan membentuk suatu majlis yang walaupun pada kita ia untuk mengawal selia. Ertinya, untuk cuba mengelakkan daripada kesan-kesan negatif daripada perilaku pegawai ini. Bagi saya ia lebih kepada untuk membina suatu bidang kerjaya yang lebih baik melalui pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan.

Pada masa ini kalau anak-anak kita yang ada kelulusan dan berhajat untuk berkhidmat dalam bidang perubatan dan kesihatan, maka bidang-bidang yang ditumpukan bagi yang cemerlang adalah bidang kedokteran dan yang kurang cemerlang menumpukan kepada kejururawatan, pembantu perubatan, inspektor kesihatan, ialah jenama-jenama yang sudah *established* di dalam profesion perubatan dan kesihatan ini. Akan tetapi, jawatan-jawatan yang lain kadang-kadang tidak diberikan perhatian sehingga bila mereka ditawarkan kursus-kursus yang sebegini, kurang menarik dan kurang meyakinkan daripada segi prospek masa hadapan mereka.

Bagi saya, apabila kita membentuk suatu majlis sebegini, ia satu pengiktirafan bahawa ini akan menjadi satu profesion yang ada keahliannya, ada jawatankuasa yang akan mengawal selia dan ada *peer review* di kalangan ahli-ahli di dalam profesion ini. Ini merupakan suatu pengiktirafan besar dan saya berkeyakinan generasi kita yang akan datang lebih mudah memilih kerjaya ini kerana diberikan suatu kedudukan yang baik di dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Cumanya seperti yang disebut oleh rakan-rakan kita yang lain tadi, terlalu banyak bidang ini sehingga kadang-kadang kita tidak pasti sama ada peranan mereka ini sebenarnya terus kepada secara *direct* walaupun di dalam akta ini disebut bahawa bidang ini adalah bidang yang sama ada secara *direct* ataupun tidak *direct* dalam perawatan pesakit. Akan tetapi bagi saya, yang lebih penting ialah bagaimana peranan mereka dalam memberikan sumbangan yang *direct* kepada rawatan dan pencegahan penyakit.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kampar tadi yang memberikan beberapa perhatian kepada beberapa bidang yang disebut di dalam senarai dua akta ini. Seperti yang disebut tadi pegawai pemakanan, *nutritionist* contohnya. Saya kurang pasti, mungkin Yang Berhormat Menteri ada jawapannya. Akan tetapi kalau dalam konteks perawatan di hospital, memang pegawai zat makanan ataupun *dietician* lah pegawai yang dirujuk bagi memberikan penilaian pemakanan dan juga nasihat dan juga preskripsi pemakanan sedangkan *nutritionist* berada di peringkat yang lebih umum tentang dasar-dasar pemakanan, tentang projek-projek kesihatan pemakanan dan sebagainya. Jadi saya inginkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri sama juga apa yang telah dimohon oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kampar tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bila kita meneliti rang undang-undang ini, dia menyebut mengenai keahlian di dalam majlis yang dicadangkan. Saya tidak pasti undang-undang lain tetapi dalam rang undang-undang ini disebut secara khusus bahawa anggota majlis ini pada satu-satu masa mesti mempunyai wakil daripada sektor awam lebih daripada sektor swasta ataupun daripada institusi pengajian tinggi.

Saya kurang pasti apa rasionalnya kita menetapkan keahlian majlis ini mengikut sentimen *private versus government sector*. Saya lebih cenderung merasakan bahawa keahliannya lebih adil kalau diberikan kepada orang yang memang terkenal bijak dan hebat di dalam bidang-bidang sedemikian walaupun mereka berada di institusi pengajian tinggi ataupun swasta ataupun kerajaan. Bukan di mana mereka berada tetapi sumbangan dan penerimaan masyarakat dan juga *peers* mereka di dalam bidang-bidang tersebut. Jadi saya mohon penjelasan daripada kementerian mengenai cadangan di dalam rang undang-undang ini.

Yang ketiganya, ada cadangan tadi supaya rang undang-undang ini dilihat semula bagi melibatkan sama pengamal-pengamal daripada bidang perubatan alternatif ataupun *complementary medicine*.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sekijang tadi apabila dia berasa tak selesa dengan rawatan perubatan yang sedia ada, dia memilih untuk rawatan komplementari. Ertinya rawatan komplementari ini adalah suatu alternatif, pilihan sedangkan apa yang dibahas atau apa yang dimaksudkan di dalam profesion kesihatan bersekutu ini bukan pilihan tetapi adalah bidang yang menyokong bidang perubatan moden yang menjadi teras kepada perkhidmatan kesihatan dan perubatan di mana-mana negara termasuk di Kementerian Kesihatan di Malaysia.

Jadi saya berpandangan cadangan supaya memasukkan *complementary medicine* ataupun *alternative medicine* ini sebagai sebahagian daripada profesion yang hendak kita luluskan dalam rang undang-undang ini tidak diterima. Kita pun ada rang undang-undang ataupun undang-undang yang menanganai perubatan komplementari ataupun alternatif ini.

Jadi kalau belum ada majlis, saya rasa mungkin belum ada majlis, maka majlis yang khusus dibentuk bagi menangani isu perubatan alternatif ini kerana mereka juga merupakan suatu kelompok yang besar di dalam program rawatan perubatan dan kesihatan di Malaysia ini. Jadi saya yakin mereka memerlukan satu majlis mereka tersendiri dan tidak dilibatkan di dalam majlis ini. Cuba bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kita ada 23 orang ataupun 23 profesion di sini. Mungkin akan ditambah lagi semasa ke semasa.

#### ■1700

Jadi di situ sahaja kalau seorang wakil daripada satu profesion, sudah 23 orang. Kemungkinan kita hendak juga satu profesion ini mungkin tiga wakil daripada tiga sektor. Kemungkinan ya. Di dalam bidang alternatif *medicine* pula, ada banyak pula lagi bidang Menteri, yang kalau ditambah lagi mungkin akan menjadikan ini Majlis Mesyuarat yang besar. Terlalu besar untuk menjadikan ia efektif. Itu daripada segi nombor. Akan tetapi saya ada keyakinan daripada segi penyelarasan aktiviti bidang-bidang ini adalah berbeza, penekanannya berbeza, pembelajaran dan kelulusannya jauh berbeza daripada 23 bidang yang tercatat dalam rang undang-undang ini. Jadi saya mencadangkan supaya kita tidak mencampurkan bidang perubatan alternatif dalam undang-undang yang dicadangkan ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

#### 5.01 ptg.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015. Pada dasarnya seperti mana yang disebutkan oleh Menteri dan Ahli Yang Berhormat yang lain, saya pada dasarnya setuju dengan rang undang-undang tersebut. Oleh kerana ini akan menjamin kepentingan pesakit dan pengguna dan sementara meningkatkan lagi mutu perkhidmatan untuk profesion kesihatan bersekutu. Dalam rang undang-undang ini telah diperuntukkan untuk membentuk satu Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia dan juga pendaftaran pengamal profesion tersebut sementara mengawal selia pengamal profesion kesihatan bersekutu. Jadi, walaupun niat dia baik tetapi saya rasa apabila sampai peringkat pelaksanaan, ada beberapa perkara yang harus diteliti supaya rang undang-undang ini tidak menjadi terlalu menyekat dan akan menjejaskan perkembangan perkhidmatan tersebut.

Kalau kita lihat kepada fasal 2 berkenaan dengan tafsiran. Aktiviti yang berhubung dengan kesihatan bersekutu, ertinya apa-apa aktiviti yang mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada penjagaan pesakit atau kepada kesihatan individu atau penduduk. Ini satu tafsiran yang agak luas. Akan tetapi saya juga tahu fasal 11 memberi kuasa kepada Menteri untuk mentafsirkan, wartakan aktiviti-aktiviti yang spesifik yang akan dikawal selia di bawah akta ini. Kalau kita lihat Jadual Kedua, memang dikatakan ada 23 bidang. Saya seperti mana sebutkan sebelum ini, ada rasa keliru sedikit walaupun saya sebagai doktor, antara peranan *nutritionist* dan *dietitian*. Walaupun saya rasa apa keperluan untuk kita memberi kawalan terhadap *nutritionist*, ini saya pasti Menteri harus jawab. Bukan setakat itu, saya lihat apabila kita asingkan bidang-bidang secara terperinci, ada kemungkinan ada pertindihan ataupun *overlapping function* antara profesion-profesion yang berkenaan.

Bukan setakat itu, ada sebahagian daripada aktiviti-aktiviti di bawah profesion tersebut mungkin dilakukan oleh orang awam, oleh orang yang lain. Saya hendak bagi sebagai contoh misalannya. Di bawah sini ada profesion pendidikan kesihatan. Jadi apabila seorang *dietician* ataupun pakar pemakanan memberi nasihat kepada seorang pesakit, pasti mereka akan terlibat dalam pendidikan kesihatan. Di manakah *guideline* garis panduan untuk kita mengasingkan peranan pendidikan kesihatan dan nasihat daripada segi pemakanan terhadap pesakit tersebut? Bagaimana kita hendak asingkan apabila misalannya seorang jururawat beri nasihat kepada seorang pesakit berkenaan dengan penjagaan kesihatan? Jadi ini ada pertindihan.

Satu aspek lagi adalah isu misalannya fisioterapi, sebab bidang fisioterapi bidang yang luas. Bukan setakat fisioterapi yang urut sahaja, tetapi ada fisioterapi yang melibatkan peranti atau alat-alat tertentu. Adakah kita akan menghalang misalannya, pakar urut tradisional daripada mempraktikkan fisioterapi urut biasa untuk orang yang

memerlukannya? Adakah kita akan menghalang dalam pewartaan Menteri misalnya, penggunaan *massage chair* (kerusiurut) misalnya sebab ini sebagai peranti yang digunakan, boleh digunakan oleh fisioterapi. Jadi, ada beberapa perkara lain mungkin ada pertindihan. Misalnya kalau seorang jurulatih sukan, apabila mereka melatih ahli-ahli sukan, mereka juga terlibat dalam misalnya rawatan apabila ada kecederaan daripada penglibatan sukan tersebut. Ada rawatan daripada segi fisioterapi, urut dan sebagainya. Jadi, di manakah garis panduan untuk memisahkan daripada kerja fisioterapi dan mungkin jurulatih?

Kita boleh panjangkan daripada itu, bukan setakat jurulatih, *gym instructor* misalnya, *fitness instructor*. Jadi, ini merupakan beberapa perkara di mana apabila pelaksanaan di peringkat pelaksanaan, Yang Berhormat Menteri harus teliti supaya garis panduan ini jelas dan tidak menjejaskan bidang-bidang di mana ada pertindihan. Jadi saya juga ambil perhatian bahawa ada 23 bidang yang terlibat dalam Jadual 2 ini. Akan tetapi saya rasa ada satu bidang yang seharusnya Menteri beri perhatian, beri keutamaan yang tidak termasuk dalam 23 profesion ini.

Bidang yang saya maksudkan itu bidang persolekan, *beautician* sebab ini satu profesion yang begitu popular. Kalau kita pergi ke bandar, di mana-mana memang satu profesion yang begitu popular. Juga satu profesion yang melibatkan bukan setakat kosmetik yang biasa tetapi penggunaan peranti, alat-alat tertentu yang mungkin membawa negatif impak terhadap kesihatan seseorang itu.

Jadi sepatutnya kementerian harus menggunakan peluang ini untuk mengutamakan, untuk kawal selia industri persolekan. Ini sebab saya rasa ini penting. Kalau kita uruskan dengan baik, bukan setakat kita pertahankan kepentingan pengguna tetapi kita mungkin boleh mengembangkan industri ini. Seperti mana kalau kita lihat di Korea Selatan, di mana industri *plastic surgery* dan persolekan menjadi satu industri yang begitu maju dan membawa kepada pertumbuhan ekonomi untuk Korea Selatan. Jadi saya rasa ini harus dipertimbangkan.

Saya juga ingin bangkit soal *physiotherapist* sebab kalau kita lihat di peringkat swasta ada *physiotherapist*, Kementerian Kesihatan ada *physiotherapist*. Saya juga lihat ada ramai di antara *physiotherapist* yang kelulusan daripada IPTS misalnya Masterskill, MAHSA, sampai hari ini tidak dapat peluang pekerjaan, menganggur. Akan tetapi kebetulan kalau kita lihat di peringkat Kementerian Kesihatan, kalau kita pergi ke *district hospital* di kawasan daerah, kita sukar hendak cari jumlah *physiotherapist* yang mencukupi. Bukan setakat jumlah tetapi kualiti daripada segi pengkhususan, *specialist occupational physiotherapist* dan sebagainya. Jadi bukankah kementerian boleh ambil peluang ini untuk seimbangkan supaya mengambil lebih *physiotherapist* untuk kemudahan kementerian supaya menambah baik perkhidmatan *physiotherapist* di peringkat kementerian.

Sebelum saya akhir, saya cuma hendak berkenaan dengan *physiotherapist* ini secara khusus. Ini apa yang berlaku kepada bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga bekas Timbalan Perdana Menteri kita, Datuk Seri Anwar Ibrahim di mana beliau mengalami penyakit *rotator cuff injury*. MRI beliau menunjukkan bahawa bahagian tendon di sebelah *shoulder* telah putus.

#### ■1710

Selepas dirawat oleh pakar ortopedik telah dicadangkan supaya ada intensif fisioterapi. Sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Setakat ini cadangan daripada pakar ortopedik ini tidak dapat dilaksanakan. Saya tidak tahu sebab apa, adakah oleh kerana orang yang memimpin rawatan terhadap Datuk Seri Anwar ini menghalang ataupun kemudahan kementerian tidak mampu untuk memberi fisioterapi untuk seorang tiga kali seminggu. Jadi saya berharap perkara ini diberi perhatian sebab setahu saya sejak bulan 2 sebelum ini sampai sekarang kesakitan beliau berterusan dan semakin teruk dan kalau kita masih tangguhkan rawatan yang sesuai kepada beliau, ada kemungkinan beliau terpaksa menjalani satu pembedahan yang *major*.

Jadi itulah beberapa aspek yang saya bangkitkan untuk perhatian Yang Berhormat Menteri dan saya sokong rang undang-undang ini, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sib.

**5.11 ptg.**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015. Saya amat gembira kerajaan mengemukakan rang undang-undang macam ini. Namun ada beberapa perkara saya ingin membangkitkan supaya Kementerian Kesihatan boleh mengambil perhatian.

Saya ingin tahu bagaimanakah rang undang-undang ini membawa pengaruh kepada profesion-profesional kesihatan yang lain. Saya sebagai ahli farmasi atau mungkin rakan saya sebagai doktor, kalau saya atau rakan telah melakukan aktiviti-aktiviti seperti fisioterapi adakah saya akan disabitkan di bawah akta ini kerana ini saya tidak tahu bagaimana hubungan akta ini dengan profesion lain. Jadi saya harap Kementerian Kesihatan boleh memberi penjelasan yang lebih teliti tentang ini.

Dalam profesion saya sebagai ahli farmasi saya selalu mengajar atau membantu pesakit saya bagaimana menguruskan *injury-injury* kecil seperti urut atau sedikit aktiviti yang melibatkan fisioterapi. Jadi kalau akta ini diluluskan dan dilaksanakan, mungkin sebagai ahli farmasi saya pun akan disabit kesalahan di bawah akta ini. Jadi ini memang satu perkara yang saya harap Kementerian Kesihatan boleh mengambil perhatian.

Selain itu, dalam hujah yang diberikan oleh Menteri bahawa ada 50,000 profesion Kesihatan Bersekutu di Malaysia. Jadi saya ingin tahu kalau akta ini dilaksanakan semua pengamal ini mesti mendaftar kepada jawatankuasa ini. Jadi jika sudah dipilih, berapa ramai kah mereka yang tidak layak yang akan disingkirkan daripada jumlah 50,000 ini. Saya rasa sekarang di Malaysia negara kita ini memang masih kekurangan pengamal-pengamal kesihatan secara umumnya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Stampin bangun.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sibu. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Sibu, dengan adanya Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu ini, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa satu kepentingan ataupun perhatian perlu diberikan kepada pelajar perubatan terutamanya mereka yang didapati dijangkiti Hepatitis B. Apa yang dihadapi oleh golongan ini amat menyedihkan di mana mereka seumpama didiskriminasikan di mana impian mereka untuk menjadi seorang doktor, tiba-tiba hancur. Apabila didapati mereka adalah pembawa Hepatitis B, terutamanya apabila mereka sedang menjalani pelajaran mereka ataupun semasa *housemanship*. Jadi soalnya adalah wujudnya polisi sekarang di mana ianya mencukupi untuk melindungi golongan ini.

Mengikut perkembangan terkini contohnya di US, di mana saya harap ianya boleh juga diikuti oleh Malaysia. Izinkan saya membacakan petikan media dari *CTV News Canada*; *"Federal health officials have issued a revised set of guidelines that make it clear that healthcare workers and students who carry the Hepatitis B virus or HBV for short, generally pose little or no risk to patients. Taken together, advocates say, the new health guidelines and the Justice Department settlement remove barriers to practice"*. Jadi saya berharap kementerian boleh memberikan pertimbangan yang sewajarnya mengikut perkembangan terkini supaya tidak ada seorang rakyat Malaysia terutamanya dalam kes ini hak mereka untuk mengejar impian mereka tidak diketepikan.

Saya berharap Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu ini boleh memberikan jaminan atau perlindungan yang kuat kepada golongan ini walaupun tidak ramai daripada menghadapi diskriminasi yang telah pun berlanjutan sekian lama. *Don't let them fight this battle alone*, dengan izin. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Sibu, terima kasih.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Yang Berhormat Stampin. Saya minta masukkan soalan tersebut ke dalam ucapan saya.

Bercakap tentang 50,000 pengamal-pengamal profesion kesihatan bersekutu ini, berapakah agaknya yang akan disingkirkan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu anggaran berapa ramai yang akan disingkirkan. Kalau jumlah ini

disingkirkan, adakah ia akan mengakibatkan perkhidmatan kesihatan Malaysia ini menghadapi satu kekurangan *human resource* yang sangat teruk.

Selain itu, tentang CPE, *Continuous Professional Education Program*. Sekarang di Malaysia amat besar, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sekarang masalahnya, kepada kebanyakan profesional kesihatan ialah *continuous education program* kebanyakan diadakan di Semenanjung Malaysia. Tidak banyak latihan semacam ini diadakan di Sabah dan Sarawak. Ini juga membawa satu masalah kepada pengamal-pengamal ataupun profesional-profesional kesihatan untuk menyertai latihan-latihan *continuous education program*. Jadi saya harap kalau akta ini dilaksanakan, juga akan mempertimbangkan bahawa pengamal-pengamal dari Sabah dan Sarawak memerlukan *Continuous Professional Education Program* di kawasan-kawasan mereka. Jadi saya berharap kementerian boleh memberi perhatian.

Selain itu, tadi Yang Berhormat Menteri akan berkata di Malaysia kita ada 32 bidang pengamal-pengamal profesion kesihatan bersekutu. Jadi sekarang di dalam jadual hanya 23 bidang pengamal-pengamal yang disenaraikan. Jadi apakah bidang-bidang lain yang belum lagi disenaraikan dalam Jadual Kedua ini, bolehkah kementerian menjelaskan atau senaraikan sembilan bidang yang belum disenaraikan. Saya ingin bertanya mengapa sembilan itu tidak disenaraikan di dalam akta ini. Apakah sebabnya?

Selain itu saya ingin membangkitkan satu lagi soalan ialah, sekarang di Malaysia memang banyak pengamal perubatan tradisional. Mereka sudah mengamalkan aktiviti profesion mereka di masyarakat kita ini. Jadi kebanyakan mereka ini mungkin dilatih di kolej atau sekolah yang tidak diiktiraf oleh kementerian.

#### ■1720

Jadi bila akta ini dilaksanakan, bagaimanakah mereka yang mengamalkan tradisional atau pengamal tradisional ini. Apakah destinasi mereka kalau akta ini dilaksanakan? Adakah kerajaan ada satu langkah untuk membantu mereka atau apa-apa? Saya ingin Menteri menjelaskan.

Selain itu, walaupun ini satu akta yang baik, saya rasa Kementerian Kesihatan pun boleh menumpukan perhatian sekarang terhadap perkhidmatan kesihatan di Sarawak. Perkhidmatan kesihatan di Sarawak amat ketinggalan kalau berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Jadi sekarang kami bukan sahaja kekurangan daripada segi infrastruktur, kekurangan hospital, kekurangan poliklinik, kami juga kekurangan doktor, doktor pakar, jururawat atau pengamal-pengamal kesihatan yang lain. Jadi, ini pun satu isu yang penting. Saya rasa Kementerian Kesihatan haruslah mengambil perhatian atau memberi pertimbangan yang lebih sebelum rang undang-undang macam Profesion Kesihatan Bersekutu ini dicadangkan. Walaupun ia merupakan satu undang-undang yang baik tetapi ada masalah yang lain belum ditangani oleh Kementerian Kesihatan.

Kalau lebih banyak undang-undang ini dikeluarkan untuk memantau, untuk *regulate* pengamal-pengamal lain, adakah Kementerian Kesihatan sudah bersedia untuk menghadapi kesan-kesan yang akan dibawa oleh undang-undang seperti ini. Macam kekurangan *human resources after* akta ini dilaksanakan. Bagaimana dengan pengamal tradisional kalau mereka disingkirkan dalam pendaftaran ini? Adakah kerajaan akan membantu mereka atau membiarkan mereka kehilangan pekerjaan mereka? Jadi ini semua ialah kesan-kesan yang mungkin akan dibawa oleh undang-undang ini. Jadi saya harap Kementerian Kesihatan boleh menjelaskan bagaimana langkah untuk mengatasi masalah ini.

Saya diberitahu sekarang di Sarawak banyak kawasan di pedalaman seperti di Kapit, di Song, ada kekurangan doktor pakar. Doktor juga kekurangan. Di Kapit kekurangan doktor pakar wanita. Saya sudah lama diberitahu tetapi sampai sekarang tidak ada dibangkitkan isu ini di dalam dewan yang mulia ini tetapi sampai sekarang saya perlu lihat apa-apa tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menghantar doktor pakar wanita ke Kapit untuk membantu masalah yang dihadapi oleh hospital di sana.

Kapit tidak ada jalan ke bandar-bandar lain. Kapit hanya boleh melalui jalan air sahaja untuk sampai ke sana. Jadi, Sibul merupakan bandar yang terhampir ke Kapit. Sibul ada hospital yang lebih besar tetapi dari Kapit ke Sibul ambil masa lebih kurang tiga jam. Kalau wanita yang bersalin menghadapi *complication*, jadi mereka harus dihantar ke Hospital Sibul. Jadi untuk hantar ke Hospital Sibul melalui jalan air mengambil masa tiga

jam, memang dalam jangka masa waktu tiga jam itu memang banyak kemungkinan boleh berlaku. Jadi, kekurangan doktor-doktor pakar atau doktor di kawasan pedalaman memang saya rasa Kementerian Kesihatan haruslah mengambil perhatian yang sangat serius.

Jadi saya akan berakhir di sini, saya harapkanlah undang-undang ini diluluskan tetapi Kementerian Kesihatan pun akan melihat ke dalam masalah-masalah yang sekarang sedang berlaku di Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

#### 5.24 ptg.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya menambahkan beberapa poin lagi. Saya pada dasarnya mengalu-alukan rang undang-undang ini kerana saya rasa kita dalam perkembangan mutakhir ini kita ada banyak *allied help professional* yang muncul yang disebut sebagai Profesion Kesihatan Bersekutu dan ini membawa kebaikan dan juga kekeliruan. Kebaikan kerana orang ramai, *public* ada banyak pilihan. Kekeliruan kerana kita tak tahu sebenarnya apa standard, apa piawaiannya dan bagaimana mereka ini diperhatikan bahawa mereka ini menjalankan praktis mereka mengikut etika dan juga amalan-amalan yang terbaik dan tidak membahayakan kesihatan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini tujuannya baik iaitu untuk mengawal selia dan juga meningkatkan profesionalisme individu-individu yang terlibat dalam Profesion Kesihatan Bersekutu ini. Namun, ini ada beberapa perkara yang terlibat dengan penubuhan majlis ini yang saya bimbangkan. Pertamanya macam yang saya sebut tadi dalam pencilan saya bahawa majlis itu seharusnya bertindak tujuannya untuk mengawal selia dan menjaga etika dan menjaga supaya apa yang dilakukan itu sesuai dengan piawai yang tertinggi dalam bidang yang diperkatakan. Akan tetapi bahaya mempunyai satu majlis itu ialah kadang-kadang majlis itu akan merencatkan perkembangan ilmu dan merencatkan usaha-usaha inovasi, usaha-usaha memperbaiki dan mencari cara-cara yang lebih baik, yang lebih inovatif dalam memberikan rawatan.

Misalannya saya hendak sebut sedikit pengalaman saya kerana saya kebetulan ada bercakap dan terlibat langsung dalam bidang pemakanan misalannya. Yang jelas yang memang berlaku, kes yang bukan hipotetikal, kes yang benar-benar berlaku. Dalam kes misalannya penggunaan telur, pengambilan telur. Walaupun dengar macam benda kecil tetapi dia jadi isu. Sekarang sainsnya kita tahu bahawa telur itu makanan yang sangat berkhasiat. Orang yang ada diabetes misalannya itu ialah salah satu yang terbaik kerana ia tidak meningkatkan paras insulin. Ia memberikan lemak omega-3 yang baik, protein yang baik, zat lemak yang baik misalannya.

Maka ahli-ahli pemakanan yang mengikuti perkembangan masa, melihat hasil-hasil kajian yang besar-besar, sainsnya cukup *solid*, mereka mengesyorkan supaya pesakit diabetes misalannya menggunakan telur, memakan telur dan empat ke lima biji sehari itu biasa, tanpa memberikan apa yang kerap disebut, nasihat yang kerap disebut yang sebenarnya tidak betul sainsnya supaya makan yang putih, tinggalkan yang kuning. Ini disebut tetapi rupa-rupanya ini menjadi satu punca pertikaian yang agak pahit, pertikaian yang berat dengan nasihat yang diberikan oleh *nutritionist* atau pemakanan di hospital kerajaan yang sebenarnya 40 tahun ketinggalan zaman.

Kita tahu telur itu makanan yang sihat dan kolesterolnya yang tinggi tetapi kolesterol dalam makanan, ia tidak meningkatkan kolesterol dalam badan malahan ia sihat dan rupa-rupanya di sebelah sana, ahli pemakanan di hospital kerajaan itu mereka ada kitab yang menjadi rujukan. Saya akhirnya terjumpa ditulis oleh seorang yang telah bersara daripada IMR bahawa telur itu dimakan hanya dua biji seminggu, itu dia punya syor, ada kitabnya. Akan tetapi itu bertentangan dengan sains.

Jadi apabila berlaku percanggahan begini, kalaulah majlis tadi dikuasai oleh orang-orang yang ketinggalan sainsnya, maka ia akan menganggap orang yang membawa idea baru ini sebagai salah sedangkan sainsnya tidak begitu dan itu tidak memberikan manfaat kepada pesakit. Kita menghalang pesakit daripada makan makanan yang sihat, yang punya potensi untuk menyembuhkan kesihatannya. Jadi itu saya berharap tidak berlaku.

Tambahan pula dengan ledakan ilmu dan teknologi dengan internet dan pelbagai lagi, maklumat baru masuk dalam bidang fisioterapi, bidang-bidang forensik dan berbagai-bagai lagi, akan ada perubahan-perubahan yang pantas dan birokrasi majlis biasanya yang kita lihat macam Majlis Perubatan Malaysia, dia lambat. Ini kerana untuk seseorang sampai ke peringkat berada di majlis tadi sebagai pakar rujuk, dia telah lama dalam praktiknya dan biasanya orang lama dalam praktik, dia kekal selesa dalam praktik yang telah ketinggalan zaman. Itu bahayanya, Tuan Yang di-Pertua. Bila dia sudah lama, dia sudah kekal, dia sudah jumud, dia jadi pakar rujuk. Waktu itu, maka dia memutuskan orang yang membawa idea baru yang lebih baik sebagai salah. Itu kita lihat dalam profesion bukan sahaja Majlis Perubatan Malaysia tetapi juga Majlis Jurutera dan lain-lain lagi.

Itu bahaya yang saya minta supaya kementerian teliti kan supaya tidak berlaku dalam Profesion Kesihatan Bersekutu ini dan sebaliknya kita juga perlu menghalang daripada pihak tertentu yang melakukan inovasi-inovasi baru yang tak ada asas sainsnya, itu saya setuju. Jadi untuk mencari satu keseimbangan antara kejumudan majlis itu dan dengan ciptaan-ciptaan baru yang tak ada asas yang sebenarnya untuk membuat untung sahaja, itu memerlukan satu kebijaksanaan yang tidak mudah didapati. Itu kena diperhalusi. Itu saya minta supaya diperhalusi majlis ini. Penubuhan majlis tadi dan juga siapa yang menjadi komposisinya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa poin-poin lain telah disebut oleh rakan-rakan saya, cuma saya mohon supaya keanjalan tadi diberikan dan *last point*nya macam fisioterapi, satu bidang yang sangat berkembang dengan pesat. Pemakanan itu sangat banyak tetapi panjang kita hendak sebut. Fisioterapi juga berkembang dengan pesat, alat-alat baru datang dan kita tahu sains yang baru misalnya kegunaan apa yang disebut sebagai *radio frequency treatment* dan lain-lain lagi untuk pelbagai cara penyakit, untuk sakit-sakit tulang belakang, saraf dan lain-lain, di mana hadnya hendak kita letakkan? Kita nampak jelas pesakit dapat kebaikan daripadanya tetapi apabila kita rujukkan kepada *physiotherapist* yang dilatih di pihak kerajaan atau yang di hospital, biasanya mereka tidak tahu langsung perkembangan alat-alat yang mutakhir yang terbaru ini, tidak ada idea langsung. Itu pengalaman sendiri saya sebagai doktor sebelum ini.

Akhir sekali poinnya fisioterapi macam disebut oleh saudara saya daripada Gopeng tadi, apa kesnya tentang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang begitu lama sekali disebut dan diulang-ulang. Cuma fisioterapi, kenapa tidak ada misalnya tiga kali fisioterapi tak dapat dibuat sebagai yang disyorkan oleh pakar yang merawat beliau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Moga *Insyah-Allah* kita dapat kebaikan daripada rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

**5.32 ptg.**

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, boleh sambung esok ya.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 20 Oktober 2015.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang]**